

THANK YOU
RM 10.00

AHMAD LUTFI OTHMAN

PAS Zaman Anwar

memo

buat bakal

PM



**Penerbitan
PEMUDA**

PAS Zaman Anwar

MAMMO

buat bakal

PM

ISBN 983-99829-2-3

PAS Zaman Anwar

MEMO

buat bakal

PM

AHMAD LUTFI OTHMAN

PENERBITAN PEMUDA

28, Jalan Pahang Barat,

Off Jalan Pahang,

53000 Kuala Lumpur

Cetakan Pertama Ogos 1993
© Ahmad Lutfi Othman 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Penerbitan Pemuda.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ahmad Lutfi Othman, 1963-

PAS zaman Anwar : memo buat bakal PM / Ahmad Lutfi Othman.
ISBN 983-99829-2-3

1. Anwar Ibrahim, 1947- . 2. Malaysia--Politics and government. I. Judul
320.9595

Diatur Huruf oleh Azhar Mahmud

Rekabentuk Kulit oleh Mohamad Rizal Md. Nor

Muka Taip Teks: Palatino

Saiz Taip Teks: 11/13

Dicetak oleh: Cetak Khidmat & Niaga,

101, Jalan Segambut Selatan,

Kuala Lumpur.

M 697928

320.9595

1008

13 MAY 1993

Perpustakaan Negara

KANDUNGAN

Pendahuluan	7
Anwar Bapa Penulis Upahan?	9
Mahathir Tidak Percayakan Anwar	29
Imej Baru Untuk Bakal Perdana Menteri	41
Darah Anwar Dalam PAS	51
Kerugian Bank Negara: Siapa Pula Kaki Judi?	67
Siapa Rakan Akrab Anwar?	91
Siasat Rahim Tamby Chik...		
Apa Sikap Anwar?	107
PAS Zaman Anwar	113
Bagaimana Anwar Kontrol Akhbar?	127
Dasar Pembangunan Anwar	139
ABIM 1990-an: Mahu Ke Mana Kalau Bukan		
Umno Pimpinan Anwar	149
Anwar Bela Syiah di Gereja	161
Bagaimana Kalau Anwar Ganti Abdullah Badawi	167
Anwar Bela Ustaz Fadzil Noor?	175

Bila Ustaz Fadzil Noor Baca Ucapan Anwar	183
Anwar Dari Kaca Mata Profesor Texas	187
Anwar Hantui Strategi Gerakan Islam	193
Bagaimana Anwar Agihkan Kekayaan Negara?	201
'Saya Ada Cara Untuk Jatuhkan Saudara'	215
Anwar Sebagai Tokoh Pembaca	221
Lebih Cepat Anwar Jadi PM, Lebih Baik Buat PAS!	229

PENDAHULUAN

Bagi penyokong Anwar Ibrahim, tentu ada sebahagian darinya yang menganggap buku ini akan terus menghentam "Pak Syeikh", dan merasakan saya cuba memberikan laluan mudah kepada seteru Anwar dalam Umno.

Saya tidak pernah berhasrat untuk memperlekehkan Anwar dan menaikkan saingannya, menjelang pemilihan kepimpinan Umno, 4 November depan. Kalau saya menegur Anwar, ia hendaklah dilihat dalam konteks itu sahaja, bukan bermakna saya memuji Ghafar, Musa ataupun Abdullah Badawi.

Tumpuan saya yang agak berlebihan kepada Anwar adalah disebabkan keyakinan saya bahawa Anwar mempunyai potensi menjadi Perdana Menteri satu hari nanti. Justeru itu, Anwar harus dari sekarang belajar untuk berdepan dengan kritikan, teguran, malahan kecaman.

Harapan saya, Anwar dapat membaca catatan yang saya usahakan ini dengan tenang, tanpa perlu bersusah payah memberi gelaran (seperti penulis upahan) kepada saya. Begitu juga dengan pengikut-pengikutnya.

Kepada kepimpinan PAS, maaf kerana saya membabit-

kan PAS dalam tajuk buku ini. Ya, PAS juga akan terheret dalam kancah pergolakan Umno, mungkin secara tidak langsung, sekiranya Anwar menjadi PM satu hari nanti.

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu, khususnya ahli keluarga Siti Hawa Samsam dan Ahmad Luqman Hakim yang memahami karenah saya sepanjang menyusun buku ini.

AHMAD LUTFI OTHMAN

Selayang Baru

Ogos 1993

1

ANWAR BAPA PENULIS UPAHAN?

Walaupun saya pernah ditohmahkan sebagai penulis upahan apabila menghasilkan buku *Anwar Lawan Ghafar?* oleh Mahathir dan kemudiannya disahkan oleh Anwar sendiri, ia tidak pernah melemahkan semangat untuk terus menggores idea, melakar cetusan pemikiran dan melontarkan pandangan.

Menurut *Mingguan Malaysia*, 25 April, Anwar mengingatkan pembaca *Anwar Lawan Ghafar?* bahawa "buku itu ditulis oleh penulis yang sanggup menjual diri." Dan rasanya penerusan budaya melabel itu tidak mampu untuk menggerhanakan lonjakan perasaan untuk terus mencatat segala percaturan politik dan karenah pemimpin Umno.

Ya, saya sendiri bingung memikirkan, siapakah yang bersedia mengupah saya, Ghafar atau Anwar, atau konco-konco nya? Apabila Anwar sendiri mengesahkan saya juga

penulis upahan, dan kenyataan Ghafar mengenainya belum kelihatan di akhbar-akhbar milik juak-juak Anwar, mungkin ada pihak menyimpulkan saya menyebelahi Ghafar. Tetapi jika ditekuni bait-bait perkataan dalam *Anwar Lawan Ghafar?*, Ghafar juga dikritik dan ditegur, dengan nada yang tidak kurang pedasnya, siapakah sebenarnya yang saya sokong?

Sebenarnya persoalan itu tidak harus dibangkitkan. Saya tidak pernah beria-ia untuk menyokong sesiapa jua di antara pemimpin Umno untuk menggantikan Mahathir. Saya tidak berhasrat untuk memudahkan perjalanan Anwar atau Ghafar atau Abdullah Badawi, dan tidak mustahil Musa. Mereka mempunyai kekuatan tersendiri dan tentunya ramai juak-juak masing-masing yang bersedia bertungkus lumus menjayakan cita-cita (dan nafsu besar) mereka. Perlu apa saya tercebur dalam kancah pergelutan dan pertarungan politik ini. Saya sebagai penulis (sebenarnya pencatat) hanya ingin melaporkan, memberikan beberapa sudut pandangan yang mungkin berbeza dengan pandangan utama, dan membetulkan salah tanggapan, serta yang lebih penting meletakkan kebenaran di atas tempatnya.

Telahan pembaca tidak boleh saya tolak begitu sahaja. Pembaca berhak menafsirkan apa yang saya perkatakan. Apa lagi subjek yang kita bahaskan ialah tentang amanah kepimpinan negara. Semua pihak harus diberi peluang menyatakan pandangan, kritikan, teguran dan saranan secara terbuka, tanpa dibelenggu rasa takut, bimbang dan curiga. Masalah kepimpinan Umno bukan hanya terbatas untuk diperkatakan dalam lingkungan Umno sahaja. Kepimpinan Umno - buat masa ini - adalah teras kepimpinan negara. Silap pemimpin Umno, silaplah perjalanan haluan negara. Salah perkiraan Umno, yang menanggung akibatnya bukan hanya ahli-ahli Umno, tetapi rakyat keseluruhannya.

Dalam hal ini, saya tertarik dengan bicara lidah pengarang *Risalah ABIM*, di waktu Anwar menerajunya: "Tatatertib organisasi atau disiplin parti tidak akan dapat mencegah

berlakunya politik kotor atau taktik jahat jika tidak ada disiplin batin anggota-anggotanya. Samalah seperti undang-undang lalulintas yang tidak dapat mendisiplinkan pemandu-pemandu yang mabuk. Di samping itu perlu juga dibina kematangan berfikir ahli-ahli supaya mereka mampu memandang jauh ke hadapan, dapat mengawal emosi di saat-saat tegang, dapat melihat dan meletakkan sesuatu masalah tepat pada tempatnya - bukan menanggapi sesuatu secara dangkal dan serampangan dan kemudiannya mudah terlanjur mengambil tindakan terburu-buru, tidak tepat sasaran, marahkan nyamuk kelambu dibakar. Kesetiaan seharusnya tertumpah sepenuhnya kepada organisasi dan cita-cita perjuangannya, bukan kepada seseorang tokoh atau pemimpin. Ahli-ahli harus dididik mengenal ideologi dan dasar-dasar perjuangan serta setia dan mencintainya. Bukan diasuh agar memuja seseorang tokoh dan sedia berkhidmat kepadanya sebagai tentera upahan di saat-saat krisis."

Pemimpin Umno harus bersyukur kerana masih ada penulis yang terpaksa menulis sendiri, kemudian mengeditnya sendiri, mengusahakan proses atur haruf dan filem, seterusnya mencari pencetak sendiri, dengan wang sendiri, dan terdedah kepada segala risiko secara bersendirian - semuanya untuk mengungkapkan segala karenah percaturan politik Umno, yang akan membawa manfaat kepada Umno, jika mahu diambil manfaatnya. Sekiranya penulis tersebut memfitnah, menghasut, membocorkan rahsia rasmi kerajaan, mengada-adakan cerita, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah terbuka. Jika perlu membuat penafian, akhbar-akhbar harian dalam semua bahasa yang dikawal sepenuhnya oleh Umno, dengan wartawan dan pengarangnya yang bersedia mematuhi apa jua arahan, semuanya boleh dimanfaatkan bagi menjawab hujah penulis buku politik.

Shahnon Ahmad (*Harakah* 14 Mei 1993) menyorot hal ini: "Barangkali memang ada penulis-penulis yang menulis karangan-karangan mereka kerana diupah tetapi ukuran

dalam penilaian sesebuah karangan bukan persoalan sama ada penulis itu diupah ataupun tidak. Dasar penilaian seharusnya bertolak dari teks, dari karangan itu sendiri. Ini termasuklah persoalan-persoalan dan hujah-hujah yang terkandung di dalamnya, sumber-sumber yang dirujuk, struktur dan organisasi karangan itu, perbincangan dan analisis yang dikemukakan serta tafsiran dan interpretasi yang disogokkan oleh penulis. ...maka landasan penilaian seharusnya bertolak dari teks itu sendiri. Dan bukan dari penulisnya. Ada buku yang tajuknya dan isinya kontroversi membicarakan hal-hal semasa tetapi kita tak semudah itu mengcapkan penulisnya sebagai penulis upahan. Kita harus baca karangan ini dengan tafsiran dan interpretasi kita sendiri. Mungkin karangan ini secara terang-terang mengkritik kepimpinan yang ada tetapi kalau buah fikirannya bernas dan hujahnya masuk akal, kita sewajarnya menerima karangan itu sebagai karangan yang baik."

Shannon seterusnya mencirikan siapa sebenarnya penulis upahan: "Dia menulis kerana dia dipilih dan diletakkan di situ oleh pemimpin tertentu untuk mendapat upah bila menulis. Dan kerjanya ialah sanjung dan angkat pemimpin yang memilih dan meletakkannya di situ dengan teknik yang berbagai dan dia sebaliknya mendapat segala nikmat yang sebelumnya tak pernah terbayang dalam kehidupannya. ...dia menggunakan segala teknik yang ada untuk menjatuhkan sesiapa saja yang menentang orang yang mengupahnya, tak kira sama ada musuh pemimpinnya itu datang dari organisasi di luar atau dari dalam organisasi yang sama dengan organisasi pengupahnya. Dia hanya asyik mengatakan penulis lain adalah penulis upahan tapi yang sebenarnya dialah penulis upahan nombor satu."

Bagi saya, budaya melabelkan seseorang atau kumpulan tertentu yang tidak disenangi, dengan imej yang negatif bukanlah fenomena baru. Ia adalah strategi golongan yang tandus idea, kering hujah dan kontang kolam pemikirannya.

Seperti pandangan Shahnnon tadi, sewajarnya hujah atau pandangan yang dinukilkan dalam mana-mana buku dilawan dengan argumentasi yang munasabah, logik dan dapat diterima akal.

Jika diteliti gaya Mahathir sepanjang menerajui negara, sindrom melabel ini kerap terpancar bilamana beliau menghadapi tentangan dari pihak luar. Selain itu, Mahathir bukannya mematahkan hujah dengan hujah, menjawab kritikan dengan fakta yang lebih tepat, tetapi seringkali beliau mencari dan mengada-adakan kelemahan pihak yang berhujah dengannya. Lebih teruk dari itu, hujah yang tidak selari dengan pendapatnya tidak dihujahkan dalam suasana perbincangan yang sihat, malah hujah kerap dihadapkan dengan penjara atau Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan media yang tidak serasi dengannya sering dikejutkan dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang menggerunkan itu.

Harakah contohnya, lidah rasmi sebuah parti pembangkang yang bersaing kuasa dengan Umno, juga menghadapi tekanan batin yang amat menyeksakan. Saya secara peribadi, semasa diamanahkan sebagai Pengarang Kumpulannya, seringkali terperosok dalam dilema yang berpanjangan; sesuatu isu mengenai kemungkaran pemerintah hanya dapat dibongkar sepintas lalu sahaja. Jika saya dan rakan-rakan mengemukakan segala kebenaran yang ada, takut pula nanti permit penerbitannya ditarik tanpa amaran. Maknanya, saya terpaksa mengekalkan *Harakah* dalam keadaan yang tidak terlalu menyerang parti pemerintah, atau lebih tepat lagi dalam keadaan yang lemah dan tidak menggugat kerajaan Umno. Sementalahan pula, seorang dua Ahli-ahli Parlimen Umno, antaranya Shahidan Kassim, sentiasa mengaum mendesak permit *Harakah* ditarik balik.

(Haji Subky Latif menjawab masalah ini dengan komentar yang baik sekali: "Palsu dan fitnah bukanlah sebab-sebab yang cukup untuk *Harakah* dihadapkan kepada pemberi permit. Negara ada peraturan tentang masalah yang mem-

babitkan palsu dan fitnah. Mana-mana siaran yang disyaki palsu dan fitnah boleh diseret ke mahkamah dan jika sabit, maka ada hukum tertentu diperuntukkan kepada mahkamah memutuskannya. ...Shahidan baru sekadar mendakwa *Harakah* melakukan fitnah dan palsu. Tetapi ia belum dibuktikan oleh mahkamah dan Shahidan sendiri pun tidak membutuhkan yang mana satu fitnah... Demikianlah cara akhbar menghadapi apabila dituduh memfitnah secara spesifik, bukan secara borong yang mungkin juga boleh ditafsirkan sebagai memfitnah akhbar itu pula. Sekalipun sekarang mahkamah dirasakan tidak lagi bebas kerana didakwa dikongkong juga oleh kerajaan, tetapi ruang untuk menyatakan yang hak dan kebenaran boleh disampaikan. Soal mahkamah berat sebelah adalah masalahnya, tetapi yang tertuduh masih dibenarkan membela diri.”)

Dan yang paling menakjubkan ialah Anwar Ibrahim sendiri cukup tidak menyenangi *Harakah* terutama dalam isu kerugian pertukaran asing Bank Negara, dan dia menyebutnya di mana-mana, termasuk kepada pemimpin PAS. Walhal Anwar mahu dikenali sebagai tokoh yang terbuka, bersedia menerima teguran, pernah dianugerahkan sebagai Tokoh Pembaca 1988, dan yang lebih dari segala-galanya ialah Anwar menguasai semua akhbar-akhbar utama, *Utusan Malaysia*, *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, *New Straits Times*, juga termasuk *Shin Min Daily News*. Ini belum lagi dikira *Bernamea*, *Dewan Bahasa dan Pustaka*, ditambah lagi TV3 dengan *Berita Terkininya!* (Seorang teman wartawan mengusik: “Berita Terkini TV3, yang diusahakan oleh orang kuat Anwar yang pernah menjadi pengarang *Berita Harian* sengaja dirancang untuk memprojekkan Anwar menjelang 4 November depan. Maknanya, dalam setiap satu jam wajah Anwar akan diingati!”)

Jadi apa yang dihairankan dengan kritikan *Harakah*, sebuah akhbar nyamuk, dibandingkan dengan penguasaannya ke atas akhbar-akhbar gergasi. Itupun Anwar tidak

boleh berlapang dada dan menerima pandangan pihak lain, seperti tulisan saya yang amat dhaif ini, yang terlalu kerdil jika mahu dibandingkan dengan agensi media yang terkenal dengan segala kecanggihan itu.

"Apakah Anwar mahu menguasai *Harakah* pula. Tak cukup lagikah dengan wartawan-wartawan yang diupahnya di *Utusan* dan *Berita Harian*?" marah seorang teman bila saya menceritakan dilema yang saya hadapi.

Begitupun Anwar dengan penuh emosional sering menuduh pihak lain jumud dan bebal, khususnya pemimpin PAS. Beberapa episod di Parlimen membuktikan Anwar tidak bersedia memberi peluang kepada pembangkang untuk menyoal dan mempersoalkan segala jawapannya. Sedangkan kalau kita perhatikan pidato penganugerahan Tokoh Pembaca yang diterimanya itu, yang disampaikan oleh Rustam A. Sani, juga membuktikan penghormatan terhadapnya yang begitu tinggi, tetapi disia-siakan oleh Anwar: "Minat peribadinya (Anwar) yang agak rakus terhadap pembacaan buku mahupun pendorongan rasmi yang diberikannya terhadap penghasilan dan penyebaran buku di kalangan bangsanya itu sesungguhnya lahir daripada kekhuatirannya yang mendalam (dan sering pula diluakannya dalam ucapan-ucapan) akan keadaan yang ditanggapnya sebagai kejumu dan kegelapan yang sedang mencengkam cakerawala bangsanya."

Ketika berbahas dengan Haji Nakhaie Ahmad, pengerusi jawatankuasa kecil akhbar-akhbar tabloid bagi merumuskan Dasar Penerangan Negara, di Angkasapuri, saya menekankan tentang halangan yang sengaja diletakkan oleh pemerintah terhadap *Harakah*. Saya mencadangkan agar segala hambatan yang tidak perlu, seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan ditarik balik dan dalam masa yang sama mencadangkan satu akta baru bagi memastikan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat yang benar dan kemaskini. Yang ada sekarang ialah undang-undang yang mengekang hak rakyat, bukannya

memberi hak kepada mereka dan memberi pembelaan apabila ditindas oleh pemerintah. Contohnya, Akta Rahsia Rasmi. Saya juga membangkitkan perlunya pandangan kedua disuburkan bagi membantu menjayakan cita-cita melahirkan bangsa yang dinamis, inovatif dan berpandangan jauh, serta tidak dipasung minda mereka.

Lidah pengarang *Harakah*, 10 Mei 1993, merakamkan fenomena ini: "Dalam mana-mana masyarakat juga wujud pandangan yang berbeza-beza. Pandangan berbeza-beza inilah yang menjadikan masyarakat itu hidup. Hatta dalam Islam sendiri terdapat huraian yang berbeza atas perkara yang sama. Malah kemurnian Islam itu tegak atas keupayaan mengambil yang baik atau terbaik dari pandangan yang berbeza-beza tadi sesuai dengan kejadian manusia yang Allah jadikan berbeza-beza dan berbangsa-bangsa supaya berkenalan antara satu sama lain. Pemerintah memberikan pandangannya atas satu rancangan atau projek. Maka pandangan kedua diperlukan bagi memantapkan rancangan itu. Demikian juga masyarakat negara ini, mereka perlukan pandangan kedua supaya mereka tidak jadi manusia yang jumud, terkongkong dan kuno."

Musa Hitam, yang kini dikatakan saingan paling sengit terhadap Anwar - selepas Ghafar - tentunya ketawa berdekah-dekah (memang itu pun kegemaran Musa) bila membaca laporan akhbar tentang ucapan perasmian Anwar di Persidangan Mengenai Komunikasi, Teknologi dan Pembangunan: Alternatif Untuk Asia, anjuran Pusat Penyelidikan dan Maklumat Komunikasi Massa Asia (AMIC) dan The New Straits Times Press (M) Berhad, yang dihadiri hampir 100 peserta dari Australia, Kanada, Perancis, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun dan Malaysia. Kalau Sanusi Junid ada membaca laporan itu bersama Musa, tentu suasana lebih meriah, apatah lagi jika Shahrir pun tumpang sekaki.

Menurut Anwar, rangkaian maklumat alternatif yang akan berkembang di rantau Asia tidak seharusnya menjadi

saluran kepada kepentingan hak atau ideologi sempit seseorang. Rangkaian itu juga, katanya, tidak wajar dikembangkan untuk melindungi kegiatan rasuah, kerapuhan moral dan salah laku seseorang.

"Kita tidak harus takut kepada maklumat. Jika kita benar-benar mahu menjadi alternatif kepada rangkaian maklumat yang ada, kita mesti bertolak ansur mengenai kepelbagaian pendapat dan pandangan dari dalam atau luar sempadan. Jika kita boleh melonggarkan halangan dalam urusan perdagangan menggalakkan aliran barangan dan wang ke serata rantau ini, maka tidak ada alasan kenapa kelonggaran yang sama tidak boleh dilakukan dalam soal idea dan maklumat. Kita cuba mencari alternatif kerana impian kita kepada kebebasan dan membebaskan diri daripada belunggu semulajadi dalam struktur maklumat global sekarang," tegas Anwar.

Sebelum itu, pada akhir April 1993, Musa dilaporkan meluaskan perasaan bimbangannya dengan kecenderungan akhbar negara ini yang hanya menonjolkan tokoh tertentu sehingga seolah-olah wujudnya pembangkang dalam Umno. Katanya, walaupun negara ini masih mengamalkan dasar kebebasan akhbar, tetapi akhbar-akhbar utama berada dalam tangan kumpulan tertentu. Tambahnya, tokoh-tokoh tertentu dalam Umno begitu ghairah menguasai akhbar utama dan kemudian meletakkan orang-orangnya, dengan tujuan menjatuhkan penentangannya dalam parti. Ketika berkunjung ke rumah terbuka sempena Aidilfitri yang lalu, Sanusi berkata kepada saya: "Hanya *Harakah* dan *Watan* yang boleh diharapkan sekarang. Suratkhbar lain, kalau nak siar pun cerita saya, hanya mengenai yang buruk dan negatif sahaja. Contohnya, kalau arnab diserang penyakit, disiarlah."

Bukan itu sahaja, dipercayai Anwar sedang berusaha menyusun semula sidang editorial *Watan*, yang pada mulanya dikatakan lebih memihak kepada Sanusi. *Watan* akan dipastikan sepenuhnya bergerak untuk menjayakan cita-cita tinggi

Anwar. Dikatakan pengarangnya sekarang, Zainal Epi tidak bersedia berhempas-pulas menjulang Anwar. Semoga usaha Anwar sukses!

Berbalik kepada kenyataan Anwar di atas, yang menyebabkan ramai pemimpin Umno kumpulan Ghafar Baba ketawa, wajar juga diteliti pandangan Tengku Razaleigh mengenai hal yang sama, iaitu kebebasan akhbar: "Sesebuah regim yang cuba menyekat kebebasan media massa adalah regim yang cuba menyembunyikan keburukan dirinya. Kita mahu masyarakat kita menjadi masyarakat yang sihat. Masyarakat yang sihat sentiasa menuntut anggotanya bersih daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa, kerana ia menjadi barah dalam daging. Melalui media massa yang bebas, barah itu dapat cepat dikesan. Kemudian ia boleh dipotong dan dibuang segera ...Insya-Allah sekiranya kita berkuasa, kita akan pertahankan kebebasan akhbar dan pengaliran maklumat di negara ini. Pindaan OSA yang ada akan dihapuskan. Kita tidak mahu mana-mana wartawan dipenjarakan kerana mendedah kepincangan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Bagi kita, wartawan harus diberi ruang yang lebih besar mengamalkan kemahiran profesional mereka...

"Kita akan berikan nafas baru dalam konsep penyiaran radio dan TV kita. Daripada alat propaganda, kita akan jadikan radio dan TV sebagai alat pendidikan dan pemberi maklumat yang berkesan. Kita akan membenarkan pandangan kritis masyarakat disiarkan, sekalipun ia datang daripada parti pembangkang. Kita yakin Malaysia akan menjadi sebuah negara yang lebih dihormati sekiranya kita menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat di rantau ini. Kita mahu melahirkan masyarakat berilmu yang berbudaya tinggi, kritis pemikirannya dan tinggi sifat ingin tahunya. Kita mahu, satu masa nanti, Malaysia akan melahirkan wartawan terbaik, ahli akademik terbaik, novelis terbaik, penerbit terbaik dan penyiar terbaik di rantau ini dan

seluruh dunia amnya.”

Sebelum itu, Tengku Razaleigh, di majlis yang sama, Perhimpunan Agung Kelima Semangat 46, 31 Ogos 1992 mencabar kerajaan Umno: “Berikan kami 15 minit sahaja sebulan untuk ke udara melalui TV dan radio secara langsung. Kita bersedia menerima peruntukan 15 minit itu walaupun masa diberi pada jam 3.00 pagi. Kita cuma mahu 15 minit sahaja untuk menerangkan pendirian kita secara bebas dan adil. Itu sahaja.”

“Di London,” menurut timbalannya, Rais Yatim, “John Major, dari parti Konservatif, dengan Neil Kinnock, parti Buruh, dan Paddy Ashdown, Parti Sosial Demokrat, keluar saban hari, sebelah menyebelah, baik di akhbar mahupun di TV.”

Menurut Subky lagi, sungutan terhadap keadilan dalam laporan media bukan sahaja disuarakan oleh pemimpin pembangkang malahan oleh tokoh-tokoh yang pernah memimpin Umno. Bila Dato Onn Jaafar hilang kuasa, dia bersungut betapa akhbar yang dikuasai Umno tidak adil terhadapnya dan tokoh bukan menteri lainnya. Tan Sri Jaafar Albar yang tidak lagi jadi Setiausaha Agung Umno bersungut kerana dia dipencilkan akhbar. Kemudian Tan Sri Khir Johari pula tidak jadi menteri, juga bersungut hingga akhirnya terpaksa mengasaskan *Watan* bersama Subky. Syed Nasir Ismail sebelum jadi Speaker juga bersungut tentang hal yang sama. Almarhum Tunku Abdul Rahman yang disanjung ketika berkuasa tidak lagi menjadi perhatian akhbar setelah hilang kuasa. Beliau terpaksa mengadakan akhbar sendiri, *The Star*. Itupun akhirnya beliau tidak dibenarkan jadi pengerusi jika *The Star* mahu diterbitkan semula. Kecewaannya terhadap layanan akhbar dan pihak yang menangani akhbar dalam kerajaan dibawanya hingga mati. Tunku selalu mengeluh sukarnya untuk menyatakan pandangannya kerana akhbar tidak berani menyiarkan.

Monopoli Anwar terhadap akhbar-akhbar utama dan

TV3 bukan rahsia lagi. Selak sahaja *Utusan* mahupun *Berita Harian*, kita akan – secara yang begitu jelas dan menonjol – dapat menyaksikan bagaimana kenyataan dan gambar Anwar, selalunya dalam warna-warni, diletakkan. Seringkali ia jauh lebih tertonjol dari liputan tentang Ghafar, apatah lagi Abdullah Badawi dan Sanusi. Dan jika dipaparkan gambar semasa mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, akan dicari gambar yang memaparkan Dr Mahathir, Ghafar dan yang pastinya, tidak tertinggal ialah Anwar. Sedangkan Anwar hanyalah naib presiden parti, jawatan yang sama dengan Abdullah Badawi dan Sanusi Junid. Dan banyak juga kenyataan-kenyataan Anwar, yang tidak ada kaitan dengan Kementerian Kewangan diberikan liputan yang menonjol di muka depan, seolah-olah Anwar itu seorang Perdana Menteri, yang bisa berpidato dengan baik mengenai apa jua isu. (Tapi, menurut sumber, kenyataan-kenyataan Anwar tentang ekonomi dan kewangan seringkali menimbulkan keributan dan mendedahkan kejahilan Anwar).

“Cara *Berita Harian* tonjolkan Anwar yang begitu keterlaluan ini dirasakan oleh semua pembaca. Para editornya mesti ingat, salah-salah bodek, boleh timbulkan masalah pada Anwar,” seorang teman wartawan memberi pandangan. “Anwar sebenarnya bukanlah tokoh yang diminati para pemberita, hanya pengarang yang beria-ia mahu mengipasnya,” tambahnya. Teman saya ini sering membuat liputan kegiatan Anwar. “Anwar sombong dengan pemberita tempatan,” katanya. Bagaimanapun beliau masih dikatakan “orang Pak Syeikh”, maksudnya juak-juak Anwarlah tu

Menjelang pemilihan Umno, akhbar-akhbar di bawah kawalan Anwar ini cukup berhati-hati membuat liputan, semuanya harus menyokong kedudukan Anwar dan mendukung apa saja keputusan politik Anwar. Contoh yang ketara ialah soal kemungkinan jawatan Timbalan Presiden Umno ditandingi. Anwar ketika itu dikatakan begitu mengidam jawatan no. 2 itu. Apabila beberapa ditimbulkan masalah

perpaduan parti yang mungkin terancam apabila jawatan itu dipertandingkan seperti yang berlaku pada tahun 1987, para editor *Berita Harian* berusaha keras memberikan tafsiran baru terhadap pertarungan 1987. Ahli Umno secara umumnya difahamkan selama ini bahawa pertandingan dua jawatan tertinggi parti tidak membawa banyak manfaat, sebaliknya menimbulkan lebih mudharatnya. Justeru itu para editor menyifatkan pertandingan itu sendiri tidak membawa padah sekiranya pihak yang kalah menerima kekalahan dan tidak membawanya ke mahkamah. Maknanya, pertandingan itu dibolehkan.

Dan apabila Abdullah Badawi mengingatkan malapetaka yang menimpa Umno disebabkan pertarungan 1987, *Berita Harian* bukannya memberi tumpuan kepada ingatan itu, sebaliknya ditonjolkan pembabitan Pak Lah dalam Team B. Cubalah pembaca sendiri menganalisis kembali sebahagian petikan lidah pengarang *Berita Harian*, 31 Mac 1993 ini, dan membaca apa yang tersirat di dalamnya, sehingga Ghafar pun disinggunginya, (walhal Anwar langsung tidak pernah diusik oleh akhbar-akhbar ini, walaupun dalam isu kerugian Bank Negara yang berjumlah hampir RM16 ribu juta itu):

“Tidak dapat dielakkan kenyataan Abdullah akan menyegarkan ingatan ahli Umno kepada detik-detik pahit kempen Team B menghentam Datuk Serti Dr Mahathir Mohamad. Dr Mahathir dan Ghafar Baba dihentam habis-habisan oleh Team B pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah yang berganding bahu dengan bekas musuhnya Datuk Musa Hitam. Beberapa pengikut setia mereka dalam Kabinet Dr Mahathir, turut berkerat rotan berpatah arang sehingga tergamak “menikam” Dr Mahathir dan kerajaan dari arah belakang. Segala rahsia Kabinet dipecahkan dan pelbagai fitnah disebarkan seolah-olah Dr Mahathir dan kerajaan pimpinannya tidak berguna lagi.

“Semalam, wartawan yang cuba mendapatkan reaksi Ghafar yang mengharungi pahit getir pemilihan lalu, hanya

memberi jawapan "no comment". Tidak wajar bagi Ghafar yang dikenali sebagai orang yang berpegang teguh kepada paksi demokrasi, membuat sebarang ulasan yang hanya mendedahkan kepada pelbagai tafsiran... Apakah pemilihan Umno 1993 akan berlangsung secara sopan dan aman? Pertanding merebut apa-apa jawatan dalam parti bukanlah sesuatu yang kotor dan buruk jika amalan demokrasi dipatuhi. Biarlah pertandingan itu untuk mencari pemimpin yang berwibawa, berkualiti, bijaksana dan terbukti kecemerlangannya."

Dan bayangkan bilamana Mahathir mengesahkan Anwar tidak akan bertanding menentang Ghafar bagi jawatan no. 2 parti, *Berita Harian* menyiarkan kenyataan daripada Zahid Hamidi, jurucakap Pemuda Umno bahawa apa yang difahamkan dari kenyataan itu ialah jawatan timbalan presiden tidak dipertandingkan. Tetapi ini tidak bermakna peluang Anwar tertutup. Bagi Pemuda Umno, kata Zahid, sesiapa yang mendapat pencalonan lebih banyak, maka orang itu sewajarnya ditabalkan sebagai timbalan Mahathir, tanpa bertanding. Jika Anwar mendapat pencalonan lebih banyak, maka Ghafar perlu berundur.

Dalam keadaan Mahathir sendiri tidak mahu mengulas panjang soal pertandingan Umno, kerana kenyataan itu ditafsirkan mengikut kepentingan puak tertentu, *Berita Minggu* menyiarkan kenyataan Muhammad Muhd Taib di Pendang, Kedah sebagai tajuk utama muka dua: "Muhammad mahu bantu PM". Pada perenggan yang kesembilan dicatatkan: "Pada pendapat saya, Dr Mahathir perlu dibantu dan saya ingin membantu pemimpin yang boleh membantu beliau seperti Anwar Ibrahim," katanya (Muhammad Muhd Taib) disambut tepukan gemuruh daripada hadirin. Bagi perwakilan Umno tentunya menyedari apa yang cuba dibawa oleh berita seumpama itu.

Saya menimbulkan perkara ini bukan bermakna tidak menghargai kebebasan editor akhbar tertentu menyiarkan apa yang disukai dan digemarinya. Yang mahu saya timbul-

kan, semua itu dilakukan atas landasan apa? Apakah ia menjulang kebenaran dan keadilan, atau berpaksi kepada sikap pilih kasih dan mengampu kepada pemimpin yang menguasainya? Apakah gejala seperti ini tidak boleh disamakan dengan gejala penulis upahan? Mengapa *Berita Harian*, setakat bab ini ditulis, menyorot hasrat Musa ingin bertanding jawatan naib presiden dari sudut yang negatif kepada Musa sahaja? Walhal, saya amat yakin, tentunya banyak pandangan yang berdasarkan hujah yang munasabah untuk menyokong hasrat Musa itu. Mengapa ia dipendamkan? Banyak lagi contoh lain yang boleh dibawa, apatah lagi analisis berita di luar dari ruang lingkup pemilihan Umno.

Ingatkah bagaimana *Berita Harian* membuat liputan tentang perlantikan Senator Nazri Abdul Aziz sebagai Pengerusi MARA dan bagaimana bekas pengerusinya, Tamrin Ghafar diperlakukan? Perihal Mahathir sendiri memanggil Nazri, sebelum berbincang dengan menteri berkaitan, Dr Yusuf Noor disifatkan oleh akhbar tersebut, mungkin kerana menterinya tidak cekap. Lidah pengarangnya, 15 Mac 1993 menyenaraikan beberapa cabaran dan halangan yang akan dihadapi oleh Nazri, antaranya halangan dari Kementerian Perusahaan Awam sendiri.

Cukup lantang *Berita Harian* membuat kritikan terhadap menteri-menteri yang tidak digemarinya, tetapi akan membiisu seribu bahasa terhadap penyelewengan yang menimpa kementerian yang menterinya rapat dengan para editornya. Soal siapa yang mahu disokong mereka, lantaklah, tetapi profesionalisme akhbar mesti dipertahankan. Yang benar katakan benar walaupun terhadap siapa jua. Dan kalau nak mengipas pun buatlah ala kadar, jangan sampai menjolok mata. Saya bimbang Anwar jatuh kerana terlalu hebat juak-juaknya mengampu dan mengipas.

Bacalah kembali liputan tentang pelupusan imuniti raja-raja. Segala keburukan raja-raja didedahkan, sehingga tertanya-tanya kita: Benarkah media sudah begitu bebas menye-


longkar segala penyelewengan dan salah guna kuasa tanpa takut-takut lagi? Akta Hasutan pun nampaknya seperti sudah terangkat. Mengapa pula para wartawan tidak berani mendedahkan kemewahan di Sri Perdana dan istana-istana lain kepunyaan pemimpin-pemimpin Umno? Mengapa kezaliman yang diterima oleh tahanan ISA dipendamkan sedangkan seorang polis yang dikatakan diherdik sebagai anjing didedahkan dengan begitu meluas? Mengapa pemberian konsesi balak kepada raja-raja tertentu (yang diberikan oleh pemimpin Umno sendiri) ditonjolkan kepada pengetahuan umum walhal banyak skandal kewangan dan pemberian kontrak secara pilih kasih begitu berleluasa disembunyikan?

Akhirnya, saya kecewa melihat media yang dikuasai kumpulan Anwar, tidak pun menampakkan ciri-ciri sebuah akhbar Islam, malahan terus memperbodohkan pembaca, sedangkan organisasi akhbar dan TV3 mempunyai kewangan yang mencukupi untuk membuat perubahan. (Bab ini lebih ditujukan kepada Anwar kerana saingannya, seperti Ghafar dan Pak Lah, tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas media yang ada). Fitnah masih ditaburkan kepada pembangkang, khususnya PAS dan Semangat 46. Pemaparan gambar yang menjolok mata dan hiburan tahap murahan tetap berleluasa. Apatah lagi TV3, hanya boleh berbangga dengan perubahan *Berita Terkini* yang dikatakan lebih bertujuan mempopularkan Anwar.


Apakah saranan Dr Sidiq Fadil, kolumnis *Berita Minggu*, 12 tahun lalu gagal dipraktikkan oleh *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*? Dr Sidiq membangkitkan peranan *Risalah*, lidah rasmi ABIM, iaitu "memberanikan dirinya membongkar dan menyelongkar sarang-sarang kezaliman dan kebatilan sehingga menggugat mereka yang terlibat dan menggigit mereka yang terbabit." Menyentuh mengenai kebebasan akhbar, Dr Sidiq menegaskan: "Kebebasan tidaklah bererti kebuasan. Kebebasan dalam membongkar kepalsuan dan kebenaran, dengan menyatakan hasrat yang tersimpan di

hati sanubari, adalah suatu yang patut diteruskan. Setiap langkah yang dicetuskan daripada kebebasan itu haruslah didasarkan kepada fitrah manusia yang mempunyai potensi untuk mewujudkan kebenaran, keadilan atau keamanan."

Ketika membentangkan kertas kerja "Islam dalam Berita: Masalah dan Salah Faham dalam Kewartawanan" di Seminar Mengenai Kefahaman Islam Untuk Media Massa, 25 Jun 1993, Prof Mohd Kamal Hassan menyorot gejala laporan negatif media asing terhadap Islam. Katanya, laporan berat sebelah mengenai Islam turut berlaku di merata dunia kerana kebanyakan media massa bergantung kepada laporan agensi berita utama yang dikuasai golongan anti-Islam. Soalnya, bagaimana dengan laporan akhbar negara ini terhadap perubahan-perubahan yang dibuat oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan. Bagaimana mereka menyorot arahan menutup aurat, melarang penjualan arak di tempat awam, usaha melaksanakan syariah dan banyak lagi? Apakah mereka melaporkan secara jujur dan saksama atau memberi liputan yang mengelirukan?



MAHATHIR masih bermain teka-teki. Apakah memang beliau mahukan Anwar dan mengetepikan Ghafar? Penyokong-penyokong Anwar seperti tidak menghormatinya lagi bila mereka terus berkempen mencalonkan Anwar menentang Ghafar. Ataupun, mungkinkah Mahathir bimbang jika Anwar menjadi TPM, selepas November ini, masa depan Mahathir sendiri terancam? Mana tahu, Anwar akan lancarkan *grand design* menjatuhkan Mahathir kerana penyokong Anwar tidak sabar-sabar lagi mengecap habuan dan laba dari kedudukan Anwar?



WAJAH ceria Anwar Ibrahim ketika menjadi Presiden ABIM. Gambar ini dipetik dari buku *Siapa Ganti Asri*. Penulisnya Subki Abdul Latif meramalkan Anwar mempunyai potensi menjadi Presiden PAS selepas Asri. Dari wajahnya ini, tidak mustahil Anwar mendaki ke mahligai seorang PM. Tapi, jangan lupa daratan.



ANWAR bersama Mahathir, ketika mengumumkan *ijtihadnya* menyertai Umno sebelum Pilihan Raya Umum 1982. Kedua-duanya tersenyum gembira. Waktu itu ramai juga ahli-ahli PAS dan penyokong gerakan Islam mengeluh duka,

2

MAHATHIR TIDAK PERCAYAKAN ANWAR

Kenyataan Mahathir supaya jawatan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan rupanya tidak meredakan pasaran berita tentang kemungkinan Anwar mencabar Ghafar. Malah berita yang baru timbul, kemungkinan Anwar akan mencabar Mahathir, secara tidak langsung!

Berita Harian 12 Jun 1993 melaporkan – dengan tajuk “PM sahkan Anwar tidak bertanding” – di muka satu: “Presiden Umno hari ini mengesahkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden Umno.” Seterusnya Mahathir menegaskan: “Walaupun demikian masih ada cakap-cakap *at the ground level* ini, kononnya tak ada bertanding, tetapi kempen dijalankan juga. Kononnya kempen-kempen ini diresutui oleh saya. Ini tak benar sama sekali. Saya tak restukan siapa-siapa pun bertanding untuk nak jadi Timbalan Presiden. Cuma

yang setuju ada pertandingan di peringkat Naib Presiden. Orang yang sengaja kempen kononnya saya suruh, patut berhenti. Saya tidak suruh kempen, *nominate* orang itu, *nominate* orang ini." Bagi Mahathir, adalah membuang sahaja jika ada bahagian Umno yang berminat mencalonkan Anwar ke jawatan no. 2 itu.

Ada pihak menyifatkan Mahathir tidak mahu jawatan itu dipertandingkan kerana ia boleh menjejaskan kestabilan Umno tetapi kenyataan Mahathir itu tidak bermakna Anwar tidak boleh dicalonkan merebut jawatan timbalan presiden. Ini bermakna, menurut jurucakap Pemuda Umno, Zahid Hamidi, sekiranya Anwar mendapat pencalonan yang terbanyak, maka pihak yang mendapat pencalonan kurang daripada Anwar seharusnya menarik diri. Dengan lain perkataan, juak-juak Anwar, terutamanya dari Pemuda Umno, tetap akan memastikan Anwar ke jawatan nombor dua itu, dengan apa cara sekalipun. Soalnya, apakah kenyataan Zahid itu diresstui oleh ketuanya, Najib Tun Razak, yang juga dijangka bertanding jawatan naib presiden sekiranya Anwar mencabar Ghafar? Apakah kenyataan Pemuda Umno itu membayangkan mereka tidak lagi menghormati pandangan Mahathir? Walhal sudah jelas kenyataan Mahathir itu ditujukan kepada orang-orang Anwar, yang kini dikatakan giat berkempen di bahagian-bahagian supaya mencalonkan Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno.

Bagi pihak Wanita Umno pula, ketuanya, Rafidah Aziz berkata selagi Presiden dan Timbalan Presiden masih ada serta mampu melaksanakan kerja parti, pihak lain tidak wajar bertanding merebut jawatan itu. Menurutnya, sejak menyertai Umno 26 tahun lalu, beliau tetap berpendirian bahawa jika jawatan itu hanya satu, ia tidak harus dipertandingkan selagi ada orang menyandangnya. Beliau seterusnya berkata, jangan ada lagi pihak yang cuba memberi gambaran seolah-olah ada orang yang mahu bertanding bagi jawatan itu.

Dan bagi Anwar sendiri, seperti dilaporkan oleh akhbar, keputusannya tidak mencabar Ghafar, dalam perhimpunan 4 November depan, adalah muktamad: "Tiada yang berubah. Apakah ada apa-apa yang berubah? (Ini) kenyataan yang sama daripada dahulu. Tidak ada tukar. Saya dah kata sebelum ini." Ditanya mengenai sikapnya sebelum ini yang sedia menimbang sebarang kehendak ahli Umno berhubung pencalonan bagi merebut jawatan timbalan presiden, Anwar berkata: "Apakah anda mahu saya berkata saya akan tolak sebarang keputusan Umno. Saya tidak boleh berbuat demikian." Sebelum itu, di Alor Setar, Anwar berkata, beliau akan mematuhi sebarang keputusan parti walaupun sudah menyatakan pendiriannya tidak berhasrat mencabar Ghafar. Anwar menyerahkan kepada ahli Umno untuk memikirkan sama ada beliau wajar bertanding jawatan berkenaan. Anwar menegaskan, beliau tidak berhasrat mencabar Ghafar kerana tidak mahu menunjukkan sikapnya "tidak sabar lagi menunggu untuk menariknya (Ghafar)".

Saingan terdekat Anwar di Pulau Pinang, Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengulas kenyataan Anwar itu, meminta ahli Umno jangan memaksa Anwar bertanding jawatan timbalan presiden: "Jika Anwar menegaskan yang beliau tidak berhajat untuk bertanding jawatan itu, saya tidak nampak apakah wajarnya Umno memaksa beliau bertanding."

Selain Pemuda Umno yang nampaknya akan terus berkempen bagi mendapatkan sebanyak mungkin jumlah pencalonan untuk Anwar, Ketua Menteri Melaka, Abdul Rahim Tamby Chik - yang dikatakan proksi Anwar bagi jawatan Ketua Pemuda Umno - merasakan pemimpin Umno yang mendapat banyak pencalonan untuk bertanding sesuatu jawatan harus tunduk kepada mandat itu walaupun beliau tidak mempunyai keinginan peribadi untuk bertanding. Beliau berkata - selepas menghadiri majlis makan malam anjuran Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang - jika 35

hingga 40 peratus bahagian mencalonkannya, ia adalah satu mandat daripada ahli parti untuk bertanding. Nampaknya kenyataan Rahim lebih jelas maksudnya. Dan sememangnya kumpulan Anwar sedang melobi untuk mendapat jumlah pencalonan sebanyak itu. Bezanya dengan kenyataan Pemuda Umno ialah mereka tetap menganggap jawatan itu tidak perlu dipertandingkan tetapi sekiranya Anwar mendapat pencalonan lebih banyak daripada Ghafar, Ghafar sepatutnya menarik diri.

Yang menarik dari senario ini, mengapa Mahathir terpaksa membuat kenyataan sebegitu rupa, yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai menyindir Anwar. Bukan Mahathir tidak tahu bahawa Anwar memang berhasrat benar mencabar Ghafar. Ahli-ahli Umno di peringkat cawangan pun menyedari hal ini. Sekiranya Ghafar menjadi Perdana Menteri nanti, peluang Anwar tipis, dan justeru itu, Anwar bukannya jenis orang yang hanya menyerah kepada keadaan. Walaupun kenyataan Mahathir boleh ditanggapi dari pelbagai sudut, menurut citarasa masing-masing, apa yang jelas, sekiranya kumpulan Anwar terus melobi, ia akan dianggap sebagai rancangan untuk merebut kuasa. Mahathir sendiri menegaskan: "Kita semua tidak mahu rebut kuasa. Jenis yang mahu rebut kuasa tu sudah keluar daripada Umno. Dia ada di luar. *And they are welcome to stay outside.* Yang ada dalam Umno ni *are all very nice people.* Tak ada rebut-rebut."

Penyokong Anwar tentu kecewa dengan kenyataan Mahathir itu, namun yang pasti gembira ialah Sanusi Junid, musuh ketat Anwar. Sanusi walaupun bukan saingan terdekat Anwar, tetapi dia boleh membawa banyak masalah kepada Anwar. Penyokong Anwar tentunya mengharapkan Anwar mencabar Ghafar kerana habuan yang akan diterima nanti lumayan. Mahathir sendiri mengakuinya ketika ditanya pemberita sekembalinya dari lawatan rasmi ke China selama 10 hari. *Utusan Malaysia*, 23 Jun melaporkan: "Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak mahu memberi

nasihat kepada ahli-ahli Umno yang berkempen supaya jawatan timbalan presiden ditandingi. Kata Dr Mahathir, beliau telah banyak kali bercakap mengenainya dan tidak mempunyai sebarang nasihat lagi. ...Perdana Menteri menambah, mereka yang berkempen supaya bahagian-bahagian Umno mencalonka Naib Presiden, Anwar Ibrahim bagi jawatan timbalan presiden mementingkan diri sendiri. "Mereka bukan menyokong Anwar tetapi menyokong diri sendiri dan berharap akan dapat naik sekiranya calon yang disokong itu menang," katanya."

Anwar patut beringat dalam hal ini, jangan sampai tersungkur akibat kenakalan anak-anak buahnya. Melihatkan lagak juak-juak Anwar, Mahathir pun tak tahan. Lagipun Ghafar bukan calang-calang orang dalam Umno, apatah lagi jika Ghafar mampu menyatukan semua musuh-musuh politik Anwar dalam Umno, termasuk Musa Hitam. Ketua Umno bahagian Johor Baharu, Datuk Shahrir Abdul Samad berkata Musa akan bertanding jawatan naib presiden jika terdapat pencalonan untuknya. Musa memberitahu hasratnya itu dalam pertemuan dengan para penyokongnya di Kuala Lumpur.

Star 21 Jun 1993 melaporkan kenyataan Shahrir: "We are working hard for him and my division will spearhead the campaign for Musa by nominating him for the vice-presidency," he said. "We have done some groundwork in several states and are confident of support from many divisions. We are going along the lines of strengthening by putting veteran and capable leaders with a track record in front to head the party," he added. Dalam ruangan Analisis Berita, *Utusan Malaysia*, 23 Jun 1993, bertajuk "Masa Musa berlalu" dipetik kenyataan sumber-sumber yang rapat dengan Musa memberitahu, bekas Timbalan Perdana Menteri itu cuma di peringkat membayangkan kesediaannya untuk bertanding 'jika keadaan mendesak'. "Musa mahu membetulkan keadaan dan menyampaikan 'mesej' kepada seorang tokoh Umno (bukan Presiden dan Timbalan)." Soalnya apakah tokoh itu ialah Anwar?

Sunday Star, 6 Jun memuatkan analisis Wong Chun Wai mengenai kemungkinan Anwar mencabar Ghafar, dengan tajuk "*Members still expect Anwar to contest*". Wong membuat tinjauan di sebuah *coffeehouse*, di Pusat Dagangan Dunia Putera. Beliau memetik kenyataan seorang penyokong Anwar: "*What's wrong with Anwar going for a higher post? If you say Anwar is too young, then Clinton should not be the president of the United States.*" (Usia Anwar 45 tahun, sementara Clinton 47; Ghafar menjangkau 67). Mengenai dakwaan Anwar sedang rancak berkempen ke seluruh negara, penyokongnya mempersoalkan: "*As vice-president, shouldn't he be meeting party members? Why must he be accused of campaigning? Of all the three vice-presidents, Anwar made the least number of trips to Sabah but no one says anything about it.*"

Ramai tertanya-tanya, apakah Mahathir sudah tidak begitu yakin terhadap Anwar lagi. Ini kerana dua minggu sebelum Mahathir mengesahkan Anwar tidak bertanding merebut jawatan timbalan presiden, Mahathir menegaskan, adalah menjadi hak Anwar jika beliau berhasrat bertanding jawatan no. 2 itu. "Itu hak dia (Anwar) hendak buat pendirian. Dia tak suka hendak bertanding, dia tak bertandinglah ... dia suka bertanding, dia bertandinglah," kata Mahathir. Apakah benar telahan sesetengah pihak bahawa Mahathir sudah ragu-ragu tentang sokongan Anwar terhadapnya? Maksudnya, jika Anwar menjadi Timbalan Presiden Umno, seterusnya Timbalan Perdana Menteri, kedudukan Mahathir akan tergugat? Kalau ini benar, senario politik Umno nampaknya semakin menarik dan mendebarkan. Saya akan huraikan kemudian.

Cakap-cakap Mahathir akan bersara dari politik seperti ombak di laut, sekejap bergelora, kemudiannya tenang semula. Sejak beliau dibedah, spekulasi tentang persaraannya menarik perhatian umum. Mahathir pernah dikatakan jatuh semasa bekerja di pejabatnya. Berita seumpama itu tentu mudah menjadi buat mulut golongan tertentu dalam Umno,

tanpa sempat mengesahkan kebenarannya. Memang benar Mahathir memerintah Malaysia sudah terlalu lama. Tetapi dengan gaya politiknya yang tersendiri, Mahathir berjaya menunjukkan kepada rakyat - tentunya dengan bantuan media kawalan Umno - bahawa ada saja pembaharuan yang akan dibuatnya. Wawasan 2020, beberapa pindaan yang penting terhadap Perlembagaan, tumpuannya kepada projek-projek pembangunan seperti Langkawi, empayar perniagaan anak-anaknya semakin melebar, meletakkan Mahathir sebagai Perdana Menteri yang tidak akan mudah meletakkan jawatan hanya semata-mata untuk memberi kesempatan kepada orang lain.

"Cara juak-juak Anwar berkempen seolah-olah menunjukkan Mahathir akan berhenti tidak lama lagi, dan melepaskannya kepada Anwar. Sedangkan Mahathir tidak terfikir untuk bersara lagi," getus seorang peminat politik.

Justeru itu banyak pihak berpendapat Mahathir akan menjadi Perdana Menteri sampai mati. Mahathir tidak akan menyerahkan kerusi keramatnya kepada Ghafar ataupun Anwar, atau sebelum ini Musa Hitam. Dan pertikaian antara Ghafar dan Anwar sememangnya direstui oleh Mahathir. Mahathir mahu orang-orang kanannya berselisih - taktik pecah dan perintah - supaya kedudukannya sebagai orang no. 1 tetap kekal. Mahathir mengekalkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam Kabinet selepas ditewaskan sebanyak dua kali oleh Musa adalah bertujuan supaya Musa tidak terlalu kuat. Musa pun sedar hal ini. Dalam surat perletakan jawatan Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Mahathir, Musa merakamkan cakap-cakap mengenainya: "*Doctor (Mahathir) cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerful now*"

Mungkin Anwar lebih dipercayainya dari orang lain, tetapi Mahathir tentu arif dengan perangai Anwar. Sokongan yang diberikan oleh Anwar kepadanya bukan berdasarkan keikhlasan. Anwar sokong hanya untuk memastikan Maha-

thir percaya dan yakin kepadanya. Anwar tidak mengkritik Mahathir hanya kerana mahu jawatan Perdana Menteri tidak terlepas ke tangan orang lain. Maknanya sokongan Anwar terhadap Mahathir selama ini seperti ada udang di sebalik batu. Anwar dalam beberapa pertemuan tertutup dengan golongan yang begitu kuat mengkritik Mahathir dikatakan tidak begitu berminat mempertahankan tindak-tanduk Mahathir, malah bersetuju dengan pengkritik.

"Saya rasa Mahathir bimbang jika Anwar menjadi timbalannya dalam waktu terdekat ini. Lebih baik dikekalkan saja Ghafar, yang sememangnya dilantik oleh Mahathir menjadi TPM dan justeru itu tidak akan menentangnya. Sebaliknya Anwar tidak akan berpuas hati dengan kedudukannya sebagai TPM jika beliau dipilih. Kalau dilihatnya Mahathir terus tercokol sebagai PM, mungkin Anwar berusaha menggulingkannya secara terhormat, seperti yang dilakukan oleh Mahathir kepada Tun Hussein. Anwar anak muda yang ghairah mengejar pangkat," seorang pemimpin muda PAS memberi pandangan.

Beliau berhujah, katakan Anwar menang dengan mengetepikan Ghafar dalam pemilihan akan datang, tentulah Anwar akan ditabalkan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dan dalam keadaan Mahathir yang tidak terfikir untuk berhenti, tidak mustahil Anwar akan melancarkan gerakan khas untuk melemahkan Mahathir. Anwar mempunyai kekuatan dalam hal seumpama ini. Pengalamannya sebagai pembangkang dalam ABIM dahulu amat bermanfaat. Lagipun pengikutnya dalam Umno tentu tidak sabar-sabar lagi untuk mengaut habuan. Kedudukan Anwar sebagai Menteri Kewangan dan mempunyai ramai teman korporat memudahkan misinya bagi menjatuhkan Mahathir. Anwar bukan jenis manusia yang hanya menunggu nasib. Anwar adalah manusia pencipta sejarah.

"Anwar tidak sebodoh itu untuk menentang Mahathir. Tengok sajalah nasib Musa Hitam, tidak sabar-sabar me-

“unggu giliran, akhirnya terpelanting,” saya menduga pemimpin muda PAS itu.

“Sebab Anwar tidak bodohlah maka dia terpaksa menyingkirkan Mahathir, secara terhormat. Mana tahu Mahathir berubah fikiran? Semua boleh jadi dalam politik, apatah lagi politik Umno. Musa, Abdullah Badawi dan Sanusi, semuanya pernah rapat dan mendapat kepercayaan Mahathir. Dan Anwar mesti bertindak di masa kedudukannya mantap dan kukuh.”

“Jadi, benarkah Mahathir tidak yakin sepenuhnya dengan Anwar?” saya cuba menjolok fikirannya lagi.

“Mahathir bukan tidak tahu perangai Anwar. Masing-masing kawan rapat. Mana tahu, bila Anwar naik menggantikan nanti, Anwar akan ubah dasar-dasar tidak demokratik Mahathir. Kalau itu yang dilakukan Anwar, sejarah akan merakamkan kehebatan Anwar dan menenggelamkan populariti Mahathir.”

“Melihatkan gaya politik Anwar sekarang, sukar untuk menjangkakan Anwar akan bertindak lebih adil dan demokratik dari Mahathir. Cubalah tengok macam mana Anwar kontrol media. Cuba kaji apa yang Anwar lakukan terhadap kritikan terhadapnya. Cuba teliti bagaimana Anwar mengagih-agihkan saham penswastaan. Cuba renungkan apa jadi dengan agensi di bawah Anwar yang telah dipolitikkannya? Bagi saya, Anwar lebih pendendam, panas telinga bila ditegur, dan lebih berazam untuk memusnahkan musuh politiknya,” celah seorang teman yang mengikuti perbualan kami.

Perihal Mahathir tidak begitu yakin dengan Anwar jarang dibincangkan kerana umum melihat hubungan mereka cukup akrab. Tapi menurut pihak tertentu: “Kalau Mahathir benar-benar percaya dengan Anwar, Mahathir sudah berundur dari Seri Perdana.” Apabila Mahathir tidak begitu yakin Anwar - sememangnya itu sikap seorang ahli politik - tidak semestinya Mahathir mahukan Ghafar menggantikannya. Sepanjang Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri,

tidak pernah, walaupun sekali, Mahathir memberi sokongan secara terbuka kepada Ghafar sebagai penggantinya. Dan dalam kenyataan terbaru di mana Mahathir mengesahkan Anwar tidak bertanding jawatan timbalan presiden, Mahathir hanya menggunakan alasan perpaduan dan kestabilan parti, bukannya dengan kembali mempersoalkan "kenapa perlu Anwar menentang Ghafar?"

Tentunya ahli-ahli Umno masih ingat kenyataan Mahathir pada hari kedua persidangan agung Umno, 9 November 1992, bahawa dia tidak akan menamakan penggantinya. Di sini saya salin semula laporan utama *Sunday Star* yang bertajuk *I won't name successor: PM*. Maaf kerana saya lebih suka merakamkannya dalam bahasa asal: "*Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said yesterday that he will not name his successor but will leave the decision to Umno members. The party president said that merely naming his successor would not reduce politicking and ensure party unity. In fact, he said, it might even split the party at a time when it was striving to forge unity among the leaders and ranks. The Prime Minister said such an action was also very undemocratic.*"



GHAFAR orang lama dan cukup berpengalaman dalam politik. Tetapi *lama* bukan satu-satunya kriteria yang mesti ada pada seorang PM. Bakal PM perlukan juga wawasan yang mantap, idea yang segar, peribadi yang jujur, akhlak yang luhur, dan tidak gila kuasa.



MAHATHIR ketika mengumumkan Musa Hitam meletakkan jawatan di sidang Majlis Tertinggi Umno pada 23 Mac 1986. Sanusi nampaknya begitu pening memikirkan sementara Abdullah Badawi bermasam durja. Apakah peluang Musa masih cerah, dan siapa pula yang tergugat dengan kepulangannya ini? Mungkinkah Anwar merasa bahananya? Ada pihak berkata, semasa Anwar menyertai Umno, tokoh yang digeruninya hanyalah Musa, yang lain dalam poketnya sahaja!

3

IMEJ BARU UNTUK BAKAL PERDANA MENTERI

Apabila saya bersama dua orang lagi wartawan *Harakah*, Tarmizi Mohd Jam dan Mohd Rashidi Hassan ke rumah terbuka Datuk Seri Sanusi Junid - Naib Presiden Umno, yang juga Menteri Pertanian, sempena Aidilfitri yang lalu - seorang teman, yang kekagumannya terhadap Anwar Ibrahim tidak lagi dapat dilindungi, berpendapat jika gambar kami bertiga bersama Sanusi disiarkan oleh *Harakah*, terutama di muka depan atau belakang, tentu Sanusi mendapat susah, dan Anwar yang untung!

Pada mulanya saya tidak dapat menangkap maksud teman saya itu. Apa masalahnya jika gambar Sanusi menyambut kami di rumah terbukanya itu dipaparkan di muka depan atau belakang *Harakah*? Mungkin saya agak "betoi bendui" ketika itu, tidak arif dengan sifir politik Umno, khususnya menjelang pemilihan parti itu, November depan.

Memang dari raut wajah Sanusi menampakkan kegembiraannya menyambut kami, wartawan muda dari sebuah akhbar rasmi parti pembangkang. Secara bersahaja, sambil bersalam erat, selepas diperkenalkan bahawa kami dari *Harakah*, Sanusi berkata: "Ini satu penghormatan buat saya." Suasana tersebut amat berbeza sekali dengan sambutan yang diberikan oleh Anwar di rumah terbukanya – juga sempena Aidilfitri beberapa hari sebelum itu – Anwar setakat tersenyum sumbing bila saya memperkenalkan kami (juga bersama Tarmizi dan Rashidi) dari *Harakah*. Tidak mustahil Anwar sudah lupa saya, tetapi tentunya agak tidak wajar jika Anwar tidak berapa ingat apa itu *Harakah*.

Saya menimbulkan perkara ini bukan untuk membandingkan layanan antara Anwar dan Sanusi terhadap *Harakah*. Sememangnya Anwar yang sudahpun menguasai sepenuhnya kumpulan akhbar *Utusan Melayu* dan *New Straits Times* boleh ingat-ingat lupa tentang akhbar nyamuk seperti *Harakah*. Sedangkan Sanusi, yang dikatakan telah diketepikan dengan begitu ketara sekali oleh dua kumpulan akhbar milik Umno itu, tentunya wajar mendekati akhbar-akhbar kecil yang lain, termasuk *Harakah*. Kata orang, publisiti atau paparan media amat penting kepada seseorang tokoh politik, tidak kira sama ada berbentuk positif ataupun negatif. Biarlah orang membicarakannya meskipun dari perspektif yang tidak menyenangkan daripada orang ramai terus melupakannya.

Apa yang saya rasa perlu diperhatikan bersama dalam hal ini ialah sejauhmanakah PAS boleh dimanfaatkan atau membawa mudharat terhadap tokoh-tokoh yang kini bersaing dengan begitu hebat dalam Umno? Apakah jika Sanusi mendapat tempat dalam *Harakah* - lidah rasmi musuh tradisi Umno - maka ia menandakan PAS lebih menyenangi Sanusi dari Anwar? Kebetulan pula Anwar begitu lantang menegur *Harakah* yang dikira begitu kritikal membuat laporan terhadap Anwar, terutama dalam isu mutakhir - kerugian lebih RM10,000 juta pertukaran asing Bank Negara.

Apakah dalam percaturan politik Umno, sekiranya seseorang tokoh itu nampak rapat dengan pembangkang, maka ia tidak perlu didukung lagi? Apakah bila Sanusi kelihatan mesra dengan wartawan *Harakah*, maka Sanusi boleh didakwa tidak lagi setia pada Umno? Dengan kata lain, seseorang tokoh yang ingin mendapat tempat yang selesa dalam Umno, perlu membuktikan permusuhannya yang kental dan berterusan dengan seteru Umno, seperti PAS dan Semangat 46? Hujah ini tentunya tidak masuk akal, tetapi, ya, apa saja boleh dijadikan isu menjelang pertandingan November depan.

Sejarah pembabitan Anwar dalam Umno tidak terlepas dari sindrom ini. Anwar yang mempunyai hubungan rapat dengan PAS dan pemimpin-pemimpin PAS dipergunakan sepenuhnya oleh Umno untuk menghalang kebangkitan PAS ketika itu. Anwar menjadi hero dalam satu pentas pidato, anjuran Umno, di Gombak, atas tajuk "PAS Tuduh Umno Kafir, Anwar Jawab!"

Seorang pensyarah sains politik memberi komen: "Sikap pemimpin PAS yang begitu hebat mengkritik Anwar ketika beliau baru menyertai Umno, menyebabkan Anwar begitu dijulang dalam Umno. Sekiranya pemimpin PAS buat endah tak endah sahaja kepada Umno, tentu sekali penyertaan Anwar itu tidak dirasakan sangat oleh pemimpin-pemimpin Umno. Tidak salah kalau saya katakan, Anwar waktu itu seolah-olah menjadi benteng terakhir kepada Umno dalam usaha mereka menghadapi tentangan PAS, zaman era kebangkitan Islam."

Wajar juga disorot pernyataan ini secara jujur: Apakah seorang tokoh politik Melayu, tidak kira PAS, Umno ataupun Semangat 46, yang kelihatannya ada hubungan - selalunya secara tidak langsung-dengan parti saingannya, maka perkembangan itu tidak membantunya dalam kerjaya politik, malahan boleh menikamnya dari belakang? Apakah benar dakwaan selama ini, bahawa seorang tokoh politik mana-

mana parti, yang nampaknya digemari ataupun pernah diberikan sanjungan oleh tokoh parti saingannya, merupakan tokoh yang tidak wajar diberikan sokongan. Ataupun ada sesuatu yang tidak kena dengan tokoh politik yang disenangi oleh musuhnya. Ya, takkanlah musuh akan menyenangi kita sekiranya kita benar-benar berada di atas landasan perjuangan.

Kesimpulan simplistik itu sebenarnya tidak boleh digunakan untuk semua keadaan dalam setiap waktu. Tidak semestinya Anwar, yang mempunyai latarbelakang perjuangan yang intim dengan tokoh-tokoh PAS, terpaksa ditolak oleh perwakilan Umno hanya kerana ada pemimpin-pemimpin utama PAS yang lebih menyenangi jika dibandingkan dengan pemimpin Umno yang lain. Begitu juga dengan kisah Sanusi tadi, amat tidak wajar jika gambarnya disiarkan di muka depan atau muka-muka utama *Harakah*, maka penyokong Anwar boleh menjadikannya sebagai satu isu memburuk-burukkan Sanusi.

Politik Melayu tidak selamanya akan terus berkonfrantasi sesama sendiri. Usaha merapatkan semua badan-badan politik Melayu adalah langkah yang tidak seharusnya dihentikan. Mana-mana tokoh yang berupaya menjalin hubungan dengan pemimpin di luar kelompok partinya adalah pemimpin yang perlu diberi perhatian positif, bukan dijadikan isu bagi menjatuhkannya. Kesetiaan kepada parti secara membuta-tuli, sehingga mengetepikan dimensi kehidupan masyarakat yang lebih luas bukannya ciri keperibadian tokoh yang boleh memimpin negara ini dengan baik. Ia hanya menjadikan tokoh itu disenangi dan digemari kelompoknya sahaja, tanpa mampu melakukan perubahan positif, terutama perubahan di peringkat dasar dan dilakukan secara menyeluruh. Pertimbangan lebih tertumpu kepada kepentingan puak yang mendukungnya walaupun ia jelas boleh menjejaskan kepentingan dan kebajikan umum.

"Imej permusuhan hanya kerana mahu bermusuhan

dengan saingan politik ini harus dibuang. Baik Ghafar mahupun Anwar, mereka adalah pilihan utama menjadi Perdana Menteri kepada seluruh rakyat Malaysia, yang juga terdiri dari penyokong PAS, Semangat 46, Parti Rakyat, DAP ataupun PBS. Undi yang diperolehi BN hanya lebih sedikit daripada 50 peratus. Jadi, apa yang kita mahukan sekarang ialah bakal Perdana Menteri yang boleh diterima oleh majoriti rakyat, walaupun partinya mungkin tidak disenangi. Janganlah contohi imej Dr Mahathir, yang bukan saja gagal menyatukan Umno malahan membawa porak-peranda kepada perpaduan orang lain," ujar seorang teman, juga seorang wartawan sebuah akhbar politik.

Anwar bukan sahaja pernah rapat dengan PAS, tetapi juga DAP dan parti-parti pembangkang lain. Anwar masih berhubung dengan tokoh-tokoh di luar kerajaan, yang mempunyai pandangan berbeza dengan Umno. Anwar pernah mengadakan ceramah dan dialog dengan Majlis Gereja Wesley, pada November 1979. Pada 8 dan 9 Ogos 1980, DAP telah mengundang Anwar membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Islam dan Pembangunan Negara: Suatu Tinjauan Ringkas dalam Konteks Masyarakat Majmuk di Malaysia" kepada wakil-wakil rakyat di Cameron Highland. Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang hadir di majlis perasmian Muktamar Sanawi ABIM 1980 bersama Ketua Penerangannya, P. Patto.

"Paling kurang, mereka boleh membawa imej Tun Razak, yang boleh membawa PAS ke dalam Barisan Nasional. Sekarang tugas lebih berat lagi kerana parti pembangkang Melayu semakin bertambah, dan yang lebih parah, dalam Umno sendiri sudah ada pihak yang dilayan seperti pembangkang dalam parti. Umno mesti memilih bakal Presiden yang mampu mengurangkan pergeseran politik yang tidak perlu ini, ataupun yang lebih penting lagi, memilih seorang tokoh yang boleh menghormati pandangan yang berbeza dengan pandangannya ataupun pandangan partinya," tambahnya lagi secara panjang lebar.

Memang teman saya ini tidak begitu gemar gaya politik Mahathir mentadbir negara. "Mahathir seorang pendendam, boleh berbuat apa saja demi mencapai cita-citanya. Mahu buktinya? Lihat sajalah Mahathir menyelesaikan isu pindaan Perlembagaan mengenai imuniti raja baru-baru ini. Disebabkan sakit hati dengan Sultan Kelantan, takhtanya hendak digugat. Saya cukup bimbang kalau Anwar menurut gaya seperti itu," katanya.

Dan jika mahu dibandingkan antara tokoh-tokoh yang bersaing dalam Umno, antara Ghafar Baba dan kumpulannya (seperti Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi) dengan Anwar Ibrahim, tidak salah kalau dianggapkan Anwar lebih menonjol imej Islamnya. Hubungannya dengan ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) masih akrab malah ada menyifatkan Anwar masih Presiden ABIM di sebalik tabir; pemahaman Islamnya dikatakan tidak jauh berbeza dengan pemahaman Islam pemimpin-pemimpin PAS; komitmen Islamnya, walaupun sentiasa dipertikai dan sememangnya boleh dipertikai, tetapi ia tidak dapat dicerai-tanggalkan dari batang tubuh Anwar; jalinan hubungan dengan pemimpin-pemimpin gerakan Islam antarabangsa sentiasa dimantapkan atau paling kurang dipastikan tidak terputus; pengucapannya tentang Islam masih ada masam-manisnya lagi.

Meskipun Ghafar tidak pernah membuktikan komitmen Islamnya seperti Anwar, khususnya menerusi kenyataan dan tindakan politiknya, namun PAS tidak diserangnya dengan cara penuh agresif, seperti yang pernah dilakukan oleh Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri. Ghafar yang dikenali sebagai pemimpin politik yang mampu memukau sasaran pengundi desa, tidak begitu bermasalah kepada PAS, kerana keupayaannya yang agak terbatas untuk mempergunakan Islam sebagai bahan kempennya. Dan jika mahu dibandingkan antara Sanusi dengan Abdullah Badawi, Sanusi lebih tertonjol sebagai tokoh Umno yang menjadikan PAS sebagai sasaran.

Sanusi pernah mempopularkan istilah 3P (katanya dalam perhimpunan Umno, "ada padi, ada pondok, ada PAS; tak ada padi, tak ada pondok, tak ada PAS") mungkin bersesuaian dengan latarbelakang kawasan parlimen yang diwakilinya, Jerlun Langkawi. Jerlun merupakan kubu kuat PAS, yang sebahagian besar kawasannya adalah sawah padi, dan mempunyai pondok-pondok pengajian agama tradisional, yang tentunya adalah penyokong kuat PAS. Pilihan raya kecil Jerlun membuktikan PAS masih bersengat di situ, majoriti dengan kemenangan calon Umno di bawah seribu undi.

Sementara Abdullah Badawi – mungkin difaktorkan oleh kawasan yang diwakilinya, Kepala Batas, dan Pulau Pinang sendiri yang pengaruh PAS tidak begitu ketara, dan sifatnya yang tidak suka mendedahkan diri dalam kancah kontroversi – jarang menjadikan PAS sebagai sasaran politiknya. Agak susah mencari kenyataan Abdullah Badawi yang begitu lantang mengkritik dan mengecam PAS, walaupun dalam musim pilihan raya.

Justeru itu, tidak mudah juga kita mengenal pasti siapa tokoh-tokoh Umno yang bersaing kini, yang mudah dihubungkan dengan PAS. Analisis mengenainya lebih sukar, dalam suasana Anwar, yang satu ketika dahulu begitu rapat dengan pemimpin-pemimpin PAS, kini berada di barisan hadapan mengatasi saingannya, meletakkan Ghafar, Abdullah Badawi dan Sanusi seolah-olah berada dalam Team B. Terutamanya Sanusi, yang telah dikecewakan oleh Anwar, tentunya dalam waktu begini lebih mudah rapat hubungannya dengan pembangkang kerana beliau sendiri boleh dikatakan sudah menjadi pembangkang dalam parti. Dan PAS sebagai saingan terdekat Umno, yang masih kuat menentang dasar kerajaan Umno di bawah pimpinan Mahathir, juga lebih mudah terjalin hubungan dengan pembangkang dalam Umno sendiri.

Contoh paling jelas ialah bagaimana terjalannya hubu-

ngan PAS dengan pemimpin-pemimpin Team B (yang terbentuk dalam pemilihan Umno 1987), yang kemudiannya mengasaskan parti Semangat 46. Antara persamaan awal, PAS dengan kumpulan serpihan Umno (istilah yang dipakai Mahathir), ialah mereka menghadapi seteru politik yang sama, iaitu kerajaan Umno pimpinan Mahathir - Anwar. Mereka juga menghadapi nasib yang sama, sebagai kumpulan yang ditindas. Begitu juga dengan kumpulan Ghafar, Abdullah Badawi dan Sanusi, sekurang-kurangnya buat masa ini. Mereka diketepikan oleh media massa utama milik Umno. Peluang merebut khazanah kekayaan negara dan keupayaan untuk mengagih-agihkan di kalangan penyokong, di zaman penswastaan ini, tertutup terus. Walaupun asas perjuangan belum berubah, tetapi beberapa persamaan itu adalah mangkin pencetus perhubungan secara tidak langsung, yang jika dirintis dengan bijaksana dapat memberi pulangan politik yang bermanfaat untuk kedua-dua pihak.

Ini bermakna tidak semestinya Anwar, bekas Presiden ABIM, sahaja yang berkemampuan mengadakan hubungan baik dengan PAS. Mungkin tokoh-tokoh yang diketepikan, misalnya Sanusi ataupun Abdullah Badawi, dan tidak mustahil Ghafar Baba, dapat melakukan persefahaman politik dengan PAS, sepertimana pernah dibuktikan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, Presiden Semangat 46, yang pernah menjadi arkitek penting menjatuhkan kerajaan PAS di Kelantan pada akhir tahun 1977.

Justeru itu, ada penganalisis politik yang memberi komen: "Tidak mustahil sekiranya Ghafar, Sanusi dan Pak Lah diketepikan dalam pemilihan Umno akan datang, mereka boleh beralih kepada Semangat 46." Pandangan ini tentunya boleh dihujahkan lagi, khususnya memandangkan latar belakang Ghafar dan Abdullah Badawi, yang nampaknya begitu setia kepada Umno. Namun yang ingin ditonjolkan di sini, persefahaman politik boleh sahaja berlaku, dalam suasana terdesak, sekiranya persoalan dasar boleh disepakati antara pihak yang mengadakan persefahaman itu.



SEMUANYA bergembira, bergelak ketawa. Yusuf Noor ketawa kecil, tidak berdekah-dekah seperti Ghafar. Anwar ternyata lebih sopan, menutup mulut ketika ketawa. Tapi, siapa ketawakan siapa? Ketawalah... ketawalah lagi...



APA yang diserahkan Anwar kepada Mahathir? Mungkinkah penerimaannya sebagai calon menentang Ghafar? Atau pun segala keburukan Ghafar dan Sanusi?

4

DARAH ANWAR DALAM PAS

Slepas sesi pembentangan kertas kerja Pertemuan Wartawan Nusantara II, yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Melayu, 12 September 1992, seorang yang saya tidak kenali – setelah mengetahui saya dari *Harakah* – sewaktu minum teh, mengemukakan satu persoalan menarik: “Saudara yakin Anwar akan melaksanakan segala komitmennya terhadap perjuangan Islam jika dia berjaya jadi PM?”

Saya tidak terus menjawab, cuma ketawa kecil. Sebelum dari itu kami bercakap mengenai pertemuan wartawan *Nusantara* yang langsung tidak mendapat liputan media utama, yang dikatakan dikuasai oleh kumpulan Anwar, kecuali RTM, walaupun yang merasmikannya ialah Ghafar Baba dan yang menutupnya Menteri Luar, Abdullah Ahmad Badawi.

“Saudara masih menaruh harapan kepada Anwar?”

saya mengusiknya. Nampaknya beliau senang dengan usikan itu walaupun saya menjawab pertanyaannya juga dengan pertanyaan.

"Sebenarnya Anwar merancang kemasukannya dalam Umno dengan begitu licin. Anwar sertai Umno ketika dia sudah pastikan ABIM tidak lagi mempunyai tokoh yang boleh mempersoalkan 'ijtihadnya'. Anwar sengaja mengarahkan Ustaz Fadzil Noor dan pemimpin kanan ABIM yang lain sertai PAS sebelum itu bukan kerana dia rasakan waktu itu PAS satu jamaah Islam yang perlu didukung, tetapi kerana dia mahu menjayakan cita-cita besarnya untuk masuk Umno ketika Dr Mahathir jadi Perdana Menteri," hujahnya.

"Tak`kan begitu sekali," sebenarnya saya ingin mendengar lebih lanjut keterangannya.

"Kalau Anwar yakin dengan perjuangan PAS sebagai sebuah gerakan Islam atau parti politik Islam, mengapa dia sendiri tidak menyertai PAS bersama Ustaz Fadzil? PAS amat memerlukan tokoh sepertinya ketika itu, ketika PAS kalah teruk di Kelantan. Dan Anwar sendiri yang mengarahkan kemasukan Ustaz Fadzil, Ustaz Abdul Hadi Awang, Ustaz Nakhaie Ahmad dan Syed Ibrahim ke dalam PAS. Ini tentu ada muslihatnya. Anwar memang merancang secara halus supaya bila tiba waktunya, ketika dia berhasrat menyertai Umno, ABIM tidak lagi mempunyai tokoh yang hebat dan berwibawa untuk menahannya.

"Cuba saudara bayangkan imej Anwar menyertai Umno dalam keadaan ABIM hebat menentanginya? Tetapi apa yang berlaku, meskipun ABIM tidak merestuinnya, ABIM seolah-olah tidak menghalangnya. Saya masih ingat, dalam ucapan dasar Presiden ABIM, Siddiq Fadil, yang pertama selepas kemasukan Anwar ke dalam Umno, perkara itu tidak disentuh secara langsung. Itu satu kejayaan besar buat Anwar." Begitu bersemangat beliau cuba meyakinkan saya.

"Tapi bagi saya, imej perjuangan Anwar sebenarnya lebih buruk lagi," rakannya, yang mulanya diam, mula men- celah.

"Cuba bayangkan," tambahnya, "semasa Anwar bersama-sama pemimpin PAS mengatur strategi Pilihanraya Umum 1982, dia telahpun bersedia menyertai Umno secara aktif. Maksud saya, sebenarnya Anwar telah menyertai Umno sejak lama sebelum itu. Anwar sendiri mengakuinya. Beliau cuma mengumumkan secara rasmi bahawa dia aktif berjuang melalui Umno pada Mac 1982. Maknanya apa ini? Bukankah seperti ular berkepala dua."

"Begitu juga semasa Anwar mengetuai jawatankuasa khas yang membantah cadangan pindaan Akta Pertubuhan, yang mewakili 19 pertubuhan. Anwar sudah menjadi ahli Umno ketika itu tetapi berpura-pura bertindak sebagai jaguh memperjuangkan kebebasan dan keadilan," nampaknya marah benar beliau terhadap Anwar.

"Semuanya sudah berlalu. Saya rasa tidak ada manfaatnya kita bincang masalah itu," saya ingin melihat reaksinya.

"Itu pandangan saudara. Bagi saya, masih ramai orang PAS yang mengharapkan Anwar dapat berbuat sesuatu untuk kepentingan Islam, dan tidak kurang yang beranggapan 'Anwar orang kita dalam Umno'. Saya risau PAS akan tertipu dengan igauannya itu."

"Saudara ada bukti?"

"Itu tidak penting dan kalau ada pun memang sukar hendak dibuktikan. Orang PAS tidak akan mengaku mereka masih mengharapkan Anwar, tapi dalam hati mereka siapa tahu? Tengok sajalah isu kerugian Bank Negara hampir RM16,000 juta, mengapa PAS tidak memanfaatkan isu itu dengan sebaik mungkin. Yang hendak saya timbulkan, Anwar memang sejak awal, sejak dilantik Presiden ABIM, darah dagingnya disemangati Umno, bukannya PAS!"

"Bukankah Anwar tidak sertai PAS - kerana katanya - pemimpin PAS tidak dapat meyakinkan dirinya dalam banyak isu dasar, dan PAS tidak mempunyai program untuk melayakkan parti itu memimpin negara?" Saya sendiri tidak pasti apakah Anwar pernah mendakwa begitu, cuma Anwar difahamkan pernah berkata demikian.

"Itu alasan tidak masuk akal. Kenapa pula pemimpin PAS mesti membuktikan kepada Anwar? Siapa Anwar untuk menerima penghormatan sebesar itu? Dan sekiranya benar Anwar pemimpin berwibawa, Anwarlah yang merintis jalan menjulangkan PAS sebagai sebuah parti Islam yang mampu memimpin ummah, bukan menanti orang lain membuktikannya. Lagipun mengapa pula Anwar mengarahkan Ustaz Fadzil, Ustaz Abdul Hadi dan lain-lain masuk PAS. Sepatutnya Anwar sendiri bersama membuktikan kemampuan PAS itu."

Bila saya bertanya bagaimana dia tahu Anwar pernah mengarahkan Ustaz Fadzil dan pemimpin utama ABIM yang lain menyertai PAS, beliau menjawabnya, juga dengan pertanyaan: "Tak'kan saudara tak baca *Harakah*. Ustaz Nakhaei jawab Siddiq Fadil mengenai sikap ABIM terhadap pembabitan ahlinya dalam politik. Saya rasa, pertengahan tahun 1988."

"Masa itu, saya tidak bekerja dengan *Harakah*. Maksud saya, saya berhenti sekejap." Baru saya teringat artikel berkenaan, yang ditulis oleh Ustaz Nakhaie Haji Ahmad, ketika itu Ketua Pengarang *Harakah* dan Naib Yang Dipertua PAS Pusat, menjelang kemasukannya dalam Umno! Saya rasa cukup wajar tulisan tersebut dirakamkan sepenuhnya, dipetik dari *Harakah*, 29 Julai 1988:

"Saya ingin membetulkan salah satu fakta sejarah yang cuba diputarbelitkan untuk tujuan yang meragukan. Sama ada tujuan yang jelas atau tujuan yang meragukan, memutar fakta sejarah adalah tidak wajar, walaupun ini dilakukan oleh pemimpin pertubuhan Islam.

"Dengan terlebih dahulu menyatakan hormat kepada Presiden ABIM, sahabat saya yang dikasihi Saudara Siddiq Fadil, saya ingin menjelaskan mengenai kenyataan beliau berhubung dengan pelepasan beberapa orang tokoh ABIM untuk menyertai parti politik.

"Menurut beliau orang ABIM masuk bidang politik

bukan suatu yang ganjil. Sesapa saja yang ingin aktif dalam politik harus meletakkan jawatan agar dengan itu ABIM tetap *independet* dan bebas dalam erti tidak dipengaruhi dan diseret dalam politik kepartian.

"Seterusnya beliau berkata, ABIM memberi kebebasan kepada ahli-ahlinya untuk berperanan di mana mereka sesuai dan berkesan. Kalau seseorang itu fikir dia lebih berkesan berperanan dalam satu-satu bidang tertentu dan dia sudah bertekad untuk berperanan maka ABIM tidak menghalang. Tarbiyah ABIM tidak boleh disalahkan.

"Gambaran yang diberikan oleh beliau mengenai penglibatan bekas tokoh-tokoh ABIM di dalam politik, seolah-olahnya, ABIM langsung tidak mempunyai rencana dan langsung tidak mempunyai peranan di dalam melepaskan bekas tokoh-tokoh ABIM itu untuk menentukan parti politik mana yang harus disertai. Sikap lepas tangan dan melarikan diri dari tanggungjawab seperti yang digambarkan oleh Presiden ABIM itu mendukacitakan. Namun begitu, Presiden ABIM tetap mengatakan bahawa ABIM konsisten dari dahulu hingga sekarang.

"Saya masih ingat lagi penyertaan Fadzil Noor, Syed Ibrahim, Haji Abdul Hadi Awang dan saya sendiri adalah perencanaan dan keputusan ABIM. Kami tidak mengambil keputusan bersendirian.

"Keputusan tu bukanlah dari sikap ABIM memberikan kebebasan dan sikapnya menyerahkan keputusan kepada pilhan dan keputusan yang difikirkan sendiri oleh setiap orang daripada kami.

"Penglibatan kami di dalam PAS ialah setelah berlaku kekalahan PAS di Kelantan. PAS, di waktu yang sama terkeluar dari Barisan Nasional. Banyak kalangan pensyarah-pensyarah universiti yang menganggotai PAS terpaksa meletakkan jawatan kerana terikat dengan Akta Universiti.

"Pak Natsir, tokoh Islam yang terkenal di Indonesia, menulis surat kepada Presiden ABIM, di waktu itu ialah

Encik Anwar Ibrahim. Surat yang sama dikirimkan kepada Datuk Asri, Yang Dipertua Agung PAS. Kesimpulan surat itu, kalau tak salah ingatan saya, menekankan mengenai kelumpuhan yang dialami oleh PAS dan perlunya wadah politik Islam itu dipertahankan.

"Kerana Pak Natsir tahu kehancuran wadah politik Islam Indonesia meninggalkan akibat buruk kepada umat Islam di Indonesia, ia menekankan kepentingan peranan ABIM untuk menyelamatkan PAS. Istilah *pemindahan darah* adalah istilah yang digunakan oleh Pak Natsir.

"Encik Anwar Ibrahim bersemangat untuk menyelamatkan PAS dan akur dengan pandangan Pak Natsir. Beliau dikatakan mendapat lampu hijau dari sahabat-sahabat dalam WAMY. Setelah pertemuan pemimpin-pemimpin ABIM dengan Pak Natsir di Pejabat ABIM di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh ketua-ketua ABIM Negeri, keputusan diambil untuk menghantar beberapa orang tokoh ABIM ke dalam PAS dalam semangat berkobar-kobar untuk mempertahankan wadah politik Islam.

"Presiden ABIM tentu saja masih ingat pertanyaan saya yang tidak dijawab oleh pemimpin-pemimpin ABIM di waktu itu. Saya bertanya, untuk ABIM melakukan pemindahan darah, apakah ABIM mempunyai cukup darah? Meskipun pertanyaan saya tidak dijawab, namun apabila keputusan untuk menyelamatkan wadah politik Islam itu ditugaskan kepada saya, dengan perasaan tanggungjawab saya memikulkannya.

"Alhamdulillah, saya sedikit tidak kesal menerima tanggungjawab jamaah itu. Bahkan saya rasa mendapat satu penghormatan untuk menjadi salah seorang pemimpin pergerakan Islam yang penting di negara ini. Soalnya, adakah pertanyaan kami di dalam PAS sama sekali terlepas dari tanggungjawab ABIM dan ABIM yang menentukan pilihan parti yang kami sertai iaitu PAS. Sekarang ini ABIM menyatakan bahawa penyertaan kami di dalam PAS adalah pilihan

kami sendiri tanpa tanggungjawab ABIM dan bukan ABIM yang menentukan kami supaya menyertai PAS.

"Hanya ada dua kemungkinan daripada kenyataan itu. Pertama ABIM menyesal dengan peranan dan keputusannya yang lalu untuk menghantar pemimpin-pemimpinnya ke dalam PAS, lalu cuba menutup sejarah itu dengan memutarbelitkannya atau ABIM berubah sikapnya terhadap PAS dan tidak lagi memberikan sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti dahulu.

"Kedua, ABIM menyusun kembali sikapnya terhadap parti-parti politik dan tidak lagi bersimpati dengan parti politik Islam. Dengan itu menjelaskan kebenaran kritik-kritik bahawa ABIM telah berubah sikap sekarang ini."

Akhbar *The Straits Times* Singapura, 3 September 1980 pernah melaporkan ramalan yang mengatakan bahawa "Mr. Anwar would be the logical successor as there was no PAS leader of sufficient stature to rebuild the shattered party, after its dismal performance in Kelantan state ..." Di samping itu Pengerusi DAP Kebangsaan, Dr Chan Man Hen semasa persidangan wakil-wakil rakyat DAP, di mana Anwar hadir sebagai pembentang kertas kerja, Ogos 1980, juga meramalkan kemungkinan Anwar menjadi pemimpin PAS. Anwar sendiri, ketika menjadi Presiden ABIM, semasa ditanya tentang sikap ABIM mengenai politik menegaskan "...tetapi sebagai pertubuhan dakwah yang berlandaskan Islam, sudah tentulah ABIM menggalakkan ahli-ahlinya memilih corak partai yang jelas matlamat keislamannya."

Dalam buku *Anwar Lawan Ghafar?* saya merakamkan laporan utama akhbar *The Star*, 30 Mac 1982, mengenai sebab Anwar menyertai Umno. Di sini saya salin semula tiga perenggan pertama laporan tersebut: *Encik Anwar Ibrahim said today he had chosen to go into politics because of the changes wrought by the new Government leadership. He said his basic reason was his trust and confidence in Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad and the changes made since he became Prime Minister.*

"More importantly, we share the same beliefs and ideals ..." These changes, with which he agreed, left him with "no alternative but to give him, his party and his Government my full support," he said.

Akhbar itu juga memetik kenyataan Anwar, yang menegaskan: *"I have not resigned my principles in entering politics through Umno. I didn't discuss any specific terms before joining ... we discussed general principles. My views on the Societies Act and the ISA are still there. I have always had a good personal relationship with Datuk Seri Dr Mahathir. He has been open to harsh criticism from me, even when it was crudely expressed. ABIM leaders have accepted my decision that I should become active in politics for the sake of national unity and continue my struggle for Islam."* Pembaca boleh menilai kenyataan ini.

Membincangkan hubungan dan kaitan Anwar dengan PAS, saya teringat ucapan Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu, yang juga Ahli Parlimen Nilam Puri, ketika beliau membahaskan Belanjawan 1993, pada 12 November 1992.

Antara lain Mohamad Sabu menegaskan: "Saya mengalu-alukan Belanjawan ini yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang dahulunya menjadi sahabat karib kami dalam Angkatan Belia Islam Malaysia. Walaupun kami daripada PAS mengharapkan sangat-sangat dahulunya beliau akan menyertai PAS, sebab pada tahun 1978, ketika PAS kalah teruk di negeri Kelantan, beliau di antara orang yang bekerja kuat untuk PAS di Kelantan, dengan semangat yang diberikan kepada kami, anak-anak muda sama ada di kampus ataupun baru lepas daripada kampus, dengan alasan mengatakan bahawa satu-satunya parti Islam yang ada di Asia Tenggara adalah PAS. Oleh itu kita hendaklah menyertai dan menyokong PAS. Itulah semangat Presiden ABIM tahun 1978 yang masih berkobar-kobar dalam jiwa kami anak-anak muda di waktu itu.

"Kemudian beliau sendiri mengepalai jentera daripada para pelajar berkempen berhempas-pulas. Akhirnya, PAS

tidak dapat diselamatkan memerintah negeri Kelantan, tinggal dua kerusi batu nesan. Sekali lagi kami anak-anak muda yang mendapat semangat daripada beliau ini tanpa lengah selepas PAS kalah teruk, balik ke Kuala Lumpur, terus ambil borang menyertai PAS di atas saranan, pandangan dan arahan Presiden Angkatan Belia Islam di waktu itu. Setelah kami beramai-ramai menyertai PAS, setelah PAS gerhana di zaman Datuk Asri Haji Muda, tiba-tiba pada tahun 1982, beliau mengambil keputusan menyertai Umno.

"Lututku bergegar di waktu itu. Apakah selama ini arahan ataupun pandangan tahun 1978 itu hanyalah tiupan sementara kepada anak-anak muda yang ingin melihat Islam dan pelaksanaan Islam terserlah di Malaysia dengan menyertai PAS. Walaupun ada di antara kawan-kawan dalam ABIM mengalirkan air mata kerana beliau mengambil keputusan menyertai Umno, tetapi di hati kecil mereka tetap mendoakan, ayuh, al-Sheikh Anwar Ibrahim "insan kamil lagi mutakamil", selamat belayar dan memimpin Umno pada satu hari nanti untuk memimpin umat Islam ke jalan yang pernah diucapkan semasa menjadi Presiden ABIM. Walaupun hati kecil luka di atas sikap beliau menyertai Umno, tetapi hati kecil kami tetap berdoa semoga beliau berjaya.

"Harapan kami itu sekarang ini semakin berkecai. Setelah 1982 - 1992, sepuluh tahun menyertai Umno, ucapan-ucapannya semasa memberangsangkan kami menyertai PAS dahulu semakin jauh, bahkan dalam ucapan Belanjawan ini sanggup beliau mengutuk dengan mengatakan ulamak-ulamak kolot, berfikiran jumud; sedangkan beliau sendiri naik ke atas pentas melalui ulamak-ulamak jumud ini. Apakah beliau berbangga sekarang, setelah menjadi kawan Vincent Tan, kawan kepada Ananda Krishnan? Boleh naik kapal terbang yang disewa oleh Vincent Tan, maka beliau telah menganggap kawan-kawannya dahulu jumud, kawan-kawannya dahulu berfikiran tidak waras dan sempit? Kalau inilah lagak beliau untuk masa hadapan, maka harapan kami

semakin tipis. Dan yang paling penting imej Islam yang cuba dibawa oleh beliau ke dalam Umno barangkali akan hancur berkecai apabila dilihat oleh orang-orang Umno sendiri. Ini termasuk mereka yang berfikiran sekular dalam Umno, apabila melihat gelagat beliau, mereka mengatakan kami tidak sangka akhirnya ia berkawan rapat dengan taukeh-taukeh judi. Inilah Menteri Kewangan yang saya sayangi dahulunya dan sekarang telah menjadi sedemikian rupa."

Bagaimanapun pada 17 November, juga pada sidang Parlimen, Anwar menyifatkan dakwaan bahawa beliau menaiki kapal terbang Tan Sri Vincent Tan ke Johor sebagai berniat jahat. Katanya: "Ini fitnah, penipu, pendusta." Beliau seterusnya menambah: "Saya pergi ke Desaru, tetapi sebelum itu saya hadir dalam persidangan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan diminta oleh PKENJ untuk mendengar taklimat. Saya menolak kerana saya kata saya terpaksa hadir di Desaru. Oleh kerana kesuntukan masa, PKENJ menyewa helikopter. Saya - wallahuaklam - tidak tahu yang sewa helikopter itu siapa, sehingga saya naik. Sewa helikopter dibayar setengah oleh PKENJ, setengahnya dibayar oleh Umno Johor. Tetapi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri? Vincent Tan yang bayar! Kalau bercakap di Laha' Yuewkah, di manakah, dia tipu begitu ada yang mengganggu; ada Yang Berhormat yang mengganggu, ada ulamak macam ulamak Pengkalan Chepa angguk tiga kali, walaupun sumber itu sumber fitnah."

Dalam ucapannya itu juga Anwar begitu hebat mengecam Haji Nik Abdullah Arshad (MP Pengkalan Chepa). Pak Nik Lah cuba bangkit untuk memberi penjelasan, tetapi tidak diberi laluan oleh Anwar. Antara lain Pak Nik Lah mencelah: "Dia (Anwar) kata saya melenting, sedangkan dia yang melenting ... Dia kata ulamak jumud tidak apa, tetapi kita kata dia lebih kurang, tak boleh"

Apabila Anwar menyelar sikap Pak Nik Lah dan menghubungkannya dengan sifat ulamak, Pak Nik Lah berkata:

"Saya tidak mendakwa saya ini ulamak. Saya hanya menjawab kepada hujah beliau sahaja."

Anwar menjawab: "Kalau bukan ulama, maknanya pemimpin politik picik."

Untuk lebih menggambarkan sikap Anwar berhadapan dengan pemimpin PAS di Parlimen, saya salin semula hansard Parlimen pada 17 November 1992 itu, selepas Anwar mendakwa Pak Nik Lah sebagai pemimpin politik picik:

Haji Nik Abdullah Arshad: "Berilah peluang saya bertanya. Macam mana saya tidak diberi peluang bertanya?"

Datuk Seri Anwar Ibrahim: "Kalau boleh, biar saya sambung, Tuan Yang Dipertua."

Timbalan Yang Dipertua (Haji Juhar Mahiruddin): "Yang Berhormat, dia tidak beri jalan lagi, sila duduk."

Haji Nik Abdullah Arshad: "Dia maki orang boleh. Bila saya cakap, dia lari. Kenapa dia lari masa saya bercakap? *Hansard* dia tidak baca. Apakah Dewan ini untuk Menteri Kewangan ataupun untuk wakil rakyat?"

Datuk Seri Anwar Ibrahim: "Ulamak ini kena sabar."

Haji Nik Abdullah Arshad: "Saya sudah sabar. Apa tidak duduk lagi, beri peluanglah. Maki orang boleh, saya hendak tanya tidak boleh, macam mana?"

Datuk Seri Anwar Ibrahim: "Jumud ini maknanya"

Haji Nik Abdullah Arshad: "Kalau jahil mesti belajar."

Datuk Seri Anwar Ibrahim: "Saya mengaku dalam banyak perkara saya mamsih jahil. Tetapi kalau orang yang fikir dia sudah alim kemudian menyerang, ini yang menjadi masalah kepada kita. Saya hendak menggunakan ruang dan kesempatan pada petang ini untuk menjawab tuduhan yang dibuat, tetapi ini dia. Umpamanya helikopter yang diberi oleh Vincent Tan, saya jawab. Yang tuduh itu wakil parti Islam Nilam Puri. Bila saya tengok perangai, Tuhan sahaja yang mengetahui. Jadi ini yang saya sebut."

(Tuan Yang Dipertua mempengerusikan mesyuarat).

Mohamad Sabu: (Bangun)

Episod selepas itu menyaksikan Anwar langsung tidak memberi ruang kepada Mohamad Sabu dan Pak Nik Lah untuk memberi penjelasan, di atas perkara yang membangkit mengenai mereka. Akhirnya Mohamad Sabu mengambil keputusan keluar dari Dewan semasa Anwar sedang berucap. Anwar memberi reaksi spontan: "Yang Berhormat dari Nilam Puri kata saya takut hendak berbahas dengan dia. Tolong cermin dulu."

Anwar sebelum itu menyelar *Harakah* sebanyak tiga kali. Katanya: "Saya tahu *Harakah* akan menyerang besar-besaran Saya tahu pengarang-pengarang *Harakah* di belakang boleh dengar dan boleh tulis apa yang dia hendak Maki-makilah, saya tidak peduli."

Anwar juga menyebut bahawa Pak Nik Lah pernah memberi gelaran buruk terhadapnya ketika mengetuai beberapa kementerian: "Kalau semasa saya Menteri Pertanian, kata dia Menteri Lembu dan Tikus. Masa saya Menteri Kebudayaan, ini Menteri Bola dan Tarian. Masa saya jadi Menteri Pendidikan, Menteri Tadika dan Kelas Dewasa Sekarang Menteri Arak dan Judi."

Banyak pihak kecewa dengan sikap Anwar di Parlimen itu, apatah lagi Anwar hanya berdasarkan *hansard*, bukannya mendengar sendiri. Jadi, hanya berdasarkan *hansard*, bagaimana Anwar boleh menyifatkan ucapan pemimpin PAS "menggunakan kata-kata yang kesat, menghina, menunjukkan kebencian yang keterlaluan" sedangkan maksudnya tidak begitu.

Sewajarnya sebagai seorang yang bercita-cita besar menjadi Perdana Menteri, Anwar harus berjiwa besar, berlapang dada menerima kritikan dan teguran, serta menjawab persoalan yang ditimbulkan, bukannya dengan menyerang balas secara sembrono. Apa yang hendak ditakutkan jika Anwar yakin selama dia menerajui Kementerian Kewangan tiada penyelewengan dan salahguna kuasa yang dilakukannya. Lebih mengaibkan bila Anwar menyerang

dan memaki hamun ulamak yang memerintah Kelantan. Anwar telah menunjuk jalan kepada pemimpin Umno lainnya untuk menghentam ulamak. Mereka lebih berani kerana Anwar telah merintis jalan ke arah itu. Dalam hubungan ini menarik juga diteliti pandangan pihak tertentu bahawa: "Anwar masih mentah, mudah mengelabah, kuat melatah, cepat naik angin dan kadang-kadang apabila terdesak hilang kewarasannya."

Sekiranya Anwar berjaya menawan Sri Perdana - apabila diteliti sikapnya di Parlimen - tidak dapat dipastikan apakah beliau akan menghulur persahabatan dengan PAS, atau lebih hebat menyerang untuk memusnahkan PAS, bagi melonjakkan dirinya sebagai pemimpin Umno nombor wahid, atau untuk membuktikan kepada kuasa-kuasa besar, khususnya Amerika, bahawa dia bukanlah seorang yang "fanatik" terhadap agamanya!



GHAFAR tersenyum mesra sambil berkata sesuatu kepada Anwar ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Februari 1993. Mampukah Ghafar menguruskan kewangan negara? Aaah... Anwar apa hebatnya. Tengok sajalah kerugian berbilion Bank Negara kerana spekulasi. Spekulasi itu apa? Spekulasi itu maknanya judi!



ANWAR ketika disambut mesra oleh Perdana Menteri Britain, John Major di 10, Downing Street, London. Benarkah pembelian berpuluh-puluh ribu juta paun sterling ketika kejatuhannya disebabkan ada hubungan sulit Major-Anwar? Kata penyokong Anwar, sekarang zaman pemimpin muda. Lihatlah, kata mereka, Major, Clinton dan Goh Chok Tong di Singapura. Sanusi jawab, kenapa tengok pemimpin bukan Islam. Kenapa tidak contohi Khomeini, yang menentang Amerika ketika berumur lebih 80 tahun. Anwar pernah berjumpa Khomeini, tentu dia ada jawapannya.



ANWAR bersama Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein selepas melancarkan sistem perbankan tanpa faedah. Syabas atas kejayaan anda berdua, tetapi bagaimana boleh begitu alpa dengan kerugian Bank Negara? Apa lagi yang hendak diketawakan, wang berbelas bilion itu bukannya sedikit.

5

KERUGIAN BANK NEGARA: SIAPA PULA KAKI JUDI?

Sebaik sahaja mengetahui Bank Negara mengalami kerugian RM9,300 juta akibat urusan pertukaran asing, pada pertengahan April 1993, saya, ketika itu sebagai Pengarang Kumpulan *Harakah* bergegas meminta wartawan kanan, Rashidi Hassan menghubungi Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah bagi mendapatkan komen lanjut. Bagi saya kerugian yang begitu besar tidak boleh ditinggalkan. Rakyat perlu mengetahui apa yang berlaku sebenarnya. Dan tentunya sebagai bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh boleh memberi penjelasan dalam masalah yang agak sukar difahami oleh rakyat biasa.

Sebenarnya pihak media tempatan tidak langsung menyentuh kerugian ini selama hampir dua minggu selepas Laporan Bank Negara dikeluarkan. Hanya selepas media asing melaporkannya maka barulah terdapat berita menge-

nainya di akhbar tempatan. Itupun sekadar memaklumkan dan tidak menjelaskan kenapa berlaku peristiwa yang sungguh merugikan rakyat itu. Difahamkan akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris diarahkan supaya mengecilkan perkara ini. Terlalu banyak pekung yang hendak ditutup akhirnya bau busuk dapat dihidu di segenap ceruk.

Seperti biasa Rashidi akan menghubungi terus Ketua Penerangan S46, Ahmad Shabery Cheek, yang sentiasa berada di rumah Tengku Razaleigh.

"Beritahu Shabery kenyataan Ku Li itu kita akan jadikan *lead Harakah*," pesan saya secara bergurau kepada Rashidi.

Namun begitu, setelah menyemak sepintas lalu berita-berita yang ada untuk keluaran Isnin, 19 April 1993, tidak ada berita lain yang sesuai. Berita dari Kelantan agak menarik, tentang kenyataan Tuan Guru Menteri Besar yang menyifatkan usaha Umno menurunkan Sultan Ismail Petra dari takhta kesultanan Kelantan dan digantikan dengan Tengku Ibrahim Petra adalah satu rancangan untuk menzahirkan raja politik di negara ini. Bagi muka belakang, saya pilih analisis perkembangan terbaru Umno, kemungkinan Ghafar Baba tarik diri dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno, dengan memberi laluan kepada Musa Hitam.

"Lutfi... Shabery kata, okey. Dia sedang bincang dengan Ku Li dan akan faxkan ke sini pada sebelah petang nanti. Muka depan ya?" Rashidi nampaknya gembira. Saya sendiri gembira bila mendapat tahu Tengku Razaleigh sudi memberikan komen. Peranan *Harakah* menjadi lebih penting dalam mengetengahkan isu ini kerana semua akhbar utama menggelapkannya, seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku. Jumlah RM9,3000 juta bukan nilai yang boleh dipandang ringan!

Tengku Razaleigh, melalui kenyataannya kepada *Harakah*, berkata kerugian yang ditanggung oleh kerajaan adalah lebih besar jika dibandingkan dengan kerugian terkumpul yang melibatkan skandal BMF, Maminco dan

koperasi pengambil deposit: "Bahkan jumlah RM9.3 bilion itu hampir sama dengan seluruh anggaran perbelanjaan pembangunan negara bagi tahun 1993. Malah negara tidak pernah menanggung kerugian sebanyak itu."

"Kalau di negara-negara lain, menteri yang bermaruah sudah meletakkan jawatannya kerana kerugian ini," tegas Tengku Razaleigh. Beliau kesal dengan sikap Menteri Kewangan yang berdiam diri dan tidak mahu menjelaskan pokok pangkal sebenar skandal ini kepada rakyat. Saya memilih tajuk "Anwar Perlu Ambil Tanggungjawab" untuk *lead Harakah* minggu itu.

Untuk keluaran *Harakah* berikutnya, saya sendiri menghubungi Shabery bagi mendapatkan komen Tengku Razaleigh selanjutnya. Ini berikutan kenyataan balas Gabenor Bank Negara yang merumuskan: "Sebenarnya lebih kukuh nilai ringgit, lebih banyak Bank Negara menanggung kerugian kerana rizab kita dalam ringgit akan jatuh." Tan Sri Jaffar Hussein juga berkata, kerugian RM9.3 bilion itu adalah dari segi penilaian atas kertas dan bukannya kerugian mata wang nyata. Kerugian itu, katanya, berpunca dari kedudukan nilai ringgit, kos pengendalian inflasi yang tinggi dan pergerakan turun naik kadar pertuakaran mata wang yang meluas.

Ketika dihubungi Shabery memberitahu Tengku Razaleigh agak sibuk hari itu, ada mesyuarat penting dan menziarahi jenazah. Saya meminta Shabery sendiri memberi komentar. "Nak jadikan tajuk muka depan lagi?" Saya tahu Shabery sebenarnya bergurau bila bertanya begitu.

"Kalau kenyataan Tengku, insya-Allah saya akan usahakan untuk tajuk utama. Tapi kalau *you* yang buat komen, kita akan pertimbangkan," balas saya, juga bergurau. Bagaimanapun yang lebih penting bukan lagi tokoh yang memberi komen tetapi kekuatan hujah itu sendiri. Masyarakat pembaca harus didedahkan dengan sejelas-jelasnya melalui *Harakah*, maklumlah *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sudah di bawah takluk Menteri Kewangan.

Kenyataan Shabery dengan tajuk "Wang Rakyat Diperjudikan" saya pilih sebagai tajuk utama *Harakah*, 23 April. Shabery mengakui bahawa kenaikan nilai ringgit boleh menjejaskan jumlah rizab negara tetapi sukar diterima akal kalau hanya beberapa beberapa peratus kenaikan ringgit berbanding dolar Amerika boleh mengeringkan langsung rizab negara. Serentak dengan itu, Shabery mengingatkan Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim supaya "jangan berselindung di sebalik istilah-istilah ekonomi yang mengelirukan".

"Anwar mesti mengakui punca terbesar kerugian adalah akibat permainan spekulasi mata wang asing yang gagal. Jelas, kerugian ini bukanlah atas kertas sahaja tetapi kerugian nyata yang ditanggung oleh rakyat jelata. Umat Islam terperanjat bagaimana Menteri Kewangan yang banyak bercakap tentang Islam boleh merestui permainan spekulasi seperti ini. Sedangkan secara jelas ia memperjudikan wang rakyat sebegitu banyak. Bahkan kami hairan kenapa beliau boleh merestui pendekatan Bank Negara yang amat merbahaya ini dan tidak mahu berterus-terang apabila ia menemui kegagalan," tegas Shabery.

Shabery juga mempersoalkan alasan Gabenor Bank Negara: "Apakah semakin kukuh ekonomi bermakna semakin kering rizab kita. Kenapa pula Singapura dan Brunei yang berkembang ekonominya dan kukuh mata wangnya tidak mengalami kerugian teruk sepertimana yang dialami oleh Bank Negara. Apakah Kementerian Kewangan Malaysia ingin memperkenalkan teori baru ekonomi, iaitu semakin berkembang ekonomi bertambah susutlah rizab, dan tidak mustahil ia terus bankrap. Apakah ini juga bermakna semasa ringgit kita jatuh dahulu, rizab kita melambung naik lebih seratus peratus?"

Untuk *Harakah* berikutnya, ramai teman-teman bertanya: "Minggu ini nak lanyak Anwar lagi? Cukuplah... Nanti kerana isu itu pula Anwar boleh jatuh."

Masalahnya bukan pasal hendak menjatuhkan Anwar

dan menaikkan orang lain. Ini soal kebenaran. Kalau Anwar berada di pihak yang benar, Anwar tidak perlu melatah kepada akhbar sekecil *Harakah*. Di bawah Anwar sudah tersedia akhbar-akhbar besar, begitu juga TV3; apa yang ditakutkannya. Kalau *Harakah* buat kesilapan, Anwar boleh tegur.

Bagi keluaran *Harakah* 26 April, kami memilih isu kerugian Bank Negara juga. Saya memberitahu teman-teman di *Harakah*: "Kalau ada isu besar yang kita tangani, kita mesti buat sungguh-sungguh, sehingga pihak bertanggungjawab memberi reaksi. Jangan asal tangkap muat sahaja."

Kebetulan pula Presiden Parti Rakyat Malaysia, Dr Syed Hussin Ali memberi reaksi yang sama dalam isu ini. Tanpa ragu-ragu lagi ia dipilih untuk menghiasi tajuk depan *Harakah* iaitu "Bank Negara 'Kalah Judi'", dengan tajuk kecilnya "PM didesak lucutkan jawatan Menteri Kewangan". Saya sendiri menghubungi Dr Syed Hussin bagi mendapatkan maklumat lanjut berdasarkan kenyataan yang difaxkan ke *Harakah*. Agak lama juga Dr Syed Hussin menjelaskan, melalui telefon, dan hati saya berdetik: "Patutlah ramai orang tidak faham isu ini."

Menurut Dr Syed Hussin, Bank Negara seharusnya *prudent* (berhati-hati) dalam setiap kegiatannya dan semestinya sama sekali tidak terbabit dengan perjudian simpanan asing yang boleh membawa risiko kerugian yang cukup besar. Beliau menyamakan istilah spekulasi dengan perjudian. Tindakan Bank Negara, menurutnya, akan menjejaskan kestabilan kewangan dalam jangka panjang kerana wang simpanan luar adalah sandaran atau jaminan kepada wang ringgit yang beredar dalam negara. Jika nilai sandaran itu jatuh, ia boleh menjejaskan kestabilan ringgit.

Dr Syed Hussin berpendapat Bank Negara, yang di bawah kawalan Kementerian Kewangan, sepatutnya mengawasi semua kegiatan bank dalam negeri supaya tidak terlibat dalam spekulasi/perjudiaan secara besar-besaran. Malang-

nya Bank Negara yang bertindak sebagai pengawas itu sendiri terlibat dalam spekulasi/perjudiaan: "Jadi, siapakah pula yang akan mengawasi pengawas. Kita harapkan pagar yang menyelamatkan padi, rupanya pagar yang makan padi. Aneh sekali bagaimana Anwar yang dahulunya terkenal sebagai pejuang Islam melibatkan dirinya dengan judi besar-besaran seumpama ini."

"Kami mempunyai maklumat bahawa pada tahun 1991 Bank Negara menugaskan seorang pegawainya menjalankan kegiatan spekulasi dengan menggunakan simpanan luar. Khabarnya keuntungan kira-kira satu bilion diperolehi. Digalakkan oleh kejayaan ini, pegawai tersebut diberikan kebebasan untuk meneruskan kegiatan judi ini dalam tahun 1992. Kami percaya banyak simpanan luar digunakan untuk membeli wang paun. Dalam tahun 1992 nilai paun turun dengan teruk sekali. Ini sebabnya kerugian yang kita tanggung begitu besar. Sekiranya yang dibeli ialah wang Amerika, kerugian mungkin tidak sebesar itu, sebab dalam tahun 1992 nilai wang Amerika turun kira-kira lima peratus saja, berbanding wang Malaysia. Kami mendapat tahu bahawa akibat kerugian ini pegawai berkenaan telah dipindahkan jawatan serta tugasnya. Ini tidak memadai. Sepatutnya Kerajaan hendaklah mengambil tanggungjawab penuh dan meminta supaya Menteri Kewangan meletakkan jawatan, sekiranya beliau sendiri tidak hendak berbuat demikian secara sukarela. Bukankah Menteri Kewangan memperlihatkan kecuaiannya dan ketidakcekapannya?" tegas Dr Syed Hussin.

Beliau seterusnya berkata jumlah RM9.3 bilion yang lesap itu bukan kecil. Untuk memahami betapa besarnya boleh kita bayangkan apa yang boleh kita buat dengannya. Misalnya, kita boleh mendirikan 18 buah universiti dengan harga RM500 juta sebuah, atau 45 buah hospital berharga RM200 juta sebuah, atau 180 buah sekolah berharga RM50 juta sebuah ataupun 372,000 buah rumah murah berharga RM25,000 sebuah. Sekiranya hendak digunakan untuk

membayar bonus kepada 800,000 kakitangan kerajaan, sebagaimana yang dituntut oleh CUEPACS, maka tiap-tiap seorang pekerja boleh diberikan RM12,000.

Bayangan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, yang menganggarkan kerugian Bank Negara boleh mencapai RM16,000 juta. Ketika berceramah di Kuching, pada 29 Mei 1993 lebih menarik: "Jika seseorang itu memenangi loteri yang menawarkan hadiah RM2 juta sehari, untuk mendapat wang sebanyak RM16 bilion, dia perlu menang loteri tersebut setiap hari selama 8,000 hari berturut-turut ataupun selama 22 tahun!"

Mengenai dakwaan Gabenor Bank Negara bahawa kerugian itu cuma atas kertas sahaja, Dr Syed Hussin berkata, "entahlah, kalau-kalau kerana wang selalunya dibuat dari kertas."

Di Parlimen, Selasa, 27 April 1993, Kit Siang menegaskan: "Selaku Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim mesti menerima tanggungjawab sepenuhnya kerana kerugian pertukaran asing Bank Negara ini. Rakyat berhak mengetahui sebab dan saiz berbagai kerugian pertukaran asing yang dialami oleh Bank Negara, berkenaan jumlah kerugian yang disebabkan oleh pembendungan inflasi dalam menyerap liquiditi, penilaian semula pegangan mata wang asing dan kenaikan nilai ringgit dan kerugian hasil daripada perniagaan dan spekulasi mata wang asing."

Walaupun Anwar menafikan dakwaan bahawa Bank Negara telah terlibat dalam aktiviti spekulasi dalam pasaran pertukaran asing kenyataan itu ditolak oleh Kit Siang. Pada 1989, dilaporkan Bank Negara telah pun dikritik oleh pegawai kewangan Barat kerana spekulasi dalam mata wang yen dan dollar Amerika pada masa Kumpulan Tujuh negara industri cuba menstabilkan pasaran mata wang. Pada April 1991, Reuter menyifatkan Bank Negara sebagai "suatu kuasa domini di kancah pertukaran asing untuk beberapa tahun" dan malah menuduh beberapa pengendali pertukaran asing

sebagai "penjahat pasaran". Laporan tersebut memetik kenyataan peniaga di London sebagai berkata, Bank Negara "selama ini adalah pemain pasaran yang terbesar, meniadakan jumlah pertukaran asing yang jauh melebihi mana-mana pemain dalam pasaran".

Mengenai dakwaan Tan Sri Jaffar Hussein bahawa semua kerugian pertukaran asing Bank Negara hanyalah "kerugian di atas kertas", Kit Siang mempersoalkan: "Adakah beliau berkata semua keuntungan pertukaran asing yang diperolehi oleh Bank Negara sejak beliau menjadi Gabenor Bank Negara pada Jun 1985 adalah juga "kerugian di atas kertas" sahaja?" Seterusnya Kit Siang berhujah: "Jika Bank Negara telah mengalami kerugian di antara RM6.9 bilion dan RM9.7 bilion kerana aktiviti spekulasi dalam pasaran pertukaran asing, maka rakyat Malaysia berhak menuntut penjelasan yang sepenuhnya, kerana nyata sekali Bank Negara telah melampaui bidang kuasanya sebagai bank pusat dalam kegagalan bertindak dengan cermat sebagaimana yang dikehendaki."

Bank Negara mengalami kerugian pertukaran asing yang besar semasa krisis mata wang dalam mekanisme kadar pertukaran Eropah susulan penolakan Maastricht Treaty on European Monetary Union dalam pungutan suara Denmark pada 2 Jun 1992, yang memaksa penggantungan pound sterling dari Exchange Rate Mechanism (ERM) of the European Monetary System (EMS). Akibatnya ringgit mencatatkan kenaikan nilai yang paling besar berbanding dengan pound sterling, iaitu sebanyak 29.1 peratus. Adalah dilaporkan bahawa Bank of England telah membelanjakan berbilion-bilion paun untuk mempertahankan paun British pada masa itu.

"Yang ini sememangnya boleh difahami tetapi mengapa Bank Negara juga mahu menyelamatkan pound sterling?" tegas Kit Siang, disambut tepukan bergemuruh ahli-ahli Parlimen.

"Mengapa Bank Negara juga menukar berbilion-bilion

atau berpuluh-puluh bilion ringgit kepada pound sterling untuk membantu mempertahankan pound British? Adakah Kerajaan Malaysia sudah mengubah sikapnya dari dasar "Buy British Last" kepada "Defend British First" - "Safe British First" dengan ringgit-ringgit wang rakyat Malaysia. Saya tidak percaya bahawa serbuan Bank Negara memberi pound yang merugikan tersebut semasa krisis mata wang sterling adalah kerana Perdana Menteri kita mahu menyelamatkan John Major - *Mahathir to rescue John Major* - dan paun British. Tetapi kerana Bank Negara berharap mengaut keuntungan yang besar dengan mengambil pendirian membeli untuk jangka panjang mengharapkan pound pulih kedudukannya dengan sokongan Kerajaan British," hujah Kit Siang.

Tambahnya lagi, dengan tiadanya penjelasan yang memuaskan dan yang dapat diterima oleh kerugian pertukaran asing Bank Negara, keyakinan awam ke atas Bank Negara dan Kerajaan akan terjejas. "Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan sokongan beliau kepada prinsip akauntabiliti, pertanggungjawapan dan transparensi pegawai-pegawai sektor awam. Dan ini adalah satu kes ujian sama ada beliau benar-benar berkepercayaan dalam prinsip-prinsip ini, dengan meminta Kabinet menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat kerugian pertukaran asing Bank Negara," tegas Kit Siang.

Dalam jawapan balasnya, Anwar mempersoalkan jumlah kerugian yang diberikan oleh Kit Siang, Anwar mendakwa Kit Siang mengira dua kali. Mengenai pertanyaan Kit Siang bahawa kenapa bila rugi dikatakan rugi atas kertas, tetapi bila untung, memang sebenarnya untung, Anwar berkata: "Bila untung, untung itu dipulihkan sebagai *cash* dipindahkan ke dalam negara, dibayar kepada Kerajaan. Sebab itu untung ini *in cash terms*. Rugi yang disebut oleh Gabenor Bank Negara sebagai *paper loss* itu, rugi masih atas kemerosotan nilai yang masih dirizab."

Anwar seterusnya memberi contoh: "Umpamanya kalau

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada US\$1 juta, mungkin lebih, di simpan di New York, rugi itu *in ringgit terms*, sebab nilai ringgit bertambah. Jadi, US\$1 juta masih kekal US\$1 juta, tetapi apabila dari segi ringgit sudah merosot lapan peratus atau sembilan peratus, tengok kepada tempohnya. Ini *basic economic*, saya hendak beri kuliah sedikit." Dalam jawapannya itu, Anwar sempat juga menyerang *Harakah*: "Saya tahu, *Harakah* pun banyak isu, saya sekarang popular kerana *front page headline, every week, every issue*."

Bagaimanapun jawapan panjang lebar Anwar itu memerangkap dirinya. Esoknya, tepat jam 3.38 petang, Lim Kit Siang - setelah merakamkan penghargaan kepada jawapan Anwar - berkata: "Saya juga mesti mencatatkan kehampaan saya yang amat sangat dengan kenyataan beliau (Anwar) yang bukan merupakan jawapan kepada ucapan saya. Kita boleh sebut ia sebagai *non-reply*... Yang Berhormat Menteri Kewangan bersungguh-sungguh mengelakkan diri dari memberi jawapan sehingga habis tempoh 30 minit yang diperuntukkan untuk beliau. Kenyataan itu ...hanya memperkukuhkan kesangsian bahawa Kerajaan mempunyai banyak perkara yang terpaksa disembunyikan atau dengan izin *swept under the carpet*... Hakikat yang sebenarnya ialah beliau (Anwar) telah membangkitkan lebih banyak soalan daripada menjawab."

Selanjutnya Kit Siang membidas gaya Anwar yang tidak bersedia membaca teks ucapan yang disediakan supaya dapat memberi gambaran beliau membuat pembentangan dengan spontan bagi mempamerkan kehebatannya dalam perkara tersebut.

"Tetapi malang sekali, terdapat kesilapan-kesilapan dalam perhubungan dengan pihak akhbar dan akibatnya ialah, pemberitaan yang panjang lebar kepada ucapan Yang Berhormat Menteri di Parlimen kelmarin sebagaimana yang tersiar dalam sebuah akhbar tempatan - yang ada disebut berkait rapat dengan beliau - amat berbeza dengan ucapan

spontan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat," ujar Kit Siang.

"Saya tidak ada bantahan jika Yang Berhormat Menteri ingin memberi ucapan spontan yang telah disediakan terlebih dahulu tetapi dengan syarat beliau dapat membuat pengubahsuaian berdasarkan apa yang telah saya katakan sebelum beliau berucap. Malang sekali Yang Berhormat Menteri tidak dapat berbuat demikian dan inilah sebabnya beliau terpaksa membuat kenyataan dan andaian dan tuduhan yang tidak akan beliau lakukan sekiranya beliau mengikuti dan memahami ucapan saya terlebih dahulu. Misalnya, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, beliau mengejek saya kerana meminta butir-butir terperinci rizab Bank Negara dalam berbagai mata wang asing dengan mengatakan bahawa ia bukanlah "skim kutu kampung" untuk diketahui umum. Sebenarnya saya tidak pernah meminta butir-butir terperinci komposisi rizab asing Bank Negara. Apa yang saya minta ialah butir-butir terperinci kerugian pertukaran asing. Saya berharap Yang Berhormat Menteri faham bahawa terdapat perbezaan di antara dua jenis butiran ini," tambah Kit Siang.

Mengenai tuduhan Anwar bahawa beliau menghitung dua kali mengenai jumlah kerugian lain-lain rizab Bank Negara sebanyak RM10.1 bilion, Kit Siang berkata: "Saya tidak dapat memahami logik Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya akan berasa amat terkejut jika Gabenor Bank Negara masih menegaskan bahawa lain-lain rizab pada tahun lalu ialah RM9.3 bilion dan bukan RM10.1 bilion." Seterusnya Kit Siang merumuskan: "Malah seorang murid sekolah pun dapat memerhati bahawa lain-lain rizab Bank Negara telah kerugian RM10.1 bilion."

Dalam hal ini Dr Jomo juga bersetuju dengan hujah Kit Siang. Dalam huraian kepada *Harakah* Dr Jomo mencatatkan: "Perhatian umum di negara kita setakat ini lebih tertumpu kepada pengurangan sebanyak RM9.3 bilion dalam lain-lain rizab Bank Negara antara akhir tahun 1991 dan akhir

tahun 1992. Namun, kalau diambil kira jumlah RM800 juta yang dipindahkan ke dalam lain-lain rizab, nyata sekali lain-lain rizab sebenarnya berkurangan sebanyak RM10.1 bilion dalam tahun 1992. Bank Negara juga telah memperuntukkan sebanyak RM2.7 bilion lagi untuk tanggungan-tanggungan kontijen – maksudnya, kerugian-kerugian yang dijangka berlaku akibat tindakan pada tahun 1992, sungguhpun masih belum berlaku. Misalnya, sekiranya bank tersebut membeli mata wang tertentu untuk masa depan dan berlakunya penurunan besar nilai mata wang tersebut berbanding ringgit. Oleh itu tidaklah salah kalau dikatakan kerugian sebenar ialah RM12.8 bilion pada tahun 1992, sungguhpun setengah daripada kerugian itu masih belum pasti, ataupun apa yang dikatakan kerugian atas kertas.”

Dr Jomo membuat beberapa anggaran tentang jenis kerugian yang ditanggung, iaitu selain spekulasi tukaran asing, antaranya ialah kos menyerap dan akibat kenaikan nilai ringgit. Untuk membendung inflasi, Bank Negara telah menyerap kecairan yang berlebihan. Kecairan berlebihan ini muncul terutamanya kerana kemasukan modal jangka pendek dari luar negeri akibat kadar faedah Malaysia yang agak tinggi, terutamanya pada awal 1992. Pada 1992 saja, Bank Negara telah menyerap RM17.1 bilion daripada sistem bank dan RM6.7 bilion deposit-deposit lain. Kalau dijumlahkan dengan deposit-deposit sebelumnya, pada akhir 1992, Bank Negara mempunyai deposit bernilai RM40.6 bilion.

Menurut keterangan Gabenor Bank Negara, deposit ini nampaknya disimpan oleh Bank Negara di bank-bank Amerika Syarikat pada kadar faedah 2.5 peratus setahun sedangkan ia perlu membayar kira-kira lapan peratus setahun kepada bank-bank dan lain-lain di Malaysia, dan dengan demikian, menanggung kos perbezaannya sebanyak 5.5 peratus. Lain-lain dokumen Bank Negara menunjukkan kebanyakan daripada langkah menyerap itu hanya berlaku mulai suku kedua tahun 1992 yang bererti, deposit-deposit yang dipegang oleh

Bank negara tidak pun sampai setahun penuh. Lagi pula, sesiapa yang biasa dengan pasaran tukaran asing akan mendapati bahawa margin sebanyak 5.5 peratus itu pada ketika itu amat besar. Sungguhpun dengan andaian maksimum demikian, kos maksimum seluruh operasi itu tidak mungkin melebihi RM2.2 bilion (iaitu $RM0.055 \times 40.6$ bilion).

Dr Jomo menjelaskan: "Seperti telah dijelaskan oleh Menteri Kewangan dan juga Gabenor Bank Negara, pengu-kuhan nilai ringgit pada 1992 mengakibatkan penurunan nilai rizab bank bila dihitung dalam mata wang ringgit. Laporan itu juga memberitahu ringgit kukuh sebanyak 5.6 peratus berbanding dengan longgokan komposit mata wang asing, yang mencerminkan rakan dagang lama Malaysia di peringkat antarabangsa. Kerugian yang berlaku ke atas nilai deposit oleh kerana kenaikan nilai ringgit pada 1992 sepatutnya tidak lebih daripada RM2.3 (iaitu $RM0.056 \times 40.6$ bilion), andaikata semua deposit itu telah ditukar menjadi tukaran asing (kemungkinan besar tidak semuanya ditukar). Ini bermakna langkah menyerap dan kenaikan nilai ringgit hanya boleh menyebabkan kerugian kurang dari RM4.5 bilion, bererti sejumlah RM8.3 bilion lagi masih belum dipertanggungjawabkan."

Kit Siang juga menolak hujah Anwar bahawa oleh kerana kedudukan ekonomi negara kukuh, maka kita tidak harus khuatir akan kerugian pertukaran asing Bank Negara: "Sekarang ini pasaran saham amat *bullish* dan meningkat dengan banyak kaunter yang berkaitan dengan pemimpin-pemimpin Umno mengepalai senarai saham yang amat aktif. Dan terdapat desas-desus bahawa pasaran saham yang hangat dan meningkat ini adalah berkaitan dengan tabung kempen dana *war chess* lebih kurang RM200 juta seorang pemimpin Umno untuk pemilihan parti. Dan tentulah ia mencatat rekod. Tetapi adakah ini bererti kita harus menutup mata kita terhadap apa yang tidak sihat dan salah dalam pasaran saham."

Mengulas suatu jawapan yang diberikan oleh Anwar, Kit Siang berkata: "Imiginasi yang karut ini tidak boleh diterima langsung disebabkan ia adalah serupa dengan membandingkan seekor ayam dengan seekor itik. Yang Berhormat Menteri tidak memahami bahawa rizab asing adalah disebabkan oleh imimbangan bayaran yang positif akibat pertumbuhan ekonomi negara sedangkan kenaikan atau kejatuhan lain-lain rizab adalah bergantung kepada prestasi Bank Negara. Kedua-dua ini tidak ada kaitan langsung."

Ketua Pembangkang itu kemudiannya menasihatkan Anwar supaya mendapat pendidikan dalam bidang ekonomi antarabangsa daripada Setiausaha Parlimen ataupun Timbalan Menteri: "Tetapi Setiausaha Parlimen (Kementerian Kewangan) yang merupakan seorang ahli ekonomi yang terlatih dan rujuklah kepada rencananya dalam *Berita Harian*, 24 April 1993. Dalam rencana ini, beliau telah menghiraukan dengan tepatnya bahawa tambahan dalam rizab asing bergantung kepada sama ada kita mempunyai perimbangan bayaran yang positif yang bergantung kepada pertumbuhan ekonomi."

Anwar yang tidak pernah terlatih dalam bidang ekonomi tentunya mendapat pengajaran yang bermakna dalam isu, apatah lagi bila Kit Siang menegaskan: "Adalah amat mengejutkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan nampaknya tidak memahami ekonomi antarabangsa yang asas ini sehingga saya bimbang bahawa Yang Berhormat Menteri sedang teraba-raba dalam kegelapan dan Malaysia memang mujur kerana tiada bencana kewangan besar yang berlaku sehingga kini. Yang Berhormat Menteri sepatutnya berhenti daripada mengelirukan orang ramai dengan mengatakan kerugian dalam rizab-rizab lain sebanyak RM10.1 bilion oleh Bank Negara tidak penting disebabkan ia boleh *dioffset* oleh lebihan sebanyak RM16.5 bilion dalam rizab asing."

"Bukan sahaja ini adalah salah dalam etikata ekonomi asas tetapi perbandingan secara selektif adalah amat salah

dalam ertikata perakaunan sehingga mana-mana pelajar perakuan tidak membuat kesilapan sedemikian rupa. Tidak hairanlah mengapa Gabenor Bank Negara dan juga seorang chartered accountant kelihatan begitu muram apabila Yang Berhormat Menteri membuat perbandingan ini dalam Parlimen semalam. Namun ini mencerminkan dengan buruknya penasihat-penasihat ekonomi dan perakaunannya sehingga tidak dapat mengajar dan membuatnya (Anwar) memahami asas-asas dengan baik dan jelas.

"Ingin saya mencadangkan, demi kepentingan negara, agar beliau menukar penasihat-penasihat ekonomi dan perakaunannya. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan awam yang penuh dengan merujuk kepada semua perkara teknikal yang dibangkitkan secara bertanggungjawab dan **janganlah ghairah berpolemik politik,**" tegas Kit Siang menutup ucapannya mengenai kerugian Bank Negara.

Dalam ucapan penggulungannya, pada 10 Mei 1993, Anwar mengulangi tuduhannya kepada pembangkang kerana terus mengira dua kali. Katanya, pelbagai pihak cuba membuat serkap jarang untuk menambah kekeliruan. Beliau tetap mempertahankan kemerosotan lain-lain rizab bernilai RM9.3 bilion dan bukannya RM10.1 bilion. Seterusnya Anwar menyifatkan kemerosotan itu berpunca dari gabungan beberapa faktor, antaranya ialah pengukuhan ringgit, kos mengawal inflasi turun naik nilai mata wang antarabangsa dan lain-lain. "Kita harus sedar bahawa kenaikan nilai ringgit, antara faktor yang menyebabkan kemerosotan nilai lain-lain rizab, telah membawa manfaat kepada rakyat dan negara amnya," tegas Anwar.

Dari jawapannya itu, Anwar seolah-olah menegaskan Bank Negara akan terus berspekulasi dengan hujahnya: "Ada yang berpendapat Bank Negara perlu mengambil sikap konservatif. Pandangan ini gagal melihat realiti sebenar. Bank Negara dan mana-mana bank pusat tidak perlu mengambil

risiko untuk berdagang jika dasar pasif atau berdiam diri tidak mempunyai risikonya. Realitinya ialah berdagang dan tidak berdagang adalah dua pilihan yang membawa risiko masing-masing. Dengan berdagang, risikonya ialah ramalan dan unjuran yang dibuat dalam gerakan mata wang tidak tepat, justeru itu mengalami kerugian. Tetapi tidak berdagang juga bermakna menghadapi risiko kerugian akibat turun naik nilai antarabangsa mata wang dalam pegangan."

Menyedari sebahagian jawapan Anwar itu ditujukan kepada tulisan Dr Jomo, yang disiarkan dalam *Harakah* 10 Mei 1993, saya segera menghubungi Dr Jomo, melalui telefon. Dr Jomo menghabiskan masa lebih satu jam untuk memberi penjelasan dan beberapa contoh bagi memudahkan saya untuk memahaminya.

"Dasar Bank Negara, seperti yang ditegaskan oleh Anwar, salah dari segi Islam. Kita tidak dibenarkan berspekulasi. Kita tidak boleh membeli buah semasa pohon baru berbunga. Apa hujah Anwar membolehkan kita berspekulasi sebegitu rupa? Amat janggal apabila Bank Negara mengambil sikap untuk lebih berspekulasi dalam tukaran asing lebih daripada bank-bank perdagangan lain," jelas Dr Jomo.

Beliau mengulangi hujah yang pernah dikemukakan oleh Dr Syed Hussin Ali: "Oleh kerana bank pusat pada pokoknya ialah mengawas, soalan yang timbul ialah siapakah yang akan mengawasi pengawas ini bila polisi-polisi yang tidak bijak dibiarkan berlaku."

Yang lebih dikesali oleh Dr Jomo ialah jawapan Anwar itu menggambarkan tidak bersedia untuk mengaku kesilapan yang telah dilakukan, sebaliknya bertegas untuk meneruskan dasar yang silap itu. Mungkin ia terpaksa dilakukan untuk mendapatkan semula kerugian yang dialami tetapi yang pasti, menurut Dr Jomo, ia tidak ada jaminan. "Tapi harus diingat bahawa kita mungkin juga akan ditimpa kerugian yang lebih besar lagi," tegasnya. Walaupun Dr Jomo mengaku bahawa dasar berspekulasi sebelum tahun 1992 sedikit seba-

nyak membawa keuntungan kepada Bank Negara tetapi "kerugian ini telah menghapuskan semua keuntungan itu kerana kerugian ini jauh lebih besar daripada keuntungan sebelumnya". Dalam kenyataan selepas itu, Dr Jomo menegaskan: "Hanya kakijudi akan terus bertaruh dengan harapan menebus balik kerugiannya setakat tertentu. Dan barangkali kerugiannya akan terus bertambah walaupun mungkin terdapat 'kemenangan' sementara."

Dalam tulisannya Dr Jomo berhujah konservatisme dalam soal-soal begini (spekulasi tukaran asing) bermakna kebijaksanaan dan tanggungjawab, bukannya menentang kemajuan: "Memang diketahui Bank Negara tidak terlibat dengan begitu mendalam dengan perdagangan tukaran asing sebelum berlaku perubahan dalam Kementerian Kewangan dalam dalam pucuk pimpinan bank itu sendiri pada pertengahan 1980-an."

Rasanya Anwar menunjukan ucapan kepada Dr Jomo bila beliau berkata: "Pihak tertentu menganggap bahawa berlaku perubahan besar dalam dasar pengurusan rizab sejak pertengahan tahun 80-an. Mungkin mereka yang berpendapat sedemikian terlalu ghairah untuk mempertahankan dasar sebelum pertengahan 80-an. Kenyataannya ialah Bank Negara meneruskan dasar yang sama iaitu meneruskan dasar berhemat. Bank Negara sebelum pertengahan 80-an tidak perlu berdagang dengan jumlah yang besar kerana jumlah rizab ketika itu adalah rendah, bahkan jauh lebih rendah dari hutang luar negara."

Dalam jawapannya kepada saya, Dr Jomo menasihatkan supaya lebih baik ditekankan soal pucuk pimpinan Bank Negara, dan bukannya lebih tertumpu kepada Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Razaleigh. Sekiranya Tengku Razaleigh dibabitkan perbahasan mengenai isu penting ini tidak dapat dijalankan secara matang dan objektif.

Dr Jomo memberitahu Bank Negara di bawah pimpinan Tun Ismail Ali dan Tan Sri Abdul Aziz Taha tidak pernah

merestu spekulasi besar-besaran. Bagaimanapun apabila Tun Daim mengambil alih Kementerian Kewangan hal ini berubah. Tetapi ia tidak bermakna Anwar perlu meneruskan dasar Daim. Menurut Dr Jomo, Anwar ada pilihan, sama ada melangsungkan dasar Daim ataupun mengambil sikap yang lebih bijaksana.

"Anwar sepatutnya tidak terikat dengan Daim dan boleh kembali mengikut apa yang telah dilakukan oleh Tun Ismail," tegas Dr Jomo.

Menjawab dakwaan Anwar bahawa pembangkang membuat kiraan dua kali bagi menentukan kemerosotan lain-lain rizab, Dr Jomo berkata: "Anwar sendiri keliru dan kemudiannya mengelirukan Dewan Rakyat. Dari segi ini seolah-olah menunjukkan Anwar tidak boleh memahami matematik sekolah rendah!"

Dr Jomo kemudiannya membuat sedikit pembetulan terhadap tulisannya di *Harakah*. Katanya: "Saya telah menganggarkan kos menyerap wang asing yang masuk ke Malaysia, supaya tidak menyebabkan inflasi, tidak boleh melebihi RM2.2 ribu juta, sedangkan pengukuhan nilai ringgit boleh menyebabkan "kerugian atas kertas" sebanyak RM2.3 ribu juta. Maka, saya telah membuat kesimpulan bahawa baki kerugian sebanyak RM12.8 ribu juta - iaitu sekurang-kurangnya RM8.3 ribu juta - pasti disebabkan kerugian urus niaga mata wang asing. Saya juga telah mengatakan bahawa perubahan dalam cara kira-kira Bank Negara boleh menyembunyikan jumlah kerugian bank pusat itu pada tahun 1992, yang mungkin melebihi RM12.8 ribu juta, yang dianggarkan mengikut laporan rasminya. Nampaknya saya salah dari beberapa segi, dan oleh itu, patut memohon maaf dan memberi penjelasan."

Jomo seterusnya mengemukakan hujah majalah *Far Eastern Economic Review*, 13 Mei 1993 yang menegaskan mata wang asing yang diserap itu telah digunakan untuk membeli sterling British, yang mendatangkan kadar bunga lebih tinggi

daripada kadar bunga di Malaysia. Maka, Bank Negara tidak mengalami kos menyerap - seperti digambarkan oleh pihak berkuasa - tetapi sebaliknya, telah menikmati untung sementara daripada kelebihan kadar bunga berkenaan, walaupun akhirnya kerugian lebih tinggi kerana nilai mata wang sterling itu telah jatuh. Menurut *Review*, sumber-sumber yang rapat dengan Kerajaan Malaysia telah mengakui bahawa lebih daripada 80 peratus dari jumlah kerugian RM12.8 ribu juta itu hilang di London, hampir semuanya akibat urus niaga mata wang asing yang melibatkan sterling. Ini bermakna sekurang-kurangnya RM10.2 ribu juta kehilangan akibat kejatuhan sterling yang mesti melibatkan pembelian sterling sekurang-kurangnya RM45 ribu juta! Kalaulah diuruskan secara bijaksana, mata wang asing yang dibeli oleh bank pusat sebuah sepatutnya mencerminkan rakan perdagangannya, tetapi hanya 4.0 peratus dari jumlah eksport Malaysia dan 3.4 peratus dari importnya pada 1992 melibatkan Britain.

Menurut majalah itu lagi, perubahan cara kira-kira Bank Negara disediakan bagi tahun 1992 telah menyebabkan pihak Ketua Audit Negara menolak kira-kira itu pada mulanya dan walaupun diterima kemudian, Ketua Audit Negara telah menasihatkan bank pusat supaya jangan terus berspekulasi dalam mata wang asing pada masa hadapan.

Dalam pada itu jawapan Anwar tentunya tidak dapat memuaskan sesiapa sahaja, apatah lagi Lim Kit Siang. Ketika membahaskan anggaran perbelanjaan tambahan 1992 dan 1993 sebanyak RM5.6 bilion, pada 17 Mei 1993, Ketua Pembangkang itu jelas tidak lupa isu kerugian pertukaran asing.

"Apabila Kerajaan minta Parlimen meluluskan anggaran perbelanjaan tambahan kepada apa yang diluluskan dalam belanjawan tahunan, Kerajaan hendaklah memuaskan Parlimen dan negara bahawa ia telah berhati-hati dalam menguruskan wang perbelanjaan kerajaan; bahawa tiadanya pemborosan dan pembaziran; bahawa rasuah, amalan-amalan curang dan segala bentuk salah guna kuasa telah disekat;

bahawa tahap kecekapan dan kompetet yang tinggi telah dipelihara; dan paling penting lagi, bahawa kerajaan telah mematuhi prinsip tanggungjawab, akauntabiliti dan transparansi."

Maka dalam keadaan sedemikian, katanya, adalah lumrah untuk mengkaji permintaan Kerajaan untuk anggaran perbelanjaan tambahan berjumlah RM5.6 bilion ini dalam ertikata kerugian pertukaran asing Bank Negara yang berjumlah RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion. Ini kerana Kerajaan tidak perlu menanggung anggaran perbelanjaan tambahan sebanyak RM5.6 bilion sekiranya Bank Negara tidak mengalami kerugian yang begitu besar.

Beliau juga menghujahkan kembali kenyataan Anwar bahawa jika sekiranya Bank Negara menyimpan rizab wang asingnya dalam pasaran antarabangsa secara "selamat" dan tidak memperdagangkannya, "kita masih akan rugi besar disebabkan ringgit kita adalah kukuh". Kit Siang menjelaskan, Bank Negara sepatutnya rugi kira-kira RM3.2 bilion dalam mata wang asing akibat usahanya untuk memerangi inflasi dengan meresap pengaliran masuk wang asing dan juga disebabkan naiknya nilai ringgit serta penilaian semula pegangan mata wang asing. Akan tetapi ini tidak dapat menjelaskan kerugian pertukaran mata wang asing Bank Negara sebanyak RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion.

"Kerugian pertukaran mata wang asing boleh berjumlah RM16 bilion sekiranya kita mengambil kira satu lagi perkara - penilaian semula pegangan emas Bank Negara pada tahun lalu. Ini adalah kali pertama Bank Negara dalam sejarah 33 tahunnya menilai semula pegangan emasnya dan adalah dianggarkan keuntungan kira-kira RM3 bilion dapat diperolehi akibat penilaian semula emas. Namun demikian, tiada angka mengenai penilaian semula pegangan emas kelihatan dalam kunci kira-kira Akaun Bank Negara untuk tahun 1992 dan sekiranya RM3 bilion ini juga telah hilang, ini akan bermakna bahawa jumlah kerugian pertukaran mata

wang asing Bank Negara adalah dalam lingkungan RM16 bilion," jelasnya.

Oleh kerana Anwar gagal untuk memberi penjelasan yang memuaskan kepada Parlimen di atas kerugian pertukaran asing itu, Kit Siang menegaskan, Jawatankuasa Akaun Parlimen harus menjalankan satu siasatan khas mengenainya dan membentangkan laporan siasatan itu kepada Dewan Rakyat untuk perbahasan. Jawatankuasa Akaun Parlimen mempunyai kuasa untuk menyaman Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein dan Penasihat Bank Negara yang bertanggungjawab dalam urusan dan spekulasi pertukaran asing Bank Negara untuk memberi satu penjelasan yang penuh kepada kerugian itu. Dalam siasatannya, Jawatankuasa Akaun Parlimen harus juga meminta perangkaan tentang kerugian pertukaran asing terkini yang dialami oleh Bank Negara dan kedudukan keuntungan dan kerugian tahunan urusan dan spekulasi pertukaran asing Bank Negara sejak pertengahan tahun 1980-an apabila Bank Negara pertama kali menjadi peserta aktif dalam pasaran pertukaran asing antarabangsa.

Satu ulasan yang menarik mengenai isu ini ialah artikel yang diterbitkan di dalam *Dewan Masyarakat*, Jun 1993 juga menegaskan kesangsiannya terhadap kenaikan nilai ringgit yang dikatakan punca utama kerugian Bank Negara. Saya menyifatkannya menarik kerana ia diterbitkan oleh sebuah agensi kerajaan. Dan bagi mereka yang agak sangsi dengan pendirian Dr Jomo, apatah lagi Lim Kit Siang boleh memerhatikan hujah, (tapi perhatikan bagaimana kiraan dibuat) penulis artikel "Kerugian Atas Kertas Atau Kegagalan Spekulasi?", Nawī Abdullah:

"Sepanjang tahun 1992 purata kenaikan nilai ringgit meningkat sebanyak 4.6 peratus. Ini bermakna, Malaysia akan mengalami kerugian sebanyak 4.6 peratus daripada nilai pertukaran asing akibat daripada kenaikan tersebut. Dengan kenaikan tersebut, Malaysia akan hanya mengalami

kerugian sebanyak RM462.43 juta (RM10,053 juta [rizab 1991] x 4.6 peratus). Katakan belanja untuk membendung inflasi ialah sebanyak 4.8 peratus, maka belanja untuk mengawal inflasi ialah sebanyak RM482.544 juta (4.8 peratus daripada RM10,053 juta). Begitu juga, akibat daripada kemasukan nilai dolar AS, terdapat perbezaan margin keuntungan yang negatif sebanyak 5.5 peratus yang terpaksa ditanggung oleh Bank Negara. Jadi kerugian akibat daripada margin ini ialah sebanyak RM552.91 juta (RM10,053 juta x 5.5 peratus).

"Daripada fakta ini menunjukkan negara hanya akan mengalami kurangan dalam rizab asing sebanyak RM1,497.884 akibat kerugian daripada kenaikan ringgit dan mengawal inflasi serta margin kerugian. Ini terjadi akibat daripada pegangan dollar AS kerana kemasukan pelaburan asing yang meningkat dalam bentuk dolar bagi tahun 1992. ... Ada ahli ekonomi yang berpendapat bahawa kerugian itu disebabkan oleh kegagalan permainan spekulasi mata wang asing. Kunci kira-kira yang ditunjukkan oleh Bank Negara menunjukkan rizab ini merosot daripada RM10,043 juta pada tahun 1991 kepada RM752 juta pada akhir tahun kewangan 1992. Ini bermakna negara mengalami kejatuhan sebanyak 92.5 peratus daripada pertukaran asing negara dalam masa cuma satu tahun!"

Seterusnya tulisan *Deum Masyarakat* itu bersetuju bahawa Bank Negara telah mendedahkan kedudukannya kepada risiko yang tinggi akibat terlalu aktif berspekulasi atau berjudi!

Ketika saya menyusun kembali tulisan ini, saya terpan- dang ruangan *Inside, Sunday Star*, halaman pertama, 27 Jun 1993 yang menonjolkan amaran Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad tentang kegiatan spekulasi di Bursa Saham Kuala Lumpur, di halaman ketiga. Ya, apa yang dicatatkan dalam ruangan itu, sebagai ringkasan kenyataan PM mengenai spekulasi? Okey, saya catatkan, khusus buat Anwar: "*Gambling on shares. The Prime Minister said some people will get their fingers burnt if they gambled in the stock market.*"



SIAPA yang tersenyum simpul melihat Mahathir menandatangani buku cenderamata selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan Ekuin Perdana. Anwar tentu kenal rapat. Siapa lagi kalau bukan taukeh judi terkenal,



SIAPA pula yang bersalam dengan Mahathir dalam jamuan Aidilfitri. Anwar tentu kenal kerana semasa menjadi Ketua Pemuda Umno dulu Anwar pernah terima derma darinya. Yahaya Ismail ada cerita menarik mengenai taukeh judi Genting Highland ini

6

SIAPA RAKAN AKRAB ANWAR?

Siapa rakan-rakan karib Anwar? Siapa teman-teman rapat Anwar? Siapa sahabat-sahabat yang dipercayai Anwar? Sebagai pemimpin yang bercita-cita besar untuk mendaulatkan Islam – menurut caranya sendiri – tentulah Anwar mempunyai rakan-rakan yang bertaraf ulama, yang dapat menegur dan membetulkannya jika beliau melakukan kesalahan. Orang yang berkawan dengan penjual wangian akan melekat juga bau wangian pada bajunya, begitu pula sebaliknya. Sehebat mana pun Anwar, dia tidak boleh tinggalkan ulama. Kita tentunya memaklumi sebagai Menteri Kewangan, Anwar mesti rapat dengan tokoh-tokoh korporat dan perniagaan. Tapi, berpada-padalah, kita bukan menghalang kerana ia tidak dapat dielak dan seharusnya Anwar mempunyai teman-teman seumpama itu, bagi membantunya kerjanya di Kementerian Kewangan.

Justeru itu saya mulakan bab ini dengan menekankan kepentingan Anwar mempunyai hubungan yang rapat dengan ulama atau sahabat yang ikhlas dan jujur (bukannya yang asyik mengipas dan mengampu) supaya Anwar tidak mudah hilang punca. Ulama yang berani berkata benar dan menegur Anwar tanpa segan silu. Jangan sampai dikata orang, semenjak jadi Menteri Kewangan, Anwar hanya pandai berkawan dengan taukeh-taukeh judi ataupun dengan tokoh perniagaan yang sentiasa dipersoalkan. Bagaimanapun tidak dapat dipastikan setakat mana hubungan Anwar dengan teman-teman lamanya dalam ABIM dan juga PAS. Selain itu, lebih tidak dapat dipastikan lagi apakah teman-teman lamanya itu mampu memberi nasihat, tunjuk ajar, atau turut sama mengampu Anwar bagi mengaut keuntungan material dari kantung perbendaharaan negara.

Yahaya Ismail dalam buku terbarunya *Anwar Ibrahim: Antara Nawaitu dan Pesta Boria* memilih gambar Anwar bersama Tan Sri Vincent Tan (dan juga Mahathir) di atas kereta kuda sebagai hiasan kulit luar buka tersebut. Tentunya gambar seumpama itu cukup menarik. Saya sendiri tertarik untuk membeli buku itu kerana gambar Anwar bersama Vincent Tan dalam suasana yang nampaknya penuh kegembiraan dan keakraban. Saya bukanlah mahu mempersalahkan Anwar kerana bergambar dengan Vincent Tan, tidak ada salahnya, dan rasanya Vincent Tan, sebagai ahli perniagaan, tentulah merasa gembira dengan buku Yahaya itu, walaupun reaksi dari Anwar di sebaliknya. "Mungkin Vincent sendiri beli banyak buku Yahaya untuk disebar, kata seorang teman. Tapi imej Vincent Tan yang dikenali sebagai taukeh judi dan peluang perniagaan yang dibolotnya secara kontroversial boleh memudahkan imej Islam pada Anwar.

Yahaya dalam bukunya itu merakamkan peristiwa beliau pernah mendedahkan bahawa Anwar, ketika menjadi Ketua Pemuda Umno, menerima derma dari taukeh kasino Genting, Tan Sri Lim Goh Tong sebanyak RM500,000. Kata-

nya: "Watan memuatkan kenyataan saya itu. Tak lama selepas itu, Anwar buat kenyataan akhbar mahu menyaman saya. Sementara menunggu surat samannya, Datuk Najib Tun Razak, memperjelaskan kedudukan yang sebenar. Kata Najib, dalam kenyataan akhbarinya, bukan RM500,000 yang didermakan oleh taukeh judi Genting itu kepada Yayasan Gerak Bakti tetapi cuma RM250,000 sahaja!"

"Mungkin itu yang Anwar mahukan. Anwar mahu mengikis imej Islamik yang tidak perlu untuknya, dalam usaha merebut kerusi Perdana Menteri, dengan mendekati tokoh-tokoh korporat seperti Vincent Tan dan juga Ketua Eksekutif MBf, Tan Sri Datuk Loy Hean Hong. Hubungan Anwar dengan ulama dan cendekiawan Islam mungkin boleh menyukarkan peluang Anwar," ujar seorang teman.

Naib Ketua Pemuda PAS, Mohamad Sabu, pada sidang Parlimen 17 Mei 1993 juga membangkitkan perihal rapatnya Anwar dengan tokoh-tokoh kewangan yang kontroversial: "Sekarang ini MBf dalam siasatan. Sepatutnya bila berada dalam siasatan ini, kita hendaklah menyiasat sungguh-sungguh. Tetapi kita lihat orang yang disiasat ataupun institusi kewangan yang disiasat itu semakin mendapat tempat dan semakin rapat dengan Menteri Kewangan. Kita mendapat tahu bahawa dikeluarkan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang ada hubung-kait dengan Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Loy sebanyak RM733 juta. Dan syarikat ini sedang disiasat tetapi kita lihat Menteri Kewangan sekarang rapat dengan Tan Sri Loy ini seperti beliau rapat dengan Tan Sri Vincent Tan dahulu."

Kata Mohamad Sabu lagi: "Kita hairan orang-orang yang ada skandal, orang yang diberikan pinjaman, dan sekarang dalam siasatan ini, kita lihat ke sana ke mari mengikut rombongan Menteri Kewangan. Apakah Menteri Kewangan menjadikan Tan Sri Loy ini seorang rakan barunya setelah Vincent Tan yang menjadi rakannya, terutama sekali, barangkali, dalam membina sedikit kewangan menjelang perhim-

punan Umno bulan November akan datang. Kita menjadi ragu-ragu tentang perkara ini. Sepatutnya orang yang sedang disiasat seperti ini perlulah Menteri Kewangan jauhkan sedikit darinya. Tetapi apa yang kita lihat orang-orang seperti ini dirapatkan lagi. Kita bimbang siasatan terhadap MBf itu tidak berjalan dengan lancar kerana... pegawai-pegawai bimbang dengan pengaruh Menteri Kewangan yang begitu kuat, gagah perkasa, bermaharajalela dalam Malaysia sekarang ini."

Terdahulu dari itu, Mohamad Sabu menegaskan "Malaysia boleh menjadi negara industri bukan tahun 2020 tahun 2010 pun boleh jikalau Kerajaan melanggar syarat-syarat ataupun melanggar kehendak seperti yang digariskan di zaman Allahyarham Tun Razak. Misalnya sekarang ini tidak lagi ditekankan berapa peratus Bumiputera menjadi eksekutif, berapa peratus syer Bumiputera dan juga orang-orang yang ada modal diberikan sebeb-bebasnya untuk menambahkan modal dan mendapatkan projek-projek utama, seperti Vincent Tan, Ananda Krishnan, Tan Sri Loy dan sebagainya lagi."

Isu Tan Sri Loy Hean Heong ini banyak dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Bukit Bintang di Parlimen. Dalam ucapannya di Parlimen pada November 1992, Wee menghu- raikannya dengan panjang lebar, lebih 16 halaman diperun- tukkan khusus mengenai perkara ini. Sehubungan dengan itu Wee dilaporkan telah diugut dan diancam bunuh. Bagai- manapun Loy menafikannya dan menegaskan: *The group was built over 30 years ago, and this man (Wee) wants to demolish it overnight.*" Dr Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kepong, pada 3 Mei 1993 juga mempersoalkan kewibawaan syarikat kewangan ini berkaitan keberkesanan pengawal-seliaan ke- atas projek-projek pembinaannya. Beliau menyifatkan MB Finance Bhd telah terlibat dalam skandal yang besar dan mengharapkan Anwar dapat mengambil tindakan tegas.

"Saya juga percaya bahawa Yang Berhormat Menteri

Kewangan tidak akan menghantar wakilnya ataupun kawannya untuk masuk menjadi pegawai dalam MB Finance ataupun di dalam syarikat-syarikat yang diuruskan oleh Tan Sri Loy kerana perbuatan yang begitu sumbang, yang begitu tidak sihat dan menjejaskan sistem kewangan di negara kita," tegas Dr Tan.

Ramai peminat Anwar yang mengikuti perkembangannya semenjak menjadi Presiden ABIM dahulu merasa bimbang kedudukan Anwar sebagai Menteri Kewangan akan mengubah segala-galanya. Mereka risau jawatan itu akan menjadikan Anwar sebagai *Mahathir II* dari segi pemahaman ekonomi dan pandangannya terhadap kemajuan negara. Mereka bimbang Anwar akan terus melupakan nasib orang-orang Melayu yang masih terlantar dalam lingkaran ganas kemiskinan, dengan menumpukan kepada projek-projek mewah, dan mempunyai hubungan akrab - yang lebih daripada yang sepatutnya dengan taikun-taikun Cina, seperti yang dilakukan oleh Mahathir sekarang. Hubungan Anwar dengan beberapa kerat taukeh yang begitu besar nafsu serakahnya itu dikhuatiri akan mengikat Anwar dalam menentukan projek-projek pembangunan di negara ini. Amaran Tengku Razaleigh dalam hal ini ada relevannya: "Kuasa politik kita bukannya di Parlimen tetapi kuasa politik kita terletak di tangan taukeh-taukeh yang kaya dan berpengaruh. Segala-galanya bergantung kepada taukeh-taukeh ini. Projek pembangunan hanya boleh dilaksanakan sekiranya ada taukeh yang berminat."

Anwar sewajarnya jangan mengulangi kesalahan Dr Mahathir dalam mentadbir dan mengagih-agihkan kekayaan negara. Hakikat sebilangan kecil rakyat, yang dekat dengan tokoh utama negara, menguasai sebahagian besar kekayaan negara mesti dirombak. Anwar mesti memandang serius gejala buruk ini dan harus bertindak merongkai dirinya dari terus terjebak dalam kancah puaka ini. Cukuplah Mahathir yang merosakkan imbangan kehidupan rakyat Malaysia,

dengan kaum keluarganya dan keluarga isterinya mendapat segala kelazatan dan kemewahan hasil kedudukan Mahathir sebagai Perdana Menteri. Lihat sajalah akhbar-akhbar tidak segan silu lagi menyiarkan kejayaan demi kejayaan anak-anak Mahathir dalam perniagaan, yang mana dibimbangi ia dicapai bukan kerana dedikasi dan ketekunan anak-anaknya tetapi kerana pengaruh bapanya, seorang Perdana Menteri yang bersinggahsana di Sri Perdana Perdana. Apa tidaknya, alamat yang digunakan oleh anak-anaknya ialah Sri Perdana, Jalan Damansara, 50480 Kuala Lumpur, kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia dan perniagaan yang mereka usahakan ada hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan ataupun yang diilhamkan sendiri oleh Dr Mahathir.

Seperti biasa, saya begitu gemar menyalin semula tulisan orang lain, yang boleh membantu pembaca mendapat pandangan dari pelbagai aspek dan disokong oleh fakta dan data. Yahaya Ismail dalam bukunya *Siapa Kebal* merakamkan: "Mahathir pernah berkata lebih baik melahirkan 100 jutawan di zamannya kerana ini lebih baik kalau tidak ada seorang pun. Nampaknya dia berjaya melahirkan jutawan di kalangan sahabat handainya, kaum keluarganya dan anak-anaknya. Di zaman Tunku, Tun Razak dan Tun Hussein Onn tidak pernah dengar anak-anak mereka menjadi jutawan terkejut. Tapi keempat-empat anak Mahathir sudah berjaya menjadi jutawan sebelum mencapai usia lanjut.

"Mirzan Mahathir berkahwin dengan anak Lim Siew Leong, salah seorang *billionaire* Indonesia yang namanya disenaraikan dalam majalah *Fortune* dan *Forbes* sebagai salah seorang *billionaire* dunia. Lim Siew Leong sahabat akrab dengan Presiden Suharto dan mengadakan berbagai bisnes bernilai ratusan juta dollar AS dengan anak-anak Suharto. Kini Mahathir pula berbisan dengan Lim Siew Leong dan janganlah hairan kalau Salim Group, syarikat kepunyaan taikun Cina Indonesia itu, menguasai pula ekonomi di

Malaysia melalui berbagai syarikat kepunyaan Mirzan Mahathir dan anak-anak Mahathir yang lain. Jadi janganlah hairan bin takjub kalau ada anak-anak Mahathir menggunakan alamat Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia, sebagai alamat bisnes jutaan mereka.

"Bisnes anak-anak Mahathir – Marina, Mukhriz, Mokhzani dan Mirzan bukan bisnes jual goreng pisang atau roti perata. Anak perempuan dengan sebuah buku penajaan *Malaysia: The Heart of South East Asia* sudah menjadi jutawan kerana syarikat-syarikat tertentu terpaksa menajainya. Ketiga-tiga anak lelakinya memiliki berjuta-juta saham dalam beberapa syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, antaranya, Tongkah dan Dataprep dan mempunyai kepentingan dalam perkapalan di Pulau Pinang, telekomunikasi dengan menguasai *fibre optics*, pelancongan, dan lain-lain lagi. Anak Mahathir yang bergiat dalam pelancongan di Terumbu Layang-layang mengiklankan destinasi itu dengan menyatakan syarikat yang mengendalikan pelancongan ini ialah kepunyaan anak Perdana Menteri Malaysia!

(Seorang pemimpin muda Semangat 46, selepas satu sidang di rumah Tengku Razaleigh memberitahu saya, untuk menyatakan rasa kekesalannya yang amat sangat terhadap anak-anak Mahathir: "Cubalah *you* tengok, Terumbu Layang-layang yang menjadi pertikaian dan tuntutan bertindih oleh beberapa negara jiran pun mahu direbutnya untuk kepentingan kebendaan."

(Akhbar *Berita Harian* 25 Mei 1993 melaporkan: "Tingkat persengketaan (di Kepulauan Spratly) boleh meningkat dan terutama dengan adanya dorongan perkembangan teknologi galian daar laut yang memungkinkan pengambilan kekayaan alam bawah laut. Semua pihak yang berkepentingan (China, Taiwan, Vietnam, Filipina dan Malaysia) ghairah untuk segera mengorek minyak dan galian di dasar perairan itu. Oleh kerana penyelesaian muktamad dakwaan bertindih belum

selesai maka sekali-sekala terjadi pertempuran. Misalnya konfrontasi senjata di antara China-Vietnam berlaku pada 14 Mac 1988. Mengikut satu laporan dari *International Herald Tribune*, 19 Jun 1992, didapati penempatan tentera dari beberapa negara yang mendakwa begitu berdekatan dan sesiapa saja boleh menembak tentera yang lain.”)

“Anda boleh meramalkan betapa kayanya keluarga Mahathir (barangkali masuk kelas *billionaire* juga) bilamana pihak Indonesia dan Malaysia memajukan sistem telekomunikasi yang canggih menggunakan *fibre optics* tidak lama lagi. Di Indonesia tentulah yang menguasai projek ini Lim Siew Liong dan anak-anak Suharto dan di Malaysia pula barangkali juga bapa mentua dengan menantunya, Mirzan Mahathir. Ini baru bisnes anak-anak Mahathir. Tidak termasuk lagi bisnes abang-abang, ipar-ipar Mahathir yang lain dari bisnes mencuci Masjid Negara dan Pusat Islam hinggalah kepada projek-projek pengangkutan, pembinaan dan pembekalan yang bernilai berjuta-juta ringgit. Pendek kata, sampai kiamat keluarga Mahathir tidak akan menjadi papa kedana kecuali kalau Allah tidak merestuinnya.”

Media Malaysia, keluaran 15 Februari 1993, yang ditulis oleh Awang Damit, juga menyinggung masalah “kejayaan” anak-anak Mahathir dalam bisnes: “Tentulah Marina, Mokhzani, Mukhriz dan Mirzan mempunyai rahsia kejayaan mereka. Apakah yang menyebabkan mereka boleh menjadi jutawan dalam masa yang singkat? Tentulah mereka tidak mempunyai lampu Aladin untuk mencari kekayaan. Mereka juga bukan menemui harta karun seperti Ali Baba dengan 40 orang penyamun. Mereka juga bukan menemui harta karun ataupun mendapat gua Raja Sulaiman dengan segala intan permatanya.

“Saya tidak fikir kerana mereka anak-anak Perdana Menteri maka mereka mudah menjadi jutawan. Anak-anak Tun Hussein Onn pun tidak menjadi jutawan walaupun Tun Hussein menjadi seorang PM yang dihormati ramai. Tunku

Ahmad Nerang, putera Tunku Abdul Rahman pun tidak menjadi jutawan seperti anak-anak Mahathir. Juga saya anggap kerana mereka menggunakan alamat Sri Perdana maka rezeki mencurah-curah datang kepada mereka. Anak-anak Tun Hussein Onn pun tinggal di kediaman rasmi juga tapi tak juga jadi jutawan. Ya, barangkali mereka tidak tahu rahsia bisnes dari kediaman rasmi Perdana Menteri?"

Mukhriz, 28, anak kelima Mahathir menjawab persoalan ini: "Saya tidak faham mengapa ada sesetengah pihak yang tidak puas hati dengan kejayaan saya dan adakah disebabkan saya adalah anak seorang Perdana Menteri maka saya tidak boleh memasuki dunia perniagaan. Keadaan akan menjadi lebih buruk lagi sekiranya saya memasuki perkhidmatan kerajaan kerana setiap kenaikan yang bakal saya perolehi pastinya akan dikaitkan dengan kedudukan ayah saya sebagai Perdana Menteri dan saya tidak boleh duduk goyang kaki dan hidup atas wang gaji ayah saya sahaja. Perniagaan yang saya ceburi seboleh-bolehnya biarlah suatu bidang yang baru di negara ini supaya ia tidak menimbulkan persaingan dengan pengusaha-pengusaha lain terutama golongan Bumiputera, seperti industri pelancongan."

Mukhriz dalam pertemuannya dengan majalah *Wajah* menceritakan usahanya dalam M-Ocean Diving Sdn Bhd dan Optical Communication Engineering Sdn Bhd. M-Ocean beroperasi membawa pelancong mengelilingi Pulau Langkawi dengan menggunakan kapal layar yang lebih dikenali dengan nama Bidadari Laut dan ia menyediakan perkhidmatan untuk membawa peminat-peminat sukan menyelam di Pulau Redang. Mukhriz juga melahirkan keazamannya untuk memajukan Terumbu Layang-layang sebagai salah satu pulau atau pusat penyelaman yang terbaik dan tercantik di dunia serta setanding dengan Great Barrier di Australia dan Maldives.

"Saya bimbang penegasan Malaysia ke atas Terumbu Layang-layang, yang boleh menimbulkan konflik ketente-

raan, bukan didorong sangat oleh tuntutan hak negara tetapi lebih kepada pertimbangan peribadi Mahathir sendiri," ujar seorang teman.

Bagaimanapun elok juga dipaparkan minat anak bongsu Mahathir ini seterusnya: "Saya yakin cita-cita saya akan tercapai kerana dasar laut kepulauan tersebut (Terumbu Layang-layang) mempunyai pelbagai daya tarikan yang sangat unik dan jarang terdapat di dasar laut pulau-pulau yang menjadi tumpuan penggemar sukan menyelam.

"Contohnya, ketika saya melakukan penyelaman di dasar laut pulau itu saya telah bertembung dengan sekumpulan ikan jerung jenis Hammer Head yang jarang sekali ditemui di tempat lain terutama dalam kumpulan yang begitu besar sekali, seperti yang saya saksikan iaitu lebih 500 ekar."

Rakan akrab Anwar, Tan Sri Vincent Tan juga mempunyai minat yang sama dengan Mukhriz dan Mahathir sendiri, memajukan pulau-pulau kecil yang indah. Vincent sedang memajukan Pulau Redang, terletak sejauh 45km dari pinggir laut Kuala Terengganu, melalui Redang Island Resort Sdn Bhd, yang 70 peratus sahamnya dimiliki oleh Vincent sendiri. Vincent ialah pengarah Berjaya Leisure Bhd.

Pertubuhan Aliran menyifatkan Pulau Redang kini "sedang menempah maui... terumbu karang, hutan pokok bakau dan hidupan laut semuanya sedang hanyut ke ambang maui." Pulau ini dikelaskan sebagai salah satu taman hidupan laut yang terbaik di dunia. Ia didakwa sepadan malah lebih hebat dari khazanah Great Barrier. Keseimbangan semulajadi antara ekosistem daratan dan hidupan laut di sini menjelmakan rangkaian terumbu karang antara yang paling menakjubkan dan beraneka di dunia ini. Ia juga menyediakan satu kawasan pembiakan sempurna bagi ikan, udang dan jenis-jenis invertebreta lain.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh Malayan Nature Society (MNS) dan World Wildlife Fund (WWF) mendapati

keadaan persekitaran Pulau Redang lebih teruk dari diduga akibat projek mewah ini. Kawasan hutan bakau telah dibinasakan dalam satu skim besar. Zon penampungan hutan bakau yang sepatutnya dibiarkan seperti sediakala antara padang golf dan Sungai Redang tidak pula dipelihara. Di tebing sungai tersebut tiada langsung pokok-pokok bakau untuk melindunginya. Zon penampungan bakau yang selebihnya pula amat nipis. Bekalan air untuk seluruh projek ini 16 kali ganda keperluan air di Pulau Redang masa kini. Padang golf sahaja akan menelan empat kali keperluan air sekarang. Catuan bekalan air menjadi kebiasaan bagi penduduk Kampung Kuala Redang. Pengarah Besar Perikanan, Dato Shahrom Abdul Majid mengulas: "Projek ini membimbangkan kita. Sebarang pembangunan seharusnya sejajar matlamat taman-taman hidupan laut. Ia seharusnya minimum dan boleh dikawal agar ekosistem hidupan laut tidak terganggu."

Vincent melalui Redang Island Resort (RIR) telah membeli 655 ekar tanah Pulau Redang pada harga RM500 seekar dari Kerajaan Negeri Terengganu pada 1990. Menurut *Majalah Aliran*: "Harga ini amat murah dan rendah dari harga pasaran sebenar. Ini membuktikan terdapat subsidi harga yang menelan berjuta-juta ringgit. Tetapi yang lebih menakutkan, RIR menjual 36.2 ekar tanah ini pada 11 Mei 1990 pada harga RM65,000 seekar. Kini (1992) harga tanah milik RIR dinilai RM70,000 seekar. Tan Sri Vincent Tan menjual 7 juta saham beliau di RIR kepada Berjaya Leisure Bhd pada harga RM35 juta dengan alasan harga tanah Pulau Redang amat tinggi. Subsidi kerajaan negeri juga terdapat dalam bentuk-bentuk lain. Sebuah talian paip air bawah laut dirancang dibina dari tanah besar ke Pulau Redang pada kos RM17 juta. Bagaimanapun hanya sembilan peratus bekalan air dari talian ini akan disalurkan kepada penduduk kampung. Ada pula sebuah lapangan terbang seluas 73 hektar hendak dibina oleh kerajaan negeri semata-mata untuk mengangkut para pelancong."

Projek mewah ini dirancang dilaksanakan dalam empat peringkat. Fasa pertama (1990-94) mengandungi pembinaan sebuah hotel 100 bilik, sebuah padang golf 18 lubang, sebuah kelab, sebuah ladang kuda, sebuah kawasan perumahan kakitangan, 45 villa percutian, sebuah kompleks sukan, ladang-ladang dan pusat pelancongan. Fasa kedua (1995-1999): Pembinaan sebuah kondominium 100 unit, sebuah hotel 250 bilik, dan kawasan perumahan kakitangan. Fasa Ketiga (2000-2004): Pembinaan 122 villa percutian, 80 banglo percutian dan hotel 250 bilik. Fasa Keempat (selepas 2004) pula mengandungi pembinaan lapan rumah peranginan chalet ala presidensi dan kompleks sukan.

Pembabitan aktif anak-anak Perdana Menteri dalam perniagaan ini pernah dibangkitkan di Parlimen sewaktu membahaskan Belanjawan 1992. Anwar ketika menjawab berkata beliau sepanjang dua tahun menjadi Menteri Kewangan tidak pernah menerima arahan atau permintaan dari Perdana Menteri untuk menolong anak-anaknya atau keluarganya.

"Saya juga tidak pernah memberi arahan kepada mana-mana badan di bawah tanggungjawab saya untuk memberi kelulusan semata-mata kerana mereka anak-anak menteri atau Perdana Menteri. Tetapi saya juga tidak pernah memberi arahan untuk melarang mana-mana badan itu untuk memberi kelulusan semata-mata kerana mereka adalah keluarga menteri ataupun bekas pegawai menteri atau anak menteri.

"Apakah kerana mereka itu dikaitkan, mereka itu tidak boleh sama sekali atas kapasiti kebolehan, kewibawaan mereka itu sendiri untuk berkhidmat dan berniaga? Saya tidak mahu mempertahankan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan," tegas Anwar, yang kemudiannya disusuli oleh pertanyaan dari Ahli Parlimen Bukit Bintang. Bagaimanapun Anwar tidak memberi laluan.

Sayugia dicatatkan di sini, minat Mahathir terhadap pembangunan di beberapa pulau khususnya di Langkawi

begitu menakjubkan. Dalam hal ini beliau bukan lagi berlagak sebagai Perdana Menteri tetapi bertindak seperti seorang pemaju.

"Cukup bahaya bila seorang pemaju menjadi Perdana Menteri, seperti Mahathir. Beliau bukannya seorang Perdana Menteri yang mempunyai minat seperti seorang pemaju, tetapi seorang pemaju yang menjadi PM," demikian pandangan teman saya, seorang peguam.

Mohamad Sabu secara terbuka mempertikai minat Mahathir itu: "Balik daripada Brazil, melawat Langkawi. Balik daripada China, melawat Langkawi. Balik daripada Iran, melawat Langkawi. Apa tujuan pembangunan Langkawi ini? Adakah pembangunan ini benar-benar menguntungkan penduduk Langkawi atau ke arah membina kekuatan ekonomi kepada keluarganya pada masa akan datang?"

Kini menjelang perhimpunan agung Umno November depan, cakap-cakap di pasaran berita semakin rancak bahawa Anwar - yang begitu egois dan bernafsu besar menjadi Perdana Menteri - menggunakan kedudukan dan pengaruhnya sebagai Menteri Kewangan.

"Anwar sudah tercebur dalam kancah politik wang. Anwar terpaksa berbuat begitu kerana ketamakan kuasa. Bicaranya tentang pembasmian kemiskinan hanyalah untuk halua telinga sahaja," dakwa bekas peminat Anwar.

Seorang penyokong Musa memberi saya ucapan bekas Timbalan Presiden Umno itu ketika merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno ke-34, pada 26 September 1985. Katanya, ada di antara untaian kata Musa yang cukup relevan untuk disampaikan kepada Anwar sekarang, khususnya mengenai cara Anwar menumpukkan sokongan terhadapnya.

Kata Musa: "Kalau hari ini sebilangan besar saudara-saudari berjuang dengan lagak mewah ala elitis, maka akan terbentuklah satu parti Umno yang berimej mewah dan terpisah dari rakyat jelata dan sebilangan besar penyokong-

penyokong Umno di luar bandar di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari mengambil satu tekad untuk berjuang secara korup, maka akan lahir pemimpin yang rasuah dan Umno yang rasuah coraknya di masa akan datang. Kalau hari ini saudara-saudari memilih corak perjuangan ala askar upahan ataupun *mercenaries*, maka akan lahir pemimpin ala *mercenaries* di mana komitmen dan kesetiaan perjuangannya adalah kepada orang yang mampu menawarkan ganjaran, upahan yang paling mahal, bukan komitmen kepada Umno, bangsa Melayu atau rakyat jelata seluruhnya."

Tapi Anwar tentunya belum melupai ucapannya sendiri ketika merasmikan Muktamar Sanawi ABIM kelapan: "Islam menentang segala bentuk pemerasan ekonomi dan turut membela golongan yang menderita tanpa mengira kaum dan agama. Prinsip inilah antara lainnya yang menyebabkan Islam tegas mengharamkan riba, kegiatan monopoli, penguasaan tanah secara berlebihan dan pemerasan ke atas golongan pekerja, hal-hal yang kini menjadi tunjang dan nadi dalam sistem kapitalis. Orang perseorangan dibolehkan mengumpulkan kekayaan akan tetapi tidaklah boleh dengan cara rasuah, menyalahgunakan kuasa, penipuan dan tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan awam."

Layang-Layang mampu jadi 'syurga' penyelam

KUALA LUMPUR 18 April — M-Ocean Diving Sdn. Bhd., (M-Ocean) syarikat perkhidmatan menyelam di dasar laut dan pelayaran yang mendapat kontrak penswastaaan mengendalikan dan menguruskan Pulau Layang-Layang di barat laut Sabah, optimis *resort* itu akan menjadi tumpuan pelancong tempatan dan asing.

Pengarah Urusannya, Mukhriz Mahathir berkata, kedatangan pelancong dijangka terus meningkat berikutan pelancaran perkhidmatan penerbangan terus Syarikat Penerba-

khidmatan penerbangan pesawat MAS ke *resort* itu kini hanya disediakan kepada pelancong yang bercuti dengan pakej percutian yang disediakan oleh M-Ocean.

Beliau berkata, pada peringkat awal ini hanya satu jenis sahaja pakej yang disediakan oleh syarikat itu iaitu percutian selama tujuh hari dengan kadar bayaran \$3,888 seorang.

Perkhidmatan

"Kadar bayaran tersebut meliputi tempat tinggal, makanan, alat penyelaman dan perkhidmatan menyelam," katanya.



PENGARAH Urusan M-Ocean, Mukhriz Mahathir yakin Pulau Layang-Layang akan menjadi tumpuan pelancong.

ANAK-ANAK Mahathir begitu bergaya dan berjaya dalam bisnes masing-masing. Tapi yang peliknya, mengapa mereka gunakan alamat di Sri Perdana, kediaman rasmi PM.

LIST OF DIRECTORS DATED 31.12.91

NAME/NRIC NO	ADDRESS	OCCUPATION
MOKHZANI MAHATHIR I/C 6144507	SRI PERDANA, JALAN DAMANSARA, 50480 KUALA LUMPUR	CO.DIRECTOR
MUKHRIZ MAHATHIR I/C A0000999	-00-	CG.DIRECTOR
TAN ENG HOE I/C B272303	59, JALAN JEJANI, TAMAN BANDARAYA, BANGSAR, 59100 KUALA LUMPUR	CO.DIRECTOR

*Syalet M. Odean Diring Sdn Bhd
Group Director & Senior Diring*

LIST OF SHAREHOLDERS DATED 31.12.91

NAME/NRIC NO	ADDRESS	SHARES HELD
MOKHZANI MAHATHIR I/C 6144507	SRI PERDANA, JALAN DAMANSARA, 50480 KUALA LUMPUR	50,000
MUKHRIZ MAHATHIR I/C A0000999	-00-	50,000 ----- 100,000 -----

PLEASE NOTE THAT WHILE USING OUR BEST ENDEAVOURS IN THE MAKING INVESTIGATION WE DO NOT ACCEPT ANY LIABILITY FOR ERRORS OR OMISSIONS

INI antara bukti anak-anak Mahathir, Perdana Menteri Malaysia, menggunakan alamat Sri Perdana.

7

SIASAT RAHIM TAMBY CHIK... APA SIKAP ANWAR?

Kepada
Tuan Haji Ahmad Said bin Hamdan
Pengarah Bahagian Siasatan,
Badan Pencegah Rasuah (BPR),
Ibu Pejabat BPR,
Pesiaran Duta, 50988 Kuala Lumpur.

Tuan,

**Laporan Amalan Rasuah Kedua Terhadap Tan Sri Abdul
Rahim Tamby Chik Yang Dibuktikan Menerusi Timbunan
Kekayaannya Yang Luar Biasa dan Ajaib**

Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada aduan pertama kepada pihak BPR Melaka pada 21 April 1993 terhadap amalan rasuah Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Amalan rasuah ini jelas dipertunjukkan mene-

rusi timbunan kekayaan beliau yang sungguh luar biasa dan ajaib.

Dalam laporan pertama saya telah menyiasat bagaimana Tan Sri Rahim mampu membayar dengan wang tunai kereta-kereta mewah dan nombor plat kenderaan 1 seperti berikut:

1. MP 1 yang dilekatkan pada sebuah kereta import Porsche 928 S4 yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM1 juta;
2. MX 1 yang ditender dengan harga RM12,000 dan dilekatkan pada sebuah kereta import Mercedes Benz 300SL sports moden yang dijual sekarang dengan harga baru sebanyak RM900,000;
3. MR 1 yang dilekatkan pada sebuah motosikal Honda C100 yang bernilai lebih dari RM3,900; dan
4. MV 1 yang ditender dengan harga RM5,001 dan dilekatkan pada sebuah motosikal Honda C100 yang bernilai lebih dari RM3,900.

Pada masa itu saya telah membayangkan betapa mustahil Tan Sri Rahim mampu membayar wang tunai RM1.92 juta untuk membeli kereta mewah dan nombor plat kenderaan. Ini adalah kerana gaji terkumpul dalam tempoh masa 10 tahun beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Melaka adalah RM1.8 juta, kurang dari RM1.92 juta wang tunai yang dibayarnya.

Sejak laporan pertama pada 21 April 1993, saya telah menerima lebih banyak maklumat harta bendanya. Saya ingin melaporkan harta benda yang baru dikesani berharga sebanyak RM2.19 juta seperti berikut:

1. BCF 5 yang didaftarkan dengan nama isteri Tan Sri Rahim, Puan Sri Zabedah bt. Abdullah, dan dilekatkan pada kereta BMW 525i(A) Saloon yang dijual sekarang dengan harga baru RM210,000. Adalah jelas kereta ini dibayar oleh Tan Sri Rahim kerana isterinya adalah seorang suri rumah dan tidak bekerja.
2. Title Reg. No. 415, Bukit Bandar Baru (Seksyen III), Lot

No. 162

Sebuah rumah mewah banglo bertingkat dua yang diperbaharui dan dilengkapi dengan sebuah kolam renang moden di 4379-C, Jalan Melor, Bukit Baru, Melaka. Kediaman ini dinamakan Sri Jebat yang mempunyai keluasan 7,991 kaki persegi dan dianggarkan bernilai RM500,000.

3. Title Reg. No. 2551, Bandar Bukit Baru (Seksyen II), Lot No. 168

Sebuah rumah mewah banglo yang diperbaharui dan dilengkapi dengan sebuah kolam renang moden di 5331-C, Jalan Paya Ikan, Melaka. Kediaman ini dinamakan Sri Kasturi yang mempunyai keluasan 8,031 kaki persegi dan dianggarkan bernilai RM300,000.

4. Mukim Bandar Bukit Baru, Seksyen III, No. MCL85, No. Lot 124

Sebidang tanah seluas 68,757 kaki persegi atau 1.6 ekar yang telah ditimbun tanah dan diratakan di Bukit Baru, Melaka yang dicagarkan kepada Mayban Finance. Tanah ini telah disyaratkan membina kediaman-kediaman rumah. Tan Sri Rahim hanya membeli tanah ini pada 13 Februari 1993 yang dianggarkan dibeli sebanyak RM300,000. Sekurang-kurangnya 8 unit banglo atau kondominium boleh dibina sebaik sahaja kelulusan diperolehi oleh pihak berkuasa. Mengikut pakar taksir tanah, bila projek ini siap dibina ia dianggarkan bernilai lebih dari RM2 juta.

5. H.S(D) 5294 Lot 28/196, H.S(D) 5290 Lot 24/196, H.S(D) 5291 Lot 25/196, H.S(D) 5292 Lot 26/196 dan H.S(D) 5293 Lot 27/196. Semuanya Mukim Bukit Baru, Seksyen II, Melaka.

Lima buah rumah kedai bertingkat tiga di Taman Harta Pertama, Bukit Baru, Melaka dengan geran kekal yang dijual oleh si pemaju sebanyak RM1.5 juta. Tan Sri Rahim telah membelinya secara lelong awam dengan wang tunai RM875,000 seperti berikut:

(a) Sebuah rumah kedai di selekoh dengan keluasan tanah

2,109 kaki persegi yang dibelinya dengan wang tunai RM239,000; dan

- (b) Empat unit rumah kedai yang setiapnya mempunyai keluasan tanah 1,540 kaki persegi yang dibelinya dengan wang tunai RM159,000 sebuah atau RM636,000.

Kalau kita campurkan nilai harta benda baru Tan Sri Rahim yang dilaporkan kepada BPR hari ini sebanyak RM2.19 juta dengan yang telah dilaporkan pada 21 April 1993 sebanyak RM1.92 juta, nilai keseluruhan harta bendanya yang didedahkan setakat hari ini adalah sebanyak RM4.11 juta! Dari RM4.11 juta ini, RM4 juta dibayar secara wang tunai oleh Tan Sri Rahim.

Adalah tidak mungkin Tan Sri Rahim mampu membayar RM4 juta wang tunai dengan hanya bergantung kepada elaun bulanan sebagai Ketua Menteri Melaka. Penjelasan beliau bagaimana mengumpul kekayaan luar biasa hanya membuktikan beliau mempunyai sumber kewangan luar.

Pada mulanya beliau mendakwa pada 7 April 1993 meminjam berjuta-juta ringgit membeli kereta mewahnya sebelum menukar ceritanya pada 5 Mei 1993 kepada membayar dari sumber kewangan sendiri seperti gratuiti dan lain-lain. Saya telah merujuk kepada Parlimen yang telah mengesahkan bahawa gratuitinya sebagai Timbalan Menteri dan Ketua Menteri Melaka adalah menjangkau RM300,000 jauh dari membayar wang tunai kira-kira RM4 juta untuk harta benda seperti yang dinyatakan di atas.

(Dalam suratnya bertarikh 21 April 1993, Lim Guan Eng mencatatkan: "Adalah mustahil Tan Sri Rahim berkeupayaan membayar dengan wangnya sendiri kerana jumlah elaun bulanan sebelum kenaikan elaun pada tahun lepas adalah RM15,000 sebulan. Kalau dijumlah elaun ini sepanjang 10 tahun beliau berkhidmat sebagai Ketua Menteri Melaka, elaun terkumpul beliau adalah sebanyak RM1.8 juta - kurang daripada RM1.9 juta yang diperlukan untuk membayar kereta mewah dengan wang tunai. RM1.8 juta ini pula berdasarkan

anggapan bahawa Tan Sri Rahim tidak perlu membuat perbelanjaan sesen pun untuk keperluan harian keluarganya yang sungguh ajaib sekali).

Jelas sekali, beliau mampu membayar RM4 juta wang tunai ini kerana mempunyai sumber kewangan luar yang haram. Malah sehingga hari ini Tan Sri Rahim masih enggan menyatakan sama ada benar beliau mempunyai RM1 juta wang tunai di institusi kewangan dan memegang RM1 juta saham syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Harta benda lebih dari RM4 juta ini dibeli dengan wang tunai menerusi penyelewengan dan ia sebenarnya merupakan milikan rakyat. Jesteru itu, BPR mestilah mengambil tindakan ke atas amalan rasuah yang memberikan Tan Sri Rahim kekayaan yang luar biasa dan ajaib.

Kesalahan rasuah ini diharamkan di bawah seksyen 2(1) Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 22, 1970 dan boleh membawa hukuman penjara tidak melebihi 14 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya. Tambahan pula di bawah seksyen 161 Kanun Keseksaan, kesalahan rasuah boleh dihukum dengan penjara sepanjang tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Inilah peluang paling baik bukan sahaja membuktikan SPR mengambil tindakan *without fear or favour* tanpa mengira kedudukan tetapi juga menyahut saranan Menteri Kewangan, Dato Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Pengarah BPR, Tan Sri Datuk Zulkifli Mahmood membanteras rasuah kerana mengancam, kestabilan dan kemajuan ekonomi negara.

Adalah diharapkan tidak ada kekebalan kepada pemimpin politik tertinggi pihak kerajaan. kalau tidak ada sebarang tindakan yang diambil, jelas disebabkan oleh pengaruh politik dan tidak guna wujudnya BPR. Sekian.

Yang benar,
LIM GUAN ENG,
Pengerusi Kebangsaan DAPSY
Ahli Parlimen Kota Melaka.



YANG Dipertua PAS Pusat, Ustaz Fadzil Mohd Noor pernah menjadi Timbalan Presiden ABIM ketika Anwar menerajui gerakan dakwah itu. Persahabatan tidak bermakna akan mengalah dengan prinsip perjuangan. PAS tetap gagah berdeda dengan rintangan dan halangan, tetapi selagi kekuatan kesatuan dalam PAS terus mantap, PAS terus berpotensi menggantikan Umno satu hari nanti.

8

PAS ZAMAN ANWAR

Ketika para pemerhati, peminat dan pencandu politik tanahair rancak bercakap tentang siapakah tokoh yang akan dipilih menggantikan Mahathir, fokus semua pihak itu tidak lari dari membicarakan perihal Ghafar, Anwar, Abdullah Badawi, dan mungkin juga Sanusi serta Musa Hitam, tidak terkecuali Tengku Razaleigh; tentunya tidak relevan membangkitkan potensi PAS dalam suasana tegang ini. Nanti dikata orang, PAS mengambil kesempatan menangkuk di air keruh. Tapi, bukankah itu namanya politik, menangkap apa sahaja kesempatan yang lalu di hadapan?

Bukankah menangkuk di air keruh itu dilakukan oleh semua pihak yang bergelumang dengan percaturan politik? Dalam politik tidak semua kesempatan dan peluang diraih melalui perancangan yang disusun bertahun-tahun lamanya. Ada kalanya – dan banyak yang begitu – kesempatan dan

peluang itu datang tiba-tiba dan secara mengejut pula. Lewat sedetik, terlepaslah ia! Tokoh politik yang pintar adalah tokoh yang cukup cekap memanfaatkan segala kesempatan yang terbuka di depannya. Dan kata orang, tidak ada salahnya bagi pemimpin-pemimpin politik untuk bercita-cita tinggi, asalkan ia tidak bersendikan niat yang buruk dan dipasakkan dengan muslihat tidak bermoral. Berpolitik adalah amanah yang mesti dipikul secara penuh beradab dan bertatasusila.

(Seperti apa yang dinukilkan oleh teman saya, Tarmizi Mohd Jam, dalam bukunya terbarunya, *Mengapa Sultan Kelantan Ditentang?* yang diilhamkan oleh tulisan bekas Yang Dipertua PAS, Haji Nakhaie Ahmad, politik Islam mesti cekap dan pantas: "Berpolitik secara Islam itu memerlukan suatu kemahiran dan kecekapan. Kemahiran tidak akan datang tanpa ilmu, berfikir dan kebolehan membaca perkembangan yang berlaku d sekitar kita. Kecekapan tidak muncul tanpa penglibatan di dalam proses menggerakkan politik Islam itu sendiri dan menguasai kaedah-kaedah pergerakannya secara bersungguh-sungguh. Politik Islam memerlukan kita cekap dan pantas dalam membuat keputusan. Cekap dan pantas bukanlah bermakna terburu-buru dan tidak cermat dalam membuat keputusan tetap maju, progresif dan menepati kehendak su yang sedang tercetus bagi meredakan ketegangan politik yang sedang melanda.")

Itulah antara beberapa cetusan yang berselirat dalam pemikiran saya ketika merasa terdorong untuk menulis buku tentang PAS, menjelang perhimpunan Umno 4 November depan, 20 hari tepat sebelum muktamar PAS.

"Apa tajuknya?" tegur seorang teman.

"PAS zaman Anwar. Ada tanda soal di belakangnya."

"Tak habis-habis Anwar. Anwar tidak ada kena mengena lagi dengan PAS. Sekarang zaman PAS di bawah Ustaz Fadzil Noor. Nanti apa pula kata pemimpin PAS kalau hang tulis macam itu. Hang pula kerja dengan *Harakah*." Telahan teman saya itu memang sudah dijangka. Meletakkan tajuk

PAS Zaman Anwar? mendedahkan buku ini pada banyak kritikan. Apakah Anwar akan menjadi Presiden PAS satu hari nanti, kalau Anwar kalah dalam saingannya dengan Ghafar dan Abdullah Badawi? Subky Latiff pernah meletakkan nama Anwar sebagai tokoh pilihan yang perlu difikirkan oleh ahli-ahli PAS dalam bukunya *Siapa Ganti Asri*. Anwar bukan tokoh asing bagi ahli-ahli PAS, apalagi bagi tokoh-tokoh pimpinan PAS. Ramai pemimpin dan ahli-ahli PAS pernah giat aktif dalam ABIM semasa Anwar menjadi presidennya.

Apa takut dengan kritikan dan teguran. Bukankah itu boleh mematangkan lagi tulisan dan analisis kita. PAS sebagai parti yang berkembang maju seharusnya berani terdedah kepada pelbagai kritikan dari pelbagai pihak.

Tajuk *PAS Zaman Anwar?* mungkin boleh ditafsirkan nasib yang bakal menimpa PAS semasa Anwar menjadi Perdana Menteri Malaysia nanti, tidak kira selepas Mahathir, atau selepas Ghafar.

"Kalau macam itu aku setuju, maksudnya buku tentang PAS sewaktu Anwar menjadi Perdana Menteri. PAS bukannya tandus dengan pemimpin yang hebat-hebat. Apa kurangnya Ustaz Fadzil, Ustaz Hadi dan juga Tuan Guru Nik Aziz," begitu cepat teman saya itu memberi parangan bila diketahuinya buku ini tidak cuba meramalkan Anwar akan menjadi Presiden PAS. Lagipun Anwar yang sudah berada di gerbang puncak kekuasaan, tentunya tidak terfikir hal itu.

"Kalau Anwar sertai PAS satu hari nanti, katakan selepas dia gagal menjadi PM, apa reaksi kau?" Teman saya ini rupanya cukup tidak suka dengan andaian tersebut.

"Kau yakin Anwar boleh jadi Perdana Menteri?" saya cuba memastikan setakat mana minat beliau dengan Anwar.

"Apa kurangnya Anwar dengan Ghafar? Anwar orang muda, nampak lebih bersemangat, boleh mewarisi gaya Mahathir."

"Aku setuju Anwar lebih muda dari Ghafar. Anwar

juga lebih muda dari Sanusi dan Abdullah Badawi. Muda semata-mata bukan elemen positif membantu kerjaya politik. Tapi bila kau sebut Anwar boleh teruskan stail Mahathir, aku rasa itu bukan satu kelebihan Anwar yang boleh dibanggakan. Itulah kelemahannya." Saya sengaja mengingatkannya kerana selama ini dia begitu marahkan gaya pentadbiran Mahathir.

Beberapa kenyataan akhbar Mahathir yang jelas menghinakan Islam disimpangkannya, sebagai bukti bahawa kepimpinan Mahathir tidak layak didukung oleh umat Islam. Katanya, tindakan Mahathir memecat Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara, dengan alasan Tun Salleh ingin melaksanakan undang-undang Islam, tidak boleh dilupakan sepanjang hayat.

"Aku tidak bermaksud Anwar perlu mendukung kepimpinan Mahathir. Yang aku tekankan ialah citarasa perwakilan Umno yang tentunya mahukan Malaysia terus dinamik dan dapat mencapai Wawasan 2020, seperti diimpikan Mahathir. Dan tokoh yang nampaknya dapat memikul amanah itu bukan Ghafar. Ghafar masih dilihat sebagai pemimpin politik era 60-an. Ghafar hanya sesuai zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman."

"Kau ingat semua perwakilan Umno sukakan Mahathir? Mereka sudah meluat untuk fikirkan Mahathir lagi. Mahathir akan pergi, yang tinggal penggantinya. Itu yang lebih penting. Hampir separuh perwakilan Umno menolak Mahathir dalam tahun 1987, dan tidak semua dari mereka berada dalam Semangat 46. Jangan Anwar ingat, imejnya yang didakwa boleh melanjutkan wawasan Mahathir dapat membantunya mengatasi Ghafar. Imej itu sememangnya dicipta oleh media utama di bawah pengaruh Anwar, bukan hakikat sebenar cerminan diri Anwar," saya menduga lagi.

Teman saya ini tidak mudah mengalah. Walaupun dia penyokong PAS tetapi masih beranggapan, Anwar lebih wajar disokong jika diberi pilihan antara Anwar dengan

Ghafar: "Lutfi, hang nak bandingkan Anwar dengan Ghafar? Ibarat langit dengan bumi, jika ditinjau dari segi Islam. Apa wawasan Ghafar tentang negara Islam? Hang bercakap macam hang tak pernah kenal siapa Ghafar siapa Anwar."

Sebelum ini beliau begitu hebat mengkritik buku saya *Anwar Lawan Ghafar?* Dia marahkan saya kerana memberi penghargaan kepada Ghafar, dengan merakamkan semula ulasan bekas Presiden Aliran, Dr Chandra Muzaffar dan Dr Jomo. Kata Dr Chandra: "*He's made some pretty sensible statements especially on ethnic issues.*" Bagi Dr Jomo pula: "*He's got great public relations. In spite of publicly supporting so many government policies, somehow he was avoided antagonising people. Maybe that's the secret of his staying power.*" Kenyataan rasmi Aliran ketika mengulas perlantikan Ghafar sebagai TPM juga saya rakamkan dalam buku itu: "*Given the circumstances, Encik Abdul Ghafar Baba is the correct choice as Deputy Prime Minister. He is essentially a consensus-builder and inclined towards the politics of reconciliation. His accommodative style, humility and common sense would serve the nation well at this point in time.*"

Teman saya ini juga tidak gemarkan satu perenggan dalam buku *Anwar Lawan Ghafar?*, halaman 219: "Dr Mahathir tentunya tidak boleh melupakan jasa Ghafar yang satu ini. Ghafar banyak membantu kempen-kempen Barisan Nasional, khususnya di kampung-kampung. Walaupun rakyat Malaysia sudah maju dan tahap pendidikan mereka semakin tinggi, tetapi kekuatan Umno tetap berada di kampung-kampung, bukannya kepada golongan elit atau korporat Melayu yang tidak berapa kerat itu. Bahasa Ghafar mudah difahami dan mesejnya jelas. Ramai juga pihak memperlekehkan stail kempen Ghafar, tetapi itulah yang memikat pengundi-pengundi kampung. Dr Mahathir pun terpaksa mengaku kalah dalam hal ini. Tengok sajalah penglibatan Ghafar yang begitu berstamina sekali dalam kempen pilihanraya kecil. (Bagaimanapun Ghafar tentunya tidak boleh lupa yang beliau

diserang tebuan ketika berceramah di Bukit Payong). Tiada siapa boleh menafikan bahawa tanpa pembabitan Ghafar secara sepenuh masa dalam kempen-kempen seumpama itu, maruah Umno mungkin terjejas.

"Gaya Ghafar juga begitu sederhana dan mudah, lagaknya seperti bukan seorang TPM. Datuk K Pathmanaban menceritakan pengalamannya ketika hendak menonton wayang di Panggung Rex. Beliau melihat Ghafar, ketika itu Ketua Menteri Melaka, memandu kereta sendiri dan mencari tempat letak kereta, kemudiannya berbaris bersama orang ramai untuk mendapatkan tiket. Ramai juga orang hairan mengapa Ghafar tidak mempunyai sebarang gelaran dari pihak istana. Anwar pun sudah terima "Datuk Seri" dari Sultan Pahang. Khir Johari mendedahkan bahawa beliau bersama Senu Abdul Rahman dan Ghafar pernah berjanji tidak akan menerima sebarang darjah kebesaran sehingga mereka bersara dari politik."

Mengingatkan hal itu, saya mengusiknya: "Bukankah selepas perenggan itu aku rakamkan komen peminat Anwar pula?"

"Untuk Anwar hang hanya kutip komen orang-orang yang tidak ternama, seperti 'peminat' atau 'juak-juak' Anwar. Mengapa hang tak cari ulasan individu yang berpengaruh dan kelihatan bebas dari pengaruh Anwar," terus saja dia mencelah. Betul juga cakapnya itu.

Saya merakamkan komen peminat Anwar, juga teman sekampus dahulu, seorang jurutera: "Dari segi jangka panjang kempen stail Ghafar tidak laku lagi. Sampai bila 'nak jaja pembangunan api, air dan jalan sahaja. Sampai bila Ghafar boleh memperlekehkan pemikiran masyarakat Melayu di kampung. Dan kenyataan-kenyataan Ghafar mengenai Islam kadang-kadang cukup berbahaya, boleh menyinggung masalah aqidah. Ghafar mungkin sesuai untuk masa sekarang, tetapi zaman semakin berubah. Aku tak dapat bayangkan bagaimana imej Umno di kalangan masyarakat

intelektual ketika Ghafar menjadi presidennya.”

“Pilihan itu bukan di tangan kita. Kita bukan perwakilan. Kita bukan ahli Umno,” saya cuba memancingnya, merujuk isu yang kami bincangkan.

“Tapi kita rakyat Malaysia. Rakyat yang akan merasa bahananya jika perwakilan Umno membuat pilihan yang salah.”

“Lupakanlah hal itu. Bukankah jika Umno hadapi masalah, hadapi krisis, hadapi perpecahan, yang untungnya parti pembangkang, termasuk PAS. Jadi lebih baik Umno memilih pemimpinnya yang lemah, yang tidak berwawasan, supaya pengundi nampak kelebihan PAS,” sekali lagi saya ingin menduga bacaan politiknya.

“Apa kau fikir kalau perwakilan Umno pilih Ghafar ia lebih menguntungkan PAS? Bukankah pengundi luar bandar, medan sebenar pertarungan pengaruh antara PAS dan Umno, lebih tertarik dengan Ghafar dari Anwar. Perawakan Ghafar sederhana dan bahasanya cukup mudah difahami.”

“Anwar pun apa kurangnya. Aku pernah dengar ceramahnya di Kuala Nerang, antara tempat termiskin. Orang kampung cukup seronok dengan gurau sendanya.”

“Ya, kekuatan yang ada pada Anwar membuatkan PAS sukar melebarkan pengaruh. Umno kuat sekarang dan sebelum ini bukannya disebabkan Ghafar, Mahathir ataupun Anwar. Umno kuat, walaupun setelah diharamkan kerana jentera partinya kuat, maksud aku Umno mempergunakan sepenuhnya agensi kerajaan. Begitu juga dengan media utama yang secara langsung menanamkan keyakinan kepada orang Melayu bahawa Umno adalah satu-satunya parti penyelamat, dan diragukan fikiran orang Melayu tentang sumbangan pembangkang. Itu saja. Umno juga banyak duit hasil mainan proksinya mengaut keuntungan dalam projek-projek besar. Bukannya kerana Mahathir atau Ghafar. Lagipun Umno mendapat sokongan kewangan yang cukup besar berbanding dengan parti-parti pembangkang Melayu yang lain.”

Teman saya itu mengganggu, mungkin tanpa sedar. Ya, tidak ada manfaatnya bertegang leher pasal Anwar lawan Ghafar, kalau PAS terus berada di takuk lama. Pi mai pi mai tang tu juga. Katanya: "Anwar dulunya rapat dengan PAS, waktu sama-sama makan nasi bungkus; sekarang Anwar sudah berkira-kira mendaki istana di Seri Perdana, keadaan pemimpin PAS masih macam itu juga. PAS baru sibuk dengan hal remeh-temeh di Kelantan, Anwar makin hampir 'nak tawan Kabinet." Saya harap dia bergurau. Perjuangan tentunya tidak wajar diukur dengan kejayaan menguasai kerajaan, tanpa melihat pendekatan dan kaedah yang diambil.

"PAS mesti melihat masa depan politik Malaysia dengan lebih terbuka. Suasana yang ada sekarang memerlukan tindakan dan gerakerja yang pantas, kemaskini dan berencana. Kehidupan rakyat berubah, citarasa masyarakat juga bertukar. Sama ada Ghafar akan menggantikan Mahathir ataupun Anwar berjaya melepasi, bukan soal pokok. Yang penting, era selepas Mahathir - Ghafar, adalah era baru, yang perlu ditangani secara lebih bijaksana dan terarah," ulas teman saya itu lagi.

Memang dia benar-benar prihatin dengan PAS, walaupun tidak pernah memegang jawatan dalam parti. Baginya, PAS tidak hanya boleh berbangga sebagai parti pembangkang tetapi mesti memperlengkapkan diri untuk menggantikan Umno. Dengan itu barulah orang-orang Melayu ada pilihan. Sekarang, katanya, mereka terpaksa memilih Umno kerana pada PAS terlalu banyak kelemahan. Tambahnya, peluang PAS terbuka luas sekiranya segala usaha ditumpukan untuk mengembang dan meningkatkan parti Islam itu ke tahap yang lebih tinggi. Beliau merasakan, walaupun Umno juga parti orang Melayu, tetapi Umno sukar untuk diislamkan. Barah dalam batang tubuh Umno semakin parah. Dari luar Umno nampak teguh dan mantap, tetapi sokongan terhadap parti itu semakin rapuh. Masalahnya sekarang, parti-parti selain Umno, termasuk PAS juga menghadapi kelemahannya yang ketara.

"Jadi tidak salah kalau aku tulis buku *PAS Zaman Anwar?*," saya beralih kepada persoalan asal.

"PAS juga perlu dibedah, dikritik dan dinilai bersama. PAS bukan lagi parti kampung, bukan lagi parti sekolah Arab. PAS adalah parti masa depan umat Melayu negara ini. Jadi, PAS mesti berani mendedahkan dirinya kepada kritikan dan penilaian umum. Parti yang ingin berkembang harus mempersiapkan segala kelengkapan untuk menampung kebanjiran ahli yang semakin ramai. Tambahan pula jika ia membabitkan bekas ahli-ahli Umno, dengan segala kareneh dan latarbelakang itu," nasihatnya, penuh keikhlasan.

"Rasa aku masyarakat yakin keupayaan pemimpin PAS dari segi agama, cuma PAS belum berjaya menghapuskan keraguan umum tentang kemampuan mereka mentadbir negara majmuk Malaysia, khususnya bagi mengekalkan pencapaian ekonominya selama ini," tambahna lagi.

"Pemimpin Umno yang ada sekarang bukannya hebat sangat. Tengok sajalah Anwar sendiri. Apa yang dia tahu tentang kewangan sebelum dilantik Mahathir menjadi Menteri Kewangan. Sekarang sudah lebih dua tahun pun Anwar nampaknya masih kabur tentang kewangan negara; baca akaun Bank Negara pun keliru. Seorang profesor ekonomi Universiti Malaya, Dr Jomo, sifatkan pengetahuan matematik Anwar, jika dihubungkan dengan kenyataannya dalam isu forex Bank Negara, lebih lemah dari pelajar sekolah rendah," saya cuba mengusiknya. Dia nampaknya tidak melawan kali ini, mungkin sibuk memikirkan masa depan PAS.

Untuk mengetahui lintasan fikiran Haji Subky Abdul Latif mengenai Anwar sehingga beliau pernah menamakan Anwar sebagai pengganti Datuk Asri sebagai Yang Dipertua PAS, saya cuba menyelongkar perpustakaan mini di rumah. Malangnya buku *Krisis Salah Teknik dan Salah Taktik di Kelantan; Siapa Ganti Asri* itu hilang. Terima kasih kepada penulis Ibnu Hashim yang meminjamkan bukunya, untuk saya rakamkan

kembali tulisan Subky yang penuh bermakna itu, halaman 161 dan 162:

"Perhatian yang diberikan sekarang ialah apakah kemungkinan Anwar Ibrahim, pemimpin ABIM akan menyertai PAS. Anwar Ibrahim memberikan perhatian teliti dengan perkembangan dalam PAS. Dan dalam krisis ini (krisis sekitar pemecatan Datuk Mohamad Nasir - p) ada tanda-tanda yang Anwar cenderung untuk memihak kepada Datuk Asri. Beliau ada pergi ke Kelantan dalam masa krisis itu. Tetapi ini tidaklah memastikan yang beliau sudah melibatkan diri dalam PAS.

"Pimpinan PAS akan diberi lebih perhatian kiranya Anwar datang ke dalam PAS sama ada sebagai orang kedua atau orang pertama. Dan Datuk Asri rasanya tentulah tidak teragak-agak untuk meninggalkan PAS kiranya Anwar datang mengambil warisan.

"Datuk Asri tentulah tidak boleh menjadi pemimpin PAS lebih lama dari yang sepatutnya. Kalau dengan pengundurannya boleh menyebabkan PAS lebih kuat, apalah salahnya beliau berundur. Tetapi biarlah dipastikan bahawa pengantinya nanti seorang yang boleh meneruskan perjuangan PAS dan PAS boleh menarik perhatian ramai. Apakah ia berjalan mengikut kemahuan Asri itu adalah hal yang lain, tetapi soal pokoknya sekarang ialah PAS harus ada pemimpin yang boleh menyambung nafasnya.

"Seperti yang pernah disebutkan bahawa calon pemimpin utama PAS mestilah terdiri dari seorang yang mempunyai latar belakang pelajaran agama. Dengan ini parti itu akan dapat terus memperjuangkan ideologi Islamnya. Dalam soal ini walaupun Anwar Ibrahim tidak mempunyai latar belakang sekolah pondok atau pelajaran agama yang formal, tetapi penglibatannya selama ini memperlihatkan bahawa beliau tidak akan lari dari perjuangan Islam, dan penglibatannya sudah pun diterima oleh masyarakat Islam dunia."

DEALS

A Triumph For Anwar



Editors and managers of The New Straits Times Press (NSTP) are taking control of it and the commercial broadcaster TV3. The new owners of the

country's premier newspaper company call themselves Realmild. They bought the two media companies from Renong, the business group directly linked until recently to the New United Malays National Organisation, the country's pre-eminent political party.

It is clear that the finance minister, Anwar Ibrahim, has had his way. He opposes UMNO's direct participation in business. Says stock analyst Low Ming Siang of Crosby Research: "It reflects the shifting balance of power."

Coalition partners in the ruling Barisan Nasional have long dominated mainstream media. UMNO bought control of the *New Straits Times* in 1972 when the Kuala Lumpur edition of the Singapore paper split off. UMNO allies already controlled *Utusan Malaysia*, the largest Malay daily. The No. 2 Malay paper, *Berita Harian*, is controlled by NSTP, along with *Business Times* and the fifth-largest Chinese newspaper, *Shin Min*. In 1983 NSTP was granted a licence to set up the independent TV3, which was later transferred to NSTP parent Renong.

Meanwhile, UMNO's partner, the Malaysian Chinese Association, has trimmed its 86% stake in the *New Straits Times*' rival, *The Star*, to 58%. But Barisan Nasional still wields great influence in the Chinese press. Tiong Hiew King, a Sarawak tycoon and a Barisan senator, owns Malaysia's biggest-selling Chinese paper, *Sui Chew Jit Poh*, while No. 2 and 3, *Nanyang Siang Pau* and *China Press*, are owned by Hume Industries, partly controlled by the Renong affiliate UEM. Hume's biggest shareholder is the Hong Leong Group, which in turn controls MRCB, the listed vehicle now being used to acquire Realmild's new assets.

Asia week
20/1/93

Changes are in part the outcome of rivalry between Anwar and UMNO treasurer and former finance minister Daim Zainuddin. Last October Anwar's backers were installed in key editorial posts at *Utusan*. *The Star's* editor, V. K. Chin, says he's friendlier with Anwar than with any other politician. The men behind the NSTP takeover are *Times* group editor Kadir Jasin and *Berita Harian* group editor Nazri Abdullah, both of whom have thrown their lot in with Anwar after years of loyalty to Daim. Kadir and Nazri reportedly planned an NSTP boardroom coup with backing from Anwar against Renong



Read all about it: A new balance of power

chief Halim Saad, who wanted to exert control and trim costs. Though NSTP and TV3 are both profitable, their margins are slimmer than those of other Malaysian media. *The Star*, a one-paper company, made a pre-tax profit of \$14 million, compared with NSTP's group profits of \$37 million for seven newspapers, several magazines and a 20% stake in the Bank of Commerce, Malaysia's fifth-largest. One analyst calls the NSTP inefficient and bloated.

Anwar's closest aide, Penang Deputy Chief Minister Ibrahim Saad, denies that the finance minister engineered the takeover. But he adds: "Obviously we're happy that people we know control important media."

ANWAR terus menguasai dan menguasai akhbar utama di negara ini. Dengan kekuatan kewangan dan dukungan media, siapa lagi mampu berdepan dengan Anwar. Benarlah, silap-silap gaya Mahathir pun boleh tumbang.



ANWAR menerima cek bernilai RM2 juta daripada Pengerusi Eksekutif Renong Berhad, Datuk Halim Saad, untuk Universiti Islam Antarabangsa. Apakah ini silap mata untuk menunjukkan kepada umum bahawa tidak ada krisis antara Anwar dengan badan korporat ini, khususnya selepas Anwar mengambilalih *NST*, *Berita Harian* dan *TV3* darinya.



GHAFAR hanya layak menjadi jurukamera TV3 ketika gambar Anwar sentiasa menjadi hiasan siaran televisyen itu? Gambar ketika Ghafar melawat Studio TV3 di Bangsar, 17 Disember 1992.

'I Still Have the Fire'

Once Malaysia's deputy prime minister, Musa Hitam turned 59 last week. He backed Tengku Razaleigh Hamzah when the now-opposition leader challenged Prime Minister Mahatir Mohamad for the presidency of the dominant UMNO party in 1987. Malaysia's special envoy to the U.N. since 1992, Musa is now head of the country's delegation to the U.N. Commission on Human Rights. With party polls due in November, there is speculation about a political comeback. "I in the highest ranking, still living ex-honorary in the country," he told Senior Correspondent Roger Minton in an interview. Excerpts:

Are you coming back?

Constant streams of people come to the house asking this. Top businessmen, private people, high profile politicians. I won't say anything that means I have to adopt a stance. Because suppose I say yes, firstly, it will cause a sensation. Secondly, the cannons will be pointed at me. And if I say no, they wouldn't believe me. So, with a poker face, what I'm saying is, I have no commitment now. You must wait.

What changes have you seen since entering public life?

We are a world scenario now where, in developing countries such as Malaysia, there is an improvement in race relations. Yet in the West, there is a deterioration. I won't go to Germany now because I'm afraid of being cooked off in the streets. Racism is widespread in the West. But whites walk on the streets of Malaysia and they are loved.

Yet Malaysian politics is race-based.

Here, the government admits being racially oriented because of the realities there are Malays, Chinese, Indians. So [we say] "Let's do something about it." In contrast, Western governments completely disclaim any racial orientation. But the people are much more racist than Malaysians. The crude racism that is in the West is literally non-existent any more in Malaysia.

People talk of a change in attitudes among Malays.

Yes, there seems to be much more tolerance in talking about [Straits Chinese] or

Malacca Portuguese coming into UMNO. In the old days, the guy who talked about it would have had no chance. Yet now Malacca Chief Minister [Abdul] Rahim Tanby Chik says right in the non-Malay. And he wants to be an UMNO vice-president. There's more sophistication, more confidence. We have a long way to go. But in the 1960s, if you saw a Malay driving a big car, it was 99% certain he was a bond driver. Compare that with now. And it's the same with corporate and professional people.

Some worry that all the new mem-



Malaysia's "ex-hotshot". Will he make a comeback?

bers in UMNO are in business.

Let's face it, we asked for this. We sold Malaysia. "Look, it's not enough to be just schoolteachers in the village, we want you to be businessmen, professionals." Now they are. They're in the party. Back then, the teachers were the kingmakers. Now it's these businessmen who decide your fate. UMNO leaders who hold key [economic] points may benefit more. That's something we have to live with.

And money politics?

We're democratic but also capitalist. So I tell you quite frankly that money politics is here to stay. We'll never be like Japan or the U.S., but it's becoming worse and worse. I would cynically say that a lot

of leaders pay lip service to criticizing it, while they practice it. We need to convince them that money politics must be contained, and if possible, regularised. You need to spend, okay, but you will only be allowed this or that much.

How does Malaysia rate on human rights?

I tell you, quite proudly, we're way up in terms of our performance. Abuses can be considered relatively few. Of course, that should not make us complacent. Western countries seem to have the impression they're the real champions, but many of them are as guilty of violations. They're allowing terrible abuses of human rights on their very doorstep in Bosnia. In my speech in Geneva I said, "Could it be that it's because it is the Muslims who are suffering?" From my experience in the U.N. Human Rights Commission, I have the impression you can get away with any abuse of human rights if you're in the favour of the Western powers. The U.S. folds its arms, the whole world folds its arms.

Many worry about the introduction of Islamic law.

There are Malays who genuinely feel that Islamisation to whatever degree is best. We're a democratic country. We should allow these people to have their views. But even though Islam is the official religion and Muslims are the majority, there is no political leader who could survive in Malaysia by propagating Islamic dogma as the only party line.

Does Malaysia have a free press?

There's a free press, but it's a press that's in the hands of certain groups. So it's only interested in promoting certain viewpoints and certain personalities. It's those in government that are controlling a lot of the press by the normal process of buying and selling. I don't want to mention personalities who initiate the purchase of this and that newspaper and then put people in place who tend to run down the opposition — the opposition within the party.

Do you miss public life at the top?

I'd tell you frankly, I'm proud I have managed to adapt. If I did miss it, I would have been back in politics, barging in. And I can [do that] tomorrow, if I want. I still have the fire. But the fire is not necessarily going to be used.

CUBA perhatian kenyataan Musa mengenai akhbar: "There's a free press, but it's a press that's in the hands of certain groups. So it's only interested in promoting certain viewpoints and certain personalities ... I don't want to mention personalities who initiate the purchase of this and that newspaper and then put people in place who tend to run down the opposition - the opposition within the party."

9

BAGAIMANA ANWAR KONTROL AKHBAR?

Sebelum pembelian pengurusan New Straits Times Press Bhd (NSTP) dan Sistem Televisyen Malaysia Bhd yang lebih terkenal dengan panggilan TV3, diumumkan pada 5 Januari 1993, spekulasi mengenainya memang tersebar kencang. Antara spekulasi itu ialah cerita bahawa pembelian ini ada kaitan rapat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan kita, bertiup paling kencang sekali.

Meskipun Anwar sering "menjauhkan diri" dari urusan-niaga-urusan korporat dan syarikat, malah sering membidas perkahwinan politik-perniagaan, media antarabangsa dan para pengkritik tetap sangsi. Mungkin kenyataan Anwar dalam *Far Eastern Economic Review* pada Jun 1991, iaitu tiga bulan selepas menjadi Menteri Kewangan, mendorong kecurigaan ini. Dalam kenyataan tersebut, bertarikh 6 Jun 1991, Anwar berkata: "Umno (Baru) tidak harus menceburi bidang

perniagaan. Ia harus tinggal sebagai parti politik... Tetapi memang diterima bahawa para pemimpin politik dan perniagaan sentiasa menjalin pertalian erat."

Ketika Tun Daim menjadi Menteri Kewangan, hak milik Umno ke atas entiti perniagaan bertimbun-tambah. Dalam era Anwar pula, terukir jelas hubungan rapat beliau dengan para peniaga yang berpertalian erat dengan politik. Meskipun cara kedua-dua tali hubungan politik-perniagaan ini dibelit secara berlainan, tetapi kesannya tetap sama. Kedua-duanya digarapkan semata-mata untuk mengaut sokongan politik dan merebut kedudukan tinggi dalam hirarki Umno (Baru).

Ekoran pembelian NSTP dan TV3, tidak hairanlah bila sekali lagi kepentingan politik mendorong satu lagi rombakan korporat membabitkan entiti-entiti perniagaan yang berhubung rapat dengan Umno (Baru). Kedua-dua syarikat media yang disenarai umum ini dimiliki oleh Renong Bhd. Renong memang diketahui umum berperanan sebagai "penjelajah" korporat Umno (Baru). Syarikat ini dikawal oleh Halim Saad, yang mengakui dirinya bertindak sebagai proksi kegiatan perniagaan Umno (Baru).

Melalui pembelian pengurusan ini, kuasa kawalan ke atas NSTP dan TV3 diambil alih oleh empat eksekutif pengurusan NSTP untuk harga RM800 juta secara tunai. Empat eksekutif ini terdiri dari Pengarah Urusan NSTP, Khalid Haji Ahmad, Pengurus Besar Kanan Kumpulan NSTP, Mohd Noor Mutalib, Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times, Abdul Kadir Jasin dan Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian, Ahmad Nazri Abdullah.

Kawalan kuasa sebanyak 48.01 peratus dalam NSTP dan 43.22 peratus dalam TV3 akan diambil alih dari Renong Bhd oleh sebuah syarikat milik empat eksekutif ini, Realmild Sdn Bhd. Syarikat Realmild ini mempunyai modal berbayar yang hanya lebih sedikit dari RM100 ribu dan tidak memiliki sebarang harta. Maka dijangka sebuah lagi syarikat yang disenarai umum akan turut bersama Realmild Sdn Bhd

dalam urusanniaga RM800 juta tunai ini.

Dua hari kemudian, seperti dijangka, Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) mengumumkan akan menjadi penjamin ke atas hak dan tanggungjawab Realmild dalam urusanniaga RM800 juta ini. Justeru kawalan ke atas NSTP dan TV3 turut dikuasai MRCB. MRCB sebenarnya sebuah syarikat yang dilanda masalah kewangan. Dari 1986-1989, apa dicatatkannya setiap tahun hanyalah kerugian. Hanya pada 1990, ia berjaya mencatatkan keuntungan, tapi itu pun kecil. Syarikat ini dikawal oleh Kumpulan Hong Leong kepunyaan Quek Leng Chan. Antara lembaga pengarah syarikat ini ialah Wan Azmi Wan Hamzah sebagai pengerusi dan Mirzan Mahathir. Wan Azmi ini anak buah Tun Daim dan pernah menganggotai lembaga pengarah Fleet Group Sdn Bhd, sebuah syarikat permodalan utama Umno (Baru). Mirzan pula ialah anak Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Ekoran perlantikan empat eksekutif NSTP tersebut, Wan Azmi dan Mirzan bersama yang lain meletakkan jawatan sebagai lembaga pengarah MRCB. Ini bermakna, melalui pembelian NSTP dan TV3 oleh Realmild, dan bila MRCB pula diambil alih secara songsang, kawalan ke atas lima syarikat utama yang disenarai umum dikuasai secara langsung ataupun tidak langsung oleh keempat-empat eksekutif NSTP itu.

Sebelum pembelian pengurusan ini mengambil tempat, spekulasi pasaran sudahpun bertiup kencang bahawa NSTP dan TV3 akan diheret keluar dari kawalan Renong. Ini kerana, sepertimana difahamkan, perselisihan antara Pengerusi Renong, Halim Saad dan Anwar Ibrahim. Halim yang menjadi anak buah Daim dilaporkan sejak 1991 tidak digemari Anwar akibat pertelingkahan bersabit kawalan editorial dan pengurusan NSTP.

Dipercayai bahawa pembelian ini memang satu urusanniaga terbesar korporat pernah dibuat di Malaysia, yang dido-

rong kuat oleh perselisihan antara Anwar dan Halim. Difahami pembelian ini dipengaruhi kuat niat Anwar Ibrahim untuk menyerkap NSTP dan TV3, satu-satunya rangkaian televisyen swasta di Malaysia, ke bawah kuasa beliau. NSTP bukan sahaja menguasai *New Straits Times* dan *Berita Harian*, dua akhbar harian utama, tetapi juga *Shin Min Daily News*, sebuah harian bahasa Cina. Kawalan editorial ke atas media ini amatlah penting bagi Anwar demi menjamin kedudukan tinggi beliau dalam hirarki Umno, November 1993.

Ini adalah satu lagi kemenangan besar bagi Anwar untuk memunculkan beliau sebagai pencabar terkuat bagi mewarisi kerusi Dr Mahathir Mohamad. Memang Ghafar Baba dilihat sebagai pengganti Dr Mahathir tetapi umum melihat beliau hanya sebagai timbalan "sambil lalu" saja kepada Dr Mahathir. Ghafar Baba dipercayai sedang sibuk memperkukuhkan kedudukan beliau dalam parti dengan menjalinkan perpaduan antara puak-puak yang bertentangan dengan Anwar Ibrahim.

Sungguhpun didakwa Anwar ada kaitan dengan pembelian pengurusan NSTP dan TV3, ini tidak dapat disahkan dengan jelas. Dakwaan seperti ini, yang mengaitkan Anwar dengan entiti-entiti korporat, sering disangkal dan dinafikan oleh Anwar. Bagaimanapun dalam hal ini Anwar tetap akan diperhatikan. Ini kerana sejak beliau menjawat kerusi Menteri Kewangan, semakin banyak syarikat yang disenarai umum diambil alih oleh para tokoh perniagaan yang berpertalian erat dengan Anwar Ibrahim.

Empat bulan selepas beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan, iaitu pada bulan Julai 1991, Anwar dihubungkan dengan Setron Bhd, sebuah syarikat yang disenarai dalam mana Yayasan Bumiputera Pulau Pinang memiliki 11.85 peratus kuasa kawalan. Dari tahun 1988 sehingga 1991, Anwar menjadi pengerusi yayasan ini. Tapi jawatan ini dilepaskan oleh Anwar bila dibongkar hubungan tidak langsung beliau dengan Setron. Kini Dr Ibrahim Saad, Timba-

lan Ketua Menteri Pulau Pinang, yang pernah menjadi Setiausaha Politik Anwar dari tahun 1982-1986, menjadi pengerusinya.

Bukan itu sahaja, pengerusi dan pengarah pengurusan Setron ketika itu, masing-masing Syed Mohamad Syed Murtaza dan Abdul Murad Ahmad, dipercayai amat rapat dengan Menteri Kewangan. Bagaimanapun difahamkan mereka dipaksa keluar dari Setron oleh Anwar yang berang bila nama beliau "dijual" sewenang-wenangnya dalam urusanniaga mereka berdua. Antara yang mengisi kerusi pengarah Setron sekarang ialah Kamaruddin Jaafar. Kamaruddin pernah menjadi Setiausaha Agung ABIM dari tahun 1981-85. Seperti sedia maklum, Anwar telah memberi khidmat panjang sebagai Presiden ABIM sebelum dipikat masuk ke dalam Umno pada tahun 1982.

Anwar juga dikaitkan dengan Idris Hydraulic (M) Bhd, sebuah syarikat disenarai awam yang dimiliki sebahagian besar oleh koperasi Umno, Koperasi Usaha Bersatu Bhd. Meskipun Idris Hydraulic dikuasai oleh para pemimpin Semangat 46, akhirnya ia diambil alih jua oleh sebuah syarikat permodalan RM2, Tanjung Layang (M) Sdn Bhd pada Januari 1991. Ishak Ismail yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Umno bahagian Permatang Pauh menjadi antara pemilik saham syarikat ini. Ketua Umno Permatang Pauh ialah Anwar Ibrahim. Maka tersebarlah khabar angin bahawa Ishak telah bertindak bagi pihak Menteri Kewangan. Pada September 1992, Ishak muncul pula sebagai pengarah Grand Care Sdn Bhd. Syarikat ini menguasai sebahagian besar kawalan sebuah syarikat disenarai umum, Wembly Industries Holdins Bhd. Seorang lagi pengarah Grand Care, Mohamad Sarit pernah menjadi Setiausaha Politik Anwar. Pada Oktober 1992, sebuah syarikat disenarai awam Golden Plus Holdings Bhd (dahulu Dayapi Industries) dibeli kuasa kawalannya sebanyak 32 peratus oleh kedua-dua Ishak dan Sarit. Pada Disember 1992, Golden Plus dicanangkan untuk menyambar kawalan kuasa

yang besar dalam KFC Holdings (M) Bhd, yang menyediakan makanan segera paling terkemuka di Malaysia, yang juga disenarai awam.

Pada April 1992, apabila Syarikat Telekom (M) Bhd (STM) mengumumkan senarai syarikat yang berjaya membolot kontrak bekalannya bernilai RM2 bilion, Anwar benar-benar rasa terijuk. Ini kerana tuduhan berlakunya penyelewengan dalam pemberian kontrak itu telah berke- mandang. Dua dari lima pemenang kontrak ini jelas berhu- bung rapat bersama Anwar, iaitu usahasama Yayasan Bumiputera Pulau Pinang - Alcatel dan usahasama Koperasi Usaha Bersatu - Fujitsu Ltd. Lebih 70 peratus kawalan kuasa dalam STM dimiliki oleh Ministry of Finance Inc., sebuah syarikat permodalan Kementerian Kewangan. Dan tentunya Anwar akan menafikan tuduhan penyelewengan tersebut. Kata Anwar, keputusan tender-tender tersebut telah dibuat mengikut budi bicara para pengarah STM sendiri.

Halim Saad menegaskan penjualan NSTP dan TV3 itu "suatu peluang yang tidak boleh dicitirkan oleh Renong" (*The Star*, 6 Januari 1993). Sementara itu, sebahagian besar analisis tentang pembelian itu tertumpu kepada penguasaan sektor media oleh NSTP dan TV3, tetapi kurang sangat diberi perhatian mengenai kawalan kuasa NSTP sebanyak 20 peratus dalam Commerce Asset Holding (CAH). CAH memiliki Bank of Commerce, bank yang keenam terbesar dari segi hak milik harta di Malaysia. CAH menguasai sebahagian besar kawalan dalam Commerce International Merchant Banker Bhd, sebuah bank perdagangan utama yang dijangka akan disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada masa akan datang. Lebih mustahak, NSTP turut memiliki kawalan kuasa dalam Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFFE). Antara syarikat terbabit dalam KLOFFE mewah ini terdiri dari Renong, Rashid Hussain Bhd dan Zalik Bhd.

Renong menguasai 20 peratus kawalan dalam Bank of

Commerce, dan kawalan langsung dalam KLOFFE. Tetapi memandangkan kawalan NSTP ke atas Bank of Commerce, Commerce International Merchant Bankers dan KLOFFE, pasti Renong berat hati melepaskan hak milik syarikat penerbitan tersebut. Hakikat ini menguatkan lagi tafsiran bahawa Halim Saad telah dipaksa melepaskan hak milik Renong ke atas NSTP. Sebuah lagi syarikat yang berkecimpung dalam jual-beli saham dan turut menyertai KLOFFE, Zalik, memiliki 20 peratus kawalan kuasa dalam Ban Hin Lee Bank Bhd (BHLB). Zalik dan BHLB sebaliknya dikuasai Kumpulan Hong Leong kepunyaan Quek Leng Chan.

Di samping Zalik, BHLB dan MRCB, Kumpulan Hong Leong turut menguasai Hume Industries Bhd. Di samping Hong Leong pemegang saham terbesar dalam Hume pula, Jaguh Mutiara Sdn Bhd, sebuah syarikat dimiliki mutlak oleh Renong melalui Kumpulan Fleet. Yang menarik, Hume memiliki kawalan kuasa besar dalam Nanyang Press Bhd (NYPB), sebuah syarikat akhbar yang disenarai awam. NYPB menerbitkan *Nanyang Siang Pau*, sebuah harian bahasa Cina. NYPB juga memiliki China Press Bhd yang menerbitkan satu lagi harian bahasa Cina, *The China Press*.

Kepentingan Hong Leong dalam MRCB, Hume Industries, NYPB dan KLOFFE memang menarik memandangkan hubungan rapat syarikat-syarikat ini dengan Umno dan tokoh yang berpertalian politik erat, Wan Azmi Wan Hamzah. Di samping kepentingan beliau dalam MRCB, sambil berkhidmat sebagai pengerusinya, Wan Azmi pernah menjadi pemegang utama saham NYPB, yang akhirnya beliau jual kepada Hume Industries. Beliau juga memiliki 20 peratus kuasa kawalan dalam Land & General Bhd yang sebaliknya memiliki kuasa kawalan dalam sebuah firma jual-beli saham yang disenarai awam, Rashid Hussain. Di samping itu, Rashid Hussain memiliki 20 peratus kuasa kawalan dalam D & C Bank.

Usaha Realmild mengambil alih MRCB secara songsang

bukan sahaja dibekalkan sumber kewangan melalui pinjaman bank dan edaran bon tetapi juga dengan menciptakan saham-saham baru MRCB bernilai RM275 juta. Sedang ia tentu mengurangkan hak milik pemegang saham minoriti, ia juga bermakna amat sukar bagi Kumpulan Hong Leong untuk terus mengekalkan kawalan kuasa yang besar dalam MRCB.


Empat bulan sebelum pembelian pengurusan ini pada Ogos 1992, kawalannya ke atas MRCB ditawarkan secara am oleh Hong Leong, iaitu kawalan kuasa majoriti sebanyak 52 peratus. Menjelang November 1992, kepentingan Hong Leong dalam MRCB telah dijual laris hingga hanya tinggal 10 peratus. Di kalangan pembelinya, Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM) Bhd yang menyambar 20 peratus ekuiti MRCB. Sebahagian besar hak milik HICOM digengami Ministry of Finance Inc., iaitu syarikat permodalan milik kementerian Anwar.

Menjelang lewat 1992, sudahpun wujud cadangan bahawa MRCB akan disenarai awam untuk mengendalikan pembelian pengurusan seperti ini. Kalau diperhatikan urusniaga yang mengambil tempat di pasaran kewangan, Hong leong tampak telah memainkan sebahagian peranan demi menyelaras pembelian pengurusan ini. Sementara itu keuntungan Hong Leong hasil penjualan ekuiti MRCB dilaporkan dicanangkan untuk membeli Zalik dan BHLB.

Mengikut *Malaysian Business* (16 Disember 1992), sejak awal 1992, Kumpulan Hong Leong mungkin "dilindungi" dari syarat peruntukan Akta Institusi Kewangan dan Bank (BAFIA) demi memperolehi 20 peratus kuasa kawalan BHLB. Quek Leng Chan dipercayai amat ghairah untuk menguasai sebahagian besar sektor kewangan tempatan. Maka melepaskan kawalan majoriti ke atas MRCB yang sedang uzur demi menangkul sebahagian besar kuasa kawalan dalam BHLB dan Zalik juga bererti KLOFFE, sudah semestinya suatu kompromi beruntung yang Quek tidak dapat engkari.

Semua perkahwinan politik-kewangan ini nampaknya

mengambil tempat kerana potfolio Anwar yang membuka peluang mewujudkan keadaan percanggahan kepentingan. Bagaimanapun keadaan seumpama ini belum lagi timbul. Namun demikian penguasaan puak Anwar dalam politik Umno tidak meyakinkan bahawa pilihan raya parti itu November 1993 akan dijalankan secara adil dan demokratik. Lebih-lebih lagi memandangkan jumlah rangkaian media utama yang makin dipasung ke dalam jagaan puak Anwar. Bagi masyarakat pelabur dalam sektor korporat Malaysia, khususnya pemegang saham minoriti dalam Renong dan MRCB, pembelian pengurusan NSTP dan TV3 mengesahkan, sekali lagi, sejauh mana dasar perniagaan dalam sesuatu urusan penting korporat mampu dipengaruhi kepentingan politik tertentu.



ANGAN-ANGAN Mahathir begitu tinggi; mampukah Anwar mencapai igauan Mahathir itu? Segala wang rakyat dicurahkan, hanya untuk mencapai cita-citanya, meskipun kepentingan rakyat miskin terabai. Harap Anwar tidak menjadi seperti Mahathir, seorang pemaju berjiwa PM, bukannya seorang PM berjiwa pemaju.

Bulanan Et'wal Semasa

Masyarakat

KDN 097/80 - ISSN 0126-0211
OKTOBER-NOVEMBER 1980

جالتهمين
مؤتمراً للتوايكة الله
كانت بلبا اسلام مجلسيا

شوال 1400
اوگس 1980

WATUK MAJLIS
LAPAS KUTUK NEG

AM KIT SONG
TAMU TENGEMAR ABIM?

PEMBANGUNAN DALAM PERSOALAN ?

KULIT majalah *Panji Masyarakat*, Okt/Nov 1980. Gambar menunjukkan Anwar ketika merasmikan Mukhtamar Sanawi ABIM bertemakan, Islam dan Pembangunan. Kata Anwar: "Sebarang percubaan untuk meletakkan Islam kepada suatu sistem yang masih membenarkan riba' dan arak, pemerasan dan perjudiaan adalah suatu penghinaan terhadap Islam."



MAHATHIR ketika meninjau projek di Langkawi bersama teman rapatnya, Daim Sanusi. Juga kelihatan Menteri Besar Kedah, Osman Aroff. Siapa yang mendapat untung di Langkawi. Kata orang, anak-anak Mahathir. Penduduk Langkawi hanya dihidangkan dengan arak dan gelagat lucah pelancong.

10

DASAR PEMBANGUNAN ANWAR

Apabila Mahathir melantik Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan, menggantikan Tun Daim, ramai yang mempersoalkan - secara diam-diam - mampukah Anwar memikul amanah itu? Alasannya ialah latar belakang Anwar yang tidak pernah terlibat dalam dunia kewangan yang semakin canggih ini. Ada pula yang beranggapan, Sanusi Junid mungkin lebih layak memegang jawatan penting itu. Saya tidak berhasrat untuk turut berpolemik mengenainya. Apa yang ingin saya nukilkan di sini ialah Anwar pernah membentangkan suatu ucapan dasar di Muktamar ABIM pada 31 Ogos 1980 bertajuk "Islam dan Pembangunan". Sama-samalah kita ikuti sedutan ucapan tersebut, dan membandingkannya dengan apa yang dilakukan oleh Anwar sekarang:

Pembangunan menurut pandangan Islam mempunyai pengertiannya yang tersendiri dan unik. Beberapa aspek darinya seperti keadilan sosial dan hak asasi mempunyai

beberapa persamaan dengan konsep Barat meskipun dasar pokoknya adalah berbeza. Islam melihat pembangunan menurut pengertian yang luas dan menyeluruh dengan menekankan hakikat pembangunan sebagai pembangunan insah seutuhnya.

Pembangunan ini bermaksud usaha-usaha penyusunan semula bidang-bidang sosial, politik, ekonomi, hukum dan sistem-sistem nilai lainnya kepada suatu keadaan yang sesuai dengan *hakikat* dan *fitrah* kemanusiaan. Peringkat asas dalam pembangunan menurut Islam adalah peringkat rohani - *tazkiyah al nafs*.

Jelasnya, Islam melihat manusia itu sendiri sebagai fokus utama dan *central* dalam pembangunan; terutama dalam penyempurnaan *akhlak* dan *syaksiah* (keperibadian). Dasar inilah yang harus mewarnai aspek pembangunan lainnya, di mana manusia dapat menyediakan landasan *kemajuan peradaban* seterusnya di bidang politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan.

Terdapat hubungan yang erat antara asas kejiwaan dengan sistem sosial sesuatu masyarakat di mana agama memainkan peranan besar di dalamnya. Analisis yang pernah dibuat oleh Ibn Khaldun membuktikan bagaimana agama dapat menghasilkan transformasi sosial dari *nomadic culture* (umran badawi) kepada *urban or civilised system* (umran hadari). Tetapi Ibn Khaldun juga mengingatkan bagaimana babak peradaban moden yang merupakan suatu kesenian dari kehidupan mewah, jika tidak terkawal dan melampaui batas merupakan petanda kehancuran sesebuah negara.

Sebenarnya dasar kapitalis - pemikiran *neo-classic* atau komunis-marxis dan *neo-marxis* bukanlah merupakan jawapan kepada panduan pembangunan yang harus digunakan kini. Ini kerana dasar kapitalis Barat yang menekankan kekayaan dan keuntungan sebagai neraca kemajuan mereka, serta nilai yang digunakan dalam konsep pembangunan Barat, gagal dalam memperbaiki nasib Dunia Ketiga. Nilai-

nilai sekularisme, ketidakadilan sosial, dorongan keuntungan melulu, individualisme adalah di antara dasar-dasar *aqidah* kepada kapitalisme Barat ini.

Walaupun melalui jeritan-jeritan *rhetoric* dasar kapitalis ini kononya cuba menghapuskan kemiskinan, akan tetap hal yang sebaliknya berlaku. Hal ini kerana wujudnya faktor sistem penindasan yang berterusan di negara ini, di samping sebenarnya tidak terdapat kesediaan di kalangan perencana-perencana pembangunan untuk mengadakan perubahan. Dalam setiap slogan "ke arah kejayaan" masyarakat kapitalis; pengagihan pendapatan, kekayaan dan kuasa masih tidak seimbang, masalah pengangguran semakin berleluasa, peranan asing dalam pembangunan ekonomi masih penting. Ditambah pula dengan hutang negara yang semakin bertambah, masalah memenuhi keperluan asasi manusia belum dapat diatasi, keruntuhan moral pula merupakan fenomena umum dari dasar ini dan lain-lain lagi.

Jelasnya tahap-tahap pembangunan yang direncanakan oleh negara Barat hanyalah lanjutan dari persoalan *imperialisme Barat* menerusi dasar kapitalisme yang memberikan kesan buruk yang bukan sedikit terhadap negara-negara yang sedang membangun dalam pertukaran yang menguntungkan negara-negara kaya (*unequal exchange*). Akibat dari peranan yang dimainkan oleh perbadanan-perbadanan antarabangsa (*multination corporation*) turut memberi kesan dalam melebarkan jurang kaya-miskin antara penduduk dan negara.

Mengenai dasar Marxis yang mengharapkan keadilan sosial yang merata; pembelaan nasib golongan yang tertindas; anti-kapitalisme dan imperialisme, seorang tokoh ilmu kaji masyarakat, Dr Ali Shariati dalam bukunya *Marxism and Other Western Fallacies: An Islamic Critique*, menyifatkan ciri-ciri persamaan dengan dasar kapitalis ditinjau dari pemahaman merek terhadap hakikat kewujudan manusia. Dasar faham Marx hanyalah: "*transform man into an economic,*

consuming animal. Thus we have: state capitalism in the name of socialism, government dictatorship in the name of "dictatorship of the proletariat"; intellectual tyranny in the name of the one party; fanaticism of belief in the name of "diamat" (dialectical materialism); and finally, reliance on the principles of mechanisme and economism in the name of quickly attaining "economic abundance in order to pass from sosialisme to communism."

Kecenderungan untuk para perancang pembangunan negara membataskan pembahagian mengenai teori dan konsep pembangunan kepada *pradigm* yang bertapak di Barat - yakni di antara aliran kanan ataupun kiri - sesungguhnya tiada lain dari menampakkan sikap "*the captive mind*" (fikiran terjajah) yang termasuk di dalamnya golongan masyarakat moden dan intelek progresif. Golongan ini menganggap bahawa model Barat sebagai contoh yang universal. Penyakit ini disebut oleh Prof. Syed Hussein al-Attas sebagai *methodological imperialism*.

Kesedaran tentang terdapatnya kekurangan dan kepincangan dalam sistem dunia hari ini sampai pada puncaknya dalam tahun 1974, ketika Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima Perisytiharan dan Program Bertindak untuk mewujudkan Peraturan Baru Ekonomi Antarabangsa. Perisytiharan itu dilakukan berdasarkan andaian bahawa peraturan kini gagal untuk mewujudkan *persamaan dan keadilan*.

Sejak dua dekad yang lalu membuktikan, pembangunan yang dilancarkan cuma menghasilkan kedudukan dunia yang tambah membimbangkan. Negara-negara yang sedang membangun dengan memiliki 70 peratus dunia hanya memperoleh 30 peratus dari pendapatan dunia. Walaupun perisytiharan dan resolusi terus dilahirkan namun sistem pemerasan terus juga berlaku dan jurang perbezaan antara negara miskin-kaya, antara wilayah dan negeri, antara desa dan kota tetap wujud dan terus merebak serta kian mendalam.

Tetapi yang agak nyata sekarang ialah tuntutan terhadap

pembangunan sudah mulai menampakkan pendekatan yang menyeluruh (holistic) yang mulai merangkumi pembangunan fizikal dan metafizikal. Mereka bukan sekadar meminta "revolusi hijau: atau permohonan "bantuan asing" dan "kerjasama teknikal", tetapi lebih istimewa dari itu, yakni keadilan pengagihan, merapatkan jurang miskin-kaya, akibat dari perlaksanaan teori pembangunan dan pelaburan yang dianjurkan oleh dunia Barat hanyalah menguntungkan sebelah pihak sahaja.

Islam merumuskan penyelesaian masalah pembangunan menurut perspektif yang tersendiri dengan menganjurkan *vision baru* mengenai manusia dan masyarakat. Tambahan pula pendekatan ini melibatkan pemahaman bahawa krisis pembangunan ini bukan semata-mata berpunca dari krisis ekonomi akan tetapi krisis kemanusiaan seluruhnya - krisis peradaban.

Lantaran itu analisis ekonomi tidak boleh terpisah dari kesempurnaan moral yang tentunya melibatkan *nilai* yang tergabung di dalamnya keperluan ideologi empirikal dan pragmatik dalam ertikata bahawa nilai dan idealisme mesti diterjemahkan secara praktis dan realistik. Dari itu Islam menganjurkan perubahan yang *menyeluruh* dan *multi-dimensional*, perubahan manusia dan alam sekelilingnya.

Faham pembangunan Islam mestilah merujuk kepada peraturan syariah dalam hubungan dengan manusia lainnya, menekankan keperluan mendidik dan memberi kesedaran '*amar ma'ruf nahi mungkar* bagi meningkatkan taraf manusia ke darjat *taqwa*. Tetapi ini haruslah melibatkan pendidikan umum dalam menguasai pengeluaran hasil bumi serta mengatur kehidupan masyarakat. Peraturan-peraturan ini juga menjamin keperluan hidup material lainnya. Golongan masyarakat yang mencuaikan tugas dan tanggungjawab terhadap manusia lainnya ditempelak oleh al-Quran sebagai "pendusta agama".

Sebarang percubaan untuk meletakkan Islam kepada

suatu sistem yang masih membenarkan riba' dan arak; pemerasan dan perjudian adalah suatu penghinaan terhadap Islam. Langkah sebaiknya yang diambil ialah bertindak untuk merubah kekurangan yang wujud pada sistem kini dengan maksud melaksanakan sistem pada peringkat ideal dan sempurna. Hal yang sama sekali tidak dapat dipertikaikan lagi ialah agar semua prinsip dan kaedah dalam perlaksanaan tidak menyimpang dari prinsip-prinsip *akhlak dan keadilan*.

Gunnar Myrdal dalam tulisannya "*The Challenge of World Poverty*" menggambarkan betapa pendekatan terhadap masalah ekonomi di negara-negara sedang membangun begitu dikuasai oleh kepentingan luar dan golongan-golongan dalam negeri yang mempunyai kepentingan. Rumusan yang dipertahankan ialah "*epologetic laissezfaire conclusions*". Dalam perencanaan inilah yang disebut oleh Wertehim sebagai *betting on the strong* – dasar yang lebih menguntungkan golongan berada sama ada di bandar ataupun di desa.

Perubahan yang radikal diperlukan untuk membantu petani-petani miskin berbeza dengan model Barat menurut skima "*take off*" di mana petani-petani maju (atau tuan-tuan tanah dan estet) sahaja yang akan mendapat faedah. Dasar yang perlu ditekankan ialah *betting on the many* untuk menjadikan kedudukan mereka lebih kukuh lagi.

Masalah kemiskinan yang dihadapi kini memerlukan tindakan yang bersungguh-sungguh terutama dalam soal reformasi tanah, menyediakan kemudahan pinjaman kepada golongan miskin dan memperbaiki infrastruktur pemasaran. Masalah ini mempunyai hubungan yang erat dengan kemiskinan desa terutama yang dialami oleh petani-petani Melayu. Secara terbatas di peringkat tersebut, Ungku Aziz pernah membuat analisis tentang kemiskinan dan merumuskan faktor-faktor pengabaian, daya pengeluaran yang rendah dan penindasan sebagai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya "putaran ganas kemiskinan".

Meskipun diakui tentang usaha-usaha yang dijalankan dalam soal pembangunan desa, namun penindasan dan pemerasan ke atas petani-petani melalui peranan tuan-tuan tanah, peniaga kecil dan pemodal-pemodal di desa terus berlaku. Ungku Aziz dalam tulisannya "*Footprints on the Sand of Time*" menyatakan: "*Therefore my thesis that replacing these non-Malay Capitalist with Malay capitalist will not solve the problems of the Malays because the exploitation and the poverty will be the same*"

Petani-petani miskin ditindas melalui institusi-institusi kewangan yang sah dan berdaftar. Mengikut Ordinan 1951, seorang *cettiar* dibenarkan meminjamkan wang dengan bunga sehingga 18 peratus setahun. Tetapi pada kenyataannya, bunga dikenakan dengan kadar 50 peratus, bahkan dalam sistem "sepuluh dua belas" bunga dikenakan sebanyak 240 peratus setahun.

Alasan terpenting Islam mengharamkan riba' ialah kerana terdapat elemen pemerasan di dalamnya. Adalah suatu hal yang tidak munasabah untuk mengikat seluruh sistem kewangan negara dengan isntituti bunga. Perjalanan sistem *masraf Islami* (Bank Islam) tanpa bunga atau faedah bukanlah lagi satu perkara asing kerana Malaysia sendiri menganggotai Bank Pembangunan Islam! Apakah tidak wajar untuk dikembangkan konsep yang sama sebagai alternatif terutama di kalangan masyarakat yang berada dalam keadaan terdesak?

Di kalangan umat Islam sendiri, institusi *zakat* mesti diperkembangkan dan langkah segera perlulah diambil bagi mengkaji perjalanannya dari segi prinsip Islam dan pelaksanaannya di negara-negara lain. Perlulah diingatkan bahawa oleh kerana pembangunan Islam berteraskan kepada *keadilan*, maka segala bentuk ketidakadilan dan penindasan yang berlaku ke atas golongan buruh, petani, pekerja estet atau setinggan di bandar mestilah dihentikan. Undang-undang mestilah menjamin keadilan bagi semua terutama golongan bawahan dan tidak mengutamakan golongan kaya dan berkuasa.

Amalan rasuah sebagai barah yang kian merbahaya kepada masyarakat akan hanya dapat dibanteras secara berkesan melalui peraturan dan undang-undang serta pelaksanaannya yang lebih tegas. Semua pihak tidak harus terlepas dari dipersoalkan oleh masyarakat tentang pemilikan harta bagi mengelak dari berlakunya penyalahgunaan kuasa dan rasuah mengakibatkan pengumpulan harta berlebihan di kalangan kecil, tanpa menghiraukan nasib dan kebajikan rakyat terbanyak. Pimpinan yang ikhlas dan jujur tidak akan teragak-agak untuk dipersoalkan dan diperiksa mengikut tradisi gemilang kebangkitan Islam zaman silam.

Bila kita banyak membicarakan tentang pembangunan, apa yang kita maksudkan ialah pembangunan *insan* itu sendiri. Justeru itu amat kecil makna pembangunan ini sekiranya maksiat diteruskan di tengah-tengah usaha pembangunan itu. Lesen-lesen perjudian, arak dan pelacuran hendaklah segera dibatalkan dan kepentingan serta kesejahteraan masyarakat terbanyaklah yang harus diutamakan.



APA yang ditunjukkan Musa hingga membuatkan Mahathir tersenyum sinis dan sumbing pula. Mungkin kertas pencalonannya sebagai naib presiden. Musa pernah menasihatkan anak-anak buahnya: "Jangan melawan arus, nanti karam."



ANWAR mudah mesra dengan siapa jua, tapi Anwar juga mudah bermusuh. Kelihatan Anwar bersalam erat dengan bekas Perdana Menteri, Almarhum Hussein Onn dan bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Muhammad Nasir. Selamat maju jaya Br. Anwar!

11

ABIM 1990-AN: MAHU KE MANA KALAU BUKAN UMNO PIMPINAN ANWAR

Tentunya Malam ABIM bersama Wartawan, Sasterawan dan Budayawan, yang diadakan di Hotel NPC, Petaling Jaya tidak bertujuan mengingati tragedi 24 April 1987 – di mana Dr Mahathir menang tipis, 761 berbanding 718 undi Tengku Razaleigh Hamzah, dan Anwar Ibrahim menang jawatan Naib Presiden Umno selepas jawatan Ketua Pemuda diserahkan kepada Najib Tun Razak – walaupun tarikh yang dipilihnya sama, iaitu 24 April 1993.

Wartawan *Harakah* juga dijemput, dan apabila diperkenalkan, kami – saya bersama Tarmizi Mohd Jam dan jurufoto Nasir Sudin – hadirin memberikan tepukan bergermuruh. Apakah pelik *Harakah* turut memeriahkan program ABIM, di kala ABIM lebih rapat dengan *Utusan Melayu* dan *Berita Harian*? Pengerusi majlis, Fatini Yaacob, mengharapkan *Harakah* dapat memberikan liputan yang baik terhadap aktiviti

ABIM; mungkin selama ini Fatini merasakan keadaan di sebaliknya yang berlaku.

Seorang jawatankuasa tertinggi ABIM berbisik ke telinga saya, sebaik sahaja tamatnya alunan muzik yang cukup bingit di awal majlis: "Tak apa kot, muzik sikit."

Saya membelek buku cenderamata, menatap rakaman mutiara kata Presiden ABIM, Dr Muhammad Nur Manuty: "Malam ABIM bersama Wartawan, Sasterawan dan Budaya-wan, tidak sahaja bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan; yang lebih penting, mencari idea serta gagasan untuk berganding bahu bekerja ke arah kebaikan masyarakat Malaysia secara khusus, dan dunia amnya."

Di para yang lebih awal, Dr Muhammad Nur menekankan: "Manusia dan kemanusiaan masa kini sedang menuju ke daerah sebuah "Perkampungan Dunia" (the global village) yang begitu ruwet, canggih dan sungguh mencabar. Arus pembangunan ekonomi dan industri dunia cukup pesat. Sementara politik menjadi dominan dalam kehidupan manusia. Berhadapan dengan fenomena tersebut, kita juga sedang menyaksikan kemanusiaan yang semakin meluntur, pendewaan teknologi dan kebendaan yang semakin meng-gila, perang dan konflik kekuasaan di mana-mana dan manusia yang sengsara. Sesungguhnya kita mempunyai tanggungjawab yang berat untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang maju tetapi bermoral tinggi. Malaysia yang tidak mungkin terlepas daripada proses dan pengaruh keantarabangsaan, tidak wajar terjebak dengan kesilapan dan keterlaluan cara hidup masyarakat maju yang tidak mementingkan akhlak."

Menariknya majlis ini kerana para jemputan, terutamanya di meja utama, dipelawa memberikan pandangan terhadap ABIM: "memperkatakan tentang ABIM". Hampir semua pemimpin tertinggi ABIM hadir, dan ini tentunya kesempatan terbaik buat mereka meneliti hujah dhaif-dhaif kehormat itu. Yang kelihatan selain Presiden ABIM, antaranya

ialah timbalannya, Dr Abdul Halim Muhammad, Naib Presiden Dr Sidek Baba, Setiausaha Agung Anuar Tahir, dan beberapa AJK Kerja Pusat yang lain seperti Ahmad Azam, Abdul Malek Awang Kechil, Mustafa Kamil Ayub, Fauzan Noordin.

Pak Samad Ismail, tokoh wartawan negara memulakan bicara, diikuti Haji Shaari Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah II Dewan Bahasa dan Pustaka, Abdul Rahman Sulaiman, Pengarang Bernama, Zubir Ali seorang pemuzik dan tokoh kebudayaan Universiti Malaya.

"Ini bukan lagi majlis memperkatakan tentang ABIM tetapi sudah jadi majlis memperkatakan ketokohan Anwar Ibrahim," saya berbisik dengan Tarmizi. Dia hanya tersenyum.

Memang, dimulakan dengan Pak Samad Ismail (sebelum itu Pak Samad Said hanya membaca puisi kemanusiaan) yang menceritakan pengalaman silamnya berdepan dengan demonstrasi yang dicetuskan oleh pelajar Institut Teknologi MARA, pertengahan 70-an, ketika nama Anwar dikatakan meniti dari bibir ke bibir para pelajar. Menurut Pak Samad, seorang bapa mengadu kepadanya: "Anak saya lebih mendengar kata Anwar Ibrahim dari saya, bapanya sendiri." Begitu juga dengan Haji Shaari. Abdul Rahman Sulaiman, bekas pemimpin pelajar Universiti Sains Malaysia, secara terus terang berkata: "Sukar juga saya bercakap malam ini untuk memperkatakan tentang ABIM kerana saya tidak lagi mengikuti perkembangan ABIM selepas Anwar Ibrahim masuk Umno!"

"Jelas, lagi dua institusi media mendukung penuh Anwar, Bernama dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Cuma hanya RTM dan *Harakah* sahaja yang liat untuk menyokong Anwar," lagi sekali saya berbisik kepada teman di sebelah.

Sewaktu membuat ucapan balas, sekali gus menutup majlis, Anuar Tahir berkata, sememangnya ABIM tidak lagi mampu melahirkan tokoh sehebat Anwar. Saya tidak pasti

bagaimana perasaan Dr Muhammad Nur Manuty ketika itu. Beliau hanya menundukkan kepala. Apakah beliau dan juga Dr Sidiq Fadil bukan pemimpin ABIM yang boleh dibanggakan, menurut keistimewaan masing-masing? Tentunya tidak begitu manis melupakan segala peranan Dr Sidiq, yang saya kira cukup besar, bagi memantapkan ABIM selepas Anwar meninggalkan badan dakwah itu secara mengejut. Apa pun tafsirannya, nama Anwar masih menjadi igauan bagi banyak pihak, khususnya pemimpin ABIM.

Sebelum beredar pulang, lewat jam 11 malam, saya sempat membelek sejarah penubuhan ABIM, seperti tertera dalam halaman lima buku cenderamata: "Sejarah bermula dengan gerakan kemahasiswaan tahun 60-an, era mahasiswa menggugat menyaksikan kemunculan generasi baru aktivis mahasiswa Islam tanahair. Menerusi wadah kemahasiswaan PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia) para aktivis muda itu menghimbau umat kembali kepada Islam sebagai ad-din – sistem hidup serba sempurna yang meliputi seluruh aspek kehidupan. Himbuan itulah juga yang membibitkan semarak fenomena kebangkitan Islam ketika ini. Sebagai elemen yang sadar daripada masyarakat, mereka tidak rela melihat Islam terus menerus dipinggirkan sedang warisan sekularisme penjajahan tetap utuh dan kukuh dalam kawalan kaum elit yang berkepentingan.

"Mereka juga merasa terpanggil untuk membela nasib majoriti umat yang masih terbelenggu dalam kemiskinan dan ketidakadilan akibat dasar pembangunan kapitalistik dan membudayanya amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Komitmen terhadap cita-cita pendaulatan Islam ini ternyata menuntut penglibatan yang berterusan dalam perjuangan; namun wadah PKPIM tidak dapat terus menerus menampung mereka yang telah meninggalkan alam kemahasiswaan. Demi kesinambungan perjuangan lahirah wadah lanjutan ABIM sempena Persidangan Agung PKPIM ke-10, yang berlangsung di Dewan Al-Malek Faisal, Petaling

Jaya, pada 3 Ogos 1971, yang kemudiannya diluluskan pendaftarannya pada 17 Ogos 1972, dengan nombor pendaftaran 1161."

Memikirkan untaian kata Abdul Rahman Sulaiman bahawa beliau tidak lagi mengikuti perkembangan ABIM selepas Anwar menyertai Umno, saya fikir ia bukan sangat difaktorkan oleh ketokohan Anwar tetapi lebih kepada pendekatan perjuangan yang berbeza, di bawah pimpinan Dr Sidiq Fadil. ABIM dilihat tidak lagi menjuarai isu-isu rakyat, dan dalam banyak hal dikatakan lebih rapat dengan kerajaan daripada badan-badan lain di luar kerajaan, terutamanya parti-parti pembangkang. Sesungguhnya tentulah pendekatan baru itu hak pemimpin ABIM menentukannya, dan rasanya tidak wajar dibahaskan lebih mendalam di sini, sementalahan pula Anwar semakin merapati garis penamat "perjuangannya dari dalam".

Namun ada lagi satu hal yang menarik dalam majlis itu, seorang teman melontarkan idea baru, yang katanya bukan idea ABIM tetapi idea sebuah gerakan Islam lain. Menurutinya, suasana dalam Umno sekarang membuka peluang yang cukup menarik bagi tokoh-tokoh muda untuk menyertainya. Beliau mendakwa kepemimpinan Umno sekarang tidak semantap dahulu; ia kini banyak ditentukan oleh pemimpin-pemimpin muda yang pernah bertembung di universiti tempatan satu waktu dahulu.

"Tokoh-tokoh besar Umno, yang mempunyai pengaruh yang kuat, telah meninggalkan parti. Selepas Mahathir dan Ghafar berundur, siapa lagi tokoh Umno yang boleh dihormati? Kebanyakan yang ada hanyalah tokoh-tokoh muda, yang rasanya tidak terlalu sukar untuk dikalahkan dari dalam. Mungkin Abdullah Badawi antara yang terunggul, tetapi Pak Lah bukanlah pemimpin yang kuat untuk menentukan arah parti. Pak Lah ada pengaruh tapi mudah untuk dijinakkan," ujarnya.

"Maksud saudara ..."

"Ini bukan pandangan saya. Saya hanya mengutip telahan orang lain yang merasakan Umno akan berubah kalau kepimpinan tertingginya berubah, terutama jawatan Presiden parti. Dan kepimpinan yang ada bukanlah sekuat mana untuk dikalahkan kerana mereka adalah pemimpin pelajar yang pernah bersaing dengan kita semasa di kampus dulu. Kalaupun ada masalah yang merintang, itu 'kan perkara biasa dalam perjuangan. Apakah hanya kerana kita berada di luar Umno maka mereka, yang pernah ditewaskan sewaktu di kampus, begitu mudah menerajui kuasa."

Saya hanya diam, lebih tertumpu kepada hidangan lazat yang beraneka jenis. Dalam kesempatan lain, hujahnya pasti terjawab.

Membicarakan pendirian ABIM terhadap politik, yang dilihat cenderung kepada Umno Mahathir - Anwar ini, saya teringat ucapan dasar bekas Presidennya, Dr Sidiq Fadil menjelang Pilihan Raya Umum 1990. Menurut seorang teman, Baharudin Mohd Noor, yang menulis dalam *Dunia Islam*, September 1990, bertajuk "Ahli ABIM Diseru Tolak PAS": "Sayang seribu kali sayang, semasa dunia menyaksikan pelbagai penyelewengan yang dilakukan Mahathir, ABIM kehilangan suara. Rakyat yang amat prihatin dengan kebenaran dan keadilan mencari-cari suara ABIM kerana badan dakwah itu dikenali suatu waktu dulu sebagai jurubicara masyarakat. Polisi non-partisannya telah dirempuh sendiri, kritikkannya kepada PAS semakin terasa sementara simpati dan sangka baiknya kepada pemimpin utama Umno semakin ketara."

Mengingatkan teguran Baharudin terhadap ABIM itu, terlintas pendirian ABIM tentang persoalan hubungannya dengan politik, pertengahan tahun 1978. Rencana Pengarang *Utusan Melayu*, 5 Julai 1978 mempersoalkan sikap ABIM terhadap beberapa orang bekas pemimpinnya yang meletakkan jawatan untuk bertanding sebagai calon PAS dalam pilihanraya 1978 itu. *Utusan Melayu* menyimpulkan: "Dengan lain-lain pengertian bahawa kecuaiannya ABIM sebagai badan

dakwah sudah tercemar oleh kegiatan ahli-ahlinya yang melibatkan diri dalam politik, dengan demikian ABIM tidak boleh lagi dianggap sebagai badan dakwah."

ABIM kemudiannya memberi penjelasan: "Yang sebenarnya tercemar bukan badan dakwah yang memberikan hak politik kepada ahli-ahlinya seperti ABIM, tetapi ialah badan-badan dakwah yang naif dalam politik sehingga terjebak menjadi boneka dalang-dalang politik. Lebih cemar lagi ialah badan-badan dakwah yang menyempitkan pengertian dan skop dakwah sehingga aktiviti mereka telah tersudut hanya dalam hal-hal ritus – ibadat dalam pengertian sempit. Konsep dan ruang lingkup dakwah adalah cukup luas meliputi segala aspek dan tahap perjuangan menegakkan Islam seutuhnya sebagai cara hidup yang serba mencakup – aqidah dan syariah, moral dan perundangan, ekonomi dan politik, dan seterusnya. **Dakwah yang terpisah dari politik adalah dakwah yang sudah dicemari oleh proses sekularisasi -gerakan yang menjurus ke arah deislamisasi seluruh kehidupan umat."**

Balik semula kepada tulisan teman saya, Baharuddin yang menyifatkan ucapan dasar Presiden ABIM itu membuktikan bahawa ABIM tidak malu-malu lagi untuk memberikan sokongan terbuka kepada parti pemerintah yang ada: "Lebih dari itu, mereka membuat kesimpulan bahawa perpecahan dalam Umno adalah disebabkan perubahan ke arah Islam yang dilakukan oleh Dr Mahathir." Dr Sidiq Fadil menyebut: "Perubahan-perubahan ke arah trend keislaman inilah sebenarnya yang melatari kemelut perpecahan paling besar dalam sejarah parti pemerintah, gara-gara yang dicituskan oleh elemen sekular dalam parti dengan restu tokoh-tokoh tua yang merasa *secular heritaganya* tergugat." Beliau kemudiannya menyinggung persoalan pilihan raya yang menyaksikan pertembungan hebat antara Umno dengan Angkatan Perpaduan Ummah: "Apakah warna kehijau-hijauan ini akan dapat terus menghijau, atau akan segera

bertukar warna kembali kering menguning semula seperti sebelumnya. Apakah ruang dakwah Islamiah yang terbuka ketika ini akan terus terbuka lagi, atau segera tertutup seperti dahulu."

Saya begitu tertarik dengan pandangan Dr Sidiq Fadil, dalam Rencana Pengarang *Risalah*, sewaktu Anwar masih memimpin ABIM yang mengkritik dengan hebatnya sikap kerajaan terhadap kegiatan dakwah: "Meskipun diakui bahawa kegiatan dakwah memang semakin rancak tetapi suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Islam masih mempersoalkan dasar sebenar pihak pemerintah terhadap dakwah Islamiah. Biar betapa hebat slogan dan pidato dakwah pihak pemerintah, namun mata masyarakat Islam belum lagi dapat dibutakan dari melihat kenyataan-kenyataan jelek dan menjolol di hadapan mereka.

"Segala macam kemungkaran seperti judi, arak, zina, penindasan dan kezaliman masih terus berleluasa, dengan mendapat perlindungan dan pembelaan yang paling setia dari pihak yang berkuasa. Kemungkaran-kemungkaran ini ada yang terang-terangan dan ada pula yang berlingung di bawah berbagai-bagai istilah "kesenian, kebudayaan, sukan, modenisasi, urbanisasi, sosialisasi dan entah apa lagi ..." Dasar dan praktik yang berjalan sekarang ternyata tidak konsisten, amar makruf dan amar mungkar masih berjalan serentak dan keadaan ini menguatkan lagi anggapan bahawa dakwah hanya merupakan suatu "lipservice".

"Dengan hanya menyerahkan tugas dakwah kepada institusi-institusi tertentu seperti Pusat Islam, Yayasan Dakwah dan badan-badan dakwah sukarela, sedang pihak-pihak lain dalam jentera pemerintah sendiri terus menjalankan dasar dan amalan yang bertentangan dengan semangat dakwah maka kegiatan-kegiatan dakwah tidak mungkin terhasil. Dakwah tidak seharusnya dianggap sebagai suatu yang bersifat terpisah atau suatu yang hanya menempek, tetapi ia harus diserapkan ke dalam segala urat nadi pemerin-

tahan sehingga dakwah merupakan unsur yang menjiwai setiap kegiatan dan projek pemerintah. Dengan lain perkataan ia harus dijadikan dasar asasi pemerintahan sendiri, sesuai dengan mandat yang diamanahkan Allah kepada setiap pemegang kuasa."

Itu hanyalah cerita lama, buat penglipur lara dan pengubat duka. Sememangnya pimpinan ABIM kini dapat memenuhi program-program yang dianggap Islamik tajaan kerajaan. Mereka boleh bergerak bebas, mengisi tempat-tempat strategik di beberapa institusi penting seperti Universiti Islam Antarabangsa dan Institut Teknologi MARA. Sekiranya ia dilakukan secara adil dan tidak disemangati sindrom pilih kasih dan pilih balu, serta didukung menurut ketentuan agama, kita sewajarnya mengalu-alukan langkah itu. Tetapi kita cukup bimbang sekiranya proses menempati lokasi strategik itu dilakukan secara tidak sewajarnya sehingga boleh memberikan imej buruk kepada gerakan Islam seluruhnya. Kita bimbang, keghairahan memastikan ahli-ahli ABIM menempati kerusi-kerusi penting di UIA dan ITM menyebabkan usaha dakwah yang lebih menyeluruh boleh terbantut kerana masyarakat memandang jelek tindakan yang dilakukan oleh "pendakwah-pendakwah" itu sendiri. Ya, tidak hairanlah nanti, pensyarah-pensyarah akan berduyun-duyun menyertai ABIM, bukannya kerana tuntutan dan kesedaran beragama, tetapi lebih didorong untuk mengecap hak istimewa menjadi ahli-ahli ABIM di UIA dan ITM!


Semasa hendak menyiapkan tajuk ini, saya terbaca ucapan dasar Anwar semasa merasmikan Muktamar Sanawi ABIM ke-7. Anwar menyelar golongan yang ingin menyempitkan risalah dakwah iaitu sekadar menjadikannya program kebajikan, pemulihan akhlak atau ibadah dalam ertikata yang amat terbatas.

"Skop atau bidang dakwah ini sekiranya dibatasi tidak mungkin melambangkan cita-cita Islam sejati. Di sebaliknya ia akan hanya mampu sekadar menghasilkan satu pengertian

yang negatif terhadap dakwah; sesuatu yang reaksioner sifatnya yang semata-mata berperanan bagi mempertahankan feodalisme dan kapitalisme atau *status quo* yang wujud tanpa mempedulikan sama ada dasar yang dilaksanakan itu yang hak atau batil, menganjurkan yang makruf atau mungkar," tegas Anwar.

Anwar menekankan, ABIM sejajar dengan dasar sejak penubuhannya hinggalah sekarang, akan terus bertindak sebagai gerakan Islam - bukan parti politik, **bukan persatuan belia kompang dan pintu gerbang**, bukan persatuan seni dan budaya, bukan persatuan dakwah dalam ertikata yang sempit - ABIM sebagai gerakan Islam akan terus memperjuangkan Islam dalam ertikata yang lengkap, dengan dasar aqidah kepada soal ibadah dan memakmurkan masjid, soal kebajikan dan dakwah dalam hubungan berbaik-baik sesama manusia, terus memperjuangkan keadilan sosial dalam masyarakat dan menjadi jurubicara dan suara umat yang bertanggungjawab.

Diakhir ucapan itu, Anwar merakamkan "penghargaan kepada yang dikasihi Kekanda Fadzil Mohd Noor yang melepaskan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden ABIM untuk berkecimpung aktif dalam politik kepartian". Ujar Anwar: "Ustaz Fadzil merupakan tenaga penggerak utama ABIM, dan dengan gema suara serta kesungguhan telah memberikan nafas segar kepada pergerakan kita. ... semoga Ustaz Fadzil berjaya dalam arena barunya."



SELAMAT PENGANTIN BARU

PRESIDEN ABIM, Sdr. Anwar Ibrahim, 32 tahun telah selamat melangsungkan majlis pernikahannya dengan Dr. Azizah bte Wan Ismail, pada 26 Februari yang lalu. Majlis Kenduri telah diadakan di rumah ayah sdr. Anwar di CheroK Tok Koon, Bukit Mertajam.

Majlis menyambut pengantin baru ini juga telah diadakan di Petaling Jaya pada 28 Februari yang lalu. Majlis itu telah dihadiri oleh ramai sahabat handai, pegawai-pegawai kanan kerajaan, tokoh-tokoh gerakan Islam dan para cerdik pandai negara.

Pada 16 Mac yang lalu, Jawatankuasa Kerja ABIM telah mengadakan majlis jamuan sederhana di Restoran Shiraz bagi meraikan pasangan baru itu. Turut hadir di majlis itu ialah Duta Arab Saudi, Duta India, Duta



Gambar Kenangan

Pakistan, Duta Iraq dan lain-lain wakil kedutaan asing. Y.B. Haji Suhaimi bin Dato' Kamaruddin, Ketua Pemuda UMNO Malaysia turut hadir dalam majlis itu.

Angkatan peminangan itu telah dijalankan pada tahun lalu yang diketuai oleh Ustaz Nik Mahyuddin Musa, Ketua Pengarah Bahagian Pelajaran Agama, Kementerian Pelajaran. Lain-lain yang termasuk dalam rombongan itu termasuklah Ustaz Ahmad Awang, Puan Zaleha Haji Ali (Ipar Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir) dan lain-lain lagi.

Isteri sdr. Anwar bertugas sebagai doktor di Hospital Universiti, pernah mendapat pendidikan awal di Alor Star sebelum melanjutkan pelajarannya di Dublin, England dengan mendapat ijazah kedoktoran. ■

KERATAN majalah *Panji Masyarakat*, April 1980, mengenai berita majlis pernikahan Anwar pada 26 Februari 1980. Semoga berbahagia hingga akhir hayat.



ANWAR bersama Tan Chee Koon dalam satu majlis ceramah yang dianjurkan oleh Majlis Gereja Wesley, pada 11 November 1979. Kata Anwar, Islam menentang dasar nasionalis yang sempit. Anwar di waktu itu dikenali sebagai tokoh yang terbuka; sekarang bagaimana?

12

ANWAR BELA SYIAH DI GEREJA

Lagenda Anwar semasa memimpin ABIM tidak mudah untuk dilupakan. Beliau bukan sahaja dapat beraksi dengan baik di pentas-pentas debat dan meluahkan aksi protes di jalan-jalan raya, namun bersedia memberikan penjelasan mengenai Islam yang dianjurkan oleh pihak gereja, walaupun Anwar bukanlah seorang yang terdidik dalam pengajian Islam. Berikut saya nukilkan kembali laporan majalah *Panji Masyarakat* keluaran Januari / Februari 1980 mengenai majlis ceramah dan dialog yang dianjurkan oleh Majlis Gereja Wesley, pada 11 November 1979:

Dr Tan Chee Koon selaku pengerusi majlis ceramah, ketika mengalu-alukan kesediaan Anwar menerima jemputan tersebut menyatakan perlunya satu pandangan sebenar dari pihak Islam tentang konsep Islam, khususnya ketika gelombang kebangkitan Islam mula memuncak. Beliau menyifatkan

Anwar sebagai seorang yang mempunyai sifat terbuka dan berpandangan jauh terutama di dalam melihat Islam yang bersifat universal. Menurut Dr Tan lagi, pihak Kristian mula menilai bahawa untuk keharmonian masyarakat, tidak mungkin semangat perkauman sempit dibawa ke tengah-tengah masyarakat yang akhirnya membinasakan semua.

Anwar ketika mengalu-alukan jemputan tersebut menyifatkan pertemuan itu sebagai bermulanya titik-tolak ke arah mencari pendekatan baru agar perkembangan Islam tidak dianggap sebagai mengancam kebebasan beragama. Mungkin jemputan pihak gereja ini dibuat setelah memerhatikan kesediaan ABIM membicarakan masalah semasa yang menyangkut masalah kaum dan berbilang agama sehinggakan dijadikan masalah ini sebagai ucapan dasar di Muktamar Sanawi kelapan. Anwar ketika berucap di muktamar tersebut menyebutkan: "Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia langkah utama haruslah ke arah penghakisan aliran perkauman sempit dan chauvinisma. Persefahaman yang dicapai antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu walaupun sifatnya terbatas akan tetapi kesepakatan yang dicapai seharusnya dilaksanakan dengan jujur tanpa mengorbankan prinsip-prinsip akhlak dan keadilan."

Kalau selama ini secara peribadi Anwar dituduh sebagai anti kaum lain, fanatik terhadap agama, tetapi dengan jemputan pihak gereja ini cukup untuk menjawab tuduhan yang dilemparkan. Tidak ada sebab mengapa golongan agama lain tidak dapat bersetuju dengan perjuangan umat Islam yang sedar tentang kewajiban mereka menegakkan yang hak dan mencegah yang mungkar. Anwar menjelaskan, andainya umat Islam bertindak menegakkan kebenaran, menentang ketidakadilan, pemerasan, rasuah, dan segala unsur yang merosakkan masyarakat, kesan kejayaannya bukan sahaja menyelamatkan umat Islam bahkan umat lain.

Keadilan yang dianjurkan oleh Islam bukan berdasarkan perkauman yang sempit tetapi meletakkan sesuatu itu kena

pada tempatnya. Inilah asas terpenting, menurut Anwar, yang patut dijadikan panduan untuk menjamin terlaksananya keadilan sosial. Dalam konteks negara ini, keadilan sosial tidak mungkin terlaksana jika masing-masing kaum memperjuangkan kepentingan kelompok itu sendiri. Dalam menyelesaikan masalah kemiskinan, menurut Anwar, bukan merujuk kepada kaum mana yang harus dibela dahulu tetapi yang berhak dibela wajib diutamakan tanpa memperhitungkan warna kulit, agama dan asal keturunan. Paling pokok, Islam menentang kezaliman dan penindasan.

Islam juga mengingatkan umatnya, janganlah kerana bencikan satu-satu bangsa sehingga melupakan keadilan. Apakah nilainya jika untuk membela nasib kaum tertentu sehingga melupakan dasar moral yang ada? Tidak mungkin keadilan dapat wujud jika proses pemerasan terjadi. Pengusaha untung berjuta-juta ringgit, manakala pekerja mendapat dua tiga ringgit sehari, dan kadang kala menafikan pula hak pekerja untuk menyuarakan ketidakpuasan mereka. Lantaran itu, menurut Anwar, Islam menentang dasar nasionalis sempit sehingga di waktu mereka melaung-laungkan pembangunan sosial, golongan mereka jugalah yang berlumba-lumba mengisi tembolok sebanyak mungkin, dengan menggunakan kesempatan, keutamaan dan kedudukan yang ada.

Mengenai usul perlunya dibuat satu kod etika atau dasar moral bagi semua kaum, Anwar berpendapat cadangan ini baik dan bagi pihak Islam mampu untuk menyediakan rangka kod yang disarankan. Melalui kod etika inilah juga masyarakat bukan sahaja dapat bersatu malahan mempunyai asas untuk mengenali dan membezakan punca-punca yang merosakkan dengan punca-punca yang membina serta menyelamatkan.

Pergolakan di Iran merupakan persoalan yang banyak ditimbulkan ketika majlis dialog diadakan: Apakah Saudara Anwar akan menjadi Khomeini Malaysia? Apakah Saudara

Anwar berusaha untuk mengimport revolusi? Apakah ABIM berusaha ke arah tersebut? Jawab Anwar: "Pemergian saya ke Iran adalah untuk melihat sendiri perkembangan sebenar yang berlaku di negara tersebut, agar tidak turut terjebak dengan laporan media Barat. Tidak timbul apakah tujuan lawatan saya itu untuk melayakkan diri menjadi Ayatullah atau mahu mengimport revolusi ke Malaysia. Walau bagaimanapun perjuangan umat Islam adalah sama, yang berbeza tempat dan suasana."

Persoalan Syiah dan Sunnah juga sering menarik perhatian dalam pertemuan tersebut. Bagi menghadapi persoalan yang dibangkitkan, Anwar memetik semula kata-kata Ayatullah Khomeini bahawa semua umat Islam berada di satu millah, iaitu satu panduan dan satu tujuan. Tidak ada gunanya golongan ini mencemuh perjuangan rakyat Iran, jika yang mengaku sebaga pengikut Sunnah tetapi membisu terhadap kezaliman, penyalahgunaan kuasa, rasuah, mengizinkan pemerasan melalui sistem riba dan segala macam yang bercanggah dengan dasar murni Islam. "Sekurang-kurangnya kita menghormati mereka untuk merealisasikan sebuah negara Islam. Apabila mereka tahu Islam mengharamkan riba tanpa tertangguh lagi terus mereka melaksanakan sistem yang mengetepikan riba. Demikian apabila mereka berkata akan menyokong gerakan Palestin, lantas bertindak menghantar sukarelawan membantu gerakan tersebut," kata Anwar



ANWAR diarak dan dijulang ketika menghantar memorendum bantahan kepada duta besar Soviet. Bagaimana rupanya jika Anwar tidak dijulang dan diarak lagi?



PAK LAH bersama Ghafar dan duta besar Iraq, Hisham Tabaqchali. Nasib umat Iraq seperti telur di hujung tanduk. Apa yang Pak Lah usahakan? Ya, bayangkan, apa yang Anwar akan lakukan jika beliau menjadi Menteri Luar, dan Pak Lah sebagai TPM!

13

BAGAIMANA KALAU ANWAR GANTI ABDULLAH BADAWI

Kisah-kisah lama Anwar begitu menarik untuk diperhatikan, khususnya menjelang kemasukan beliau ke dalam Umno. Antaranya ialah aksi protes Anwar dalam isu-isu antarabangsa. Saya rasa dengan meneliti episod tersebut dapat kita mengenali Anwar dalam pelbagai dimensi. Dan wajar juga untuk kita mengetahui sikap Anwar sekarang terhadap isu-isu dunia kini yang berkaitan dengan umat Islam, seperti di Bosnia, Somalia, Kashmir, Iraq, India, Palestin dan nasib gerakan Islam yang ditindas di seluruh dunia. Ya, bayangkan dasar luar negara kalau Anwar menggantikan Abdullah Badawi sebagai Menteri Luar. Tulisan di bawah ini saya petik dari *Panji Masyarakat*, Januari/Februari 1980, oleh Fuad Hassan, sekarang wakil rakyat Ulu Kelang:

Satu Perhimpunan Perpaduan Islam Anti-Soviet telah berlangsung di Masjid Jame' Kampung Bharu, Kuala Lumpur,

pada 8 Januari 1980, dihadiri lebih lima ribu orang. Mandat telah diberikan untuk menghantar wakil menemui Duta Besar Soviet di Kuala Lumpur, untuk menyampaikan nota bantahan yang mewakili seluruh masyarakat Islam Malaysia. Pada 9 Januari 1980, jam 2.00 petang, seramai lima orang perwakilan ditetapkan untuk menemui duta Soviet, diketuai oleh Anwar Ibrahim.

Kami melangkah masuk ke pintu bangunan kedutaan Soviet, disambut dengan ucapan "selamat datang" oleh duta En. B.T. Koulit dan pembantunya. Kami dipersilakan duduk di atas kerus yang serba mewah, tidak ada tanda-tanda sosialis. Seorang pelayan menunggu pilihan minuman yang kami perlukan. "Saudara-saudara boleh memilih sama ada minuman khas atau minuman ringan," kata duta. "Kami di Soviet ada sejenis minuman istimewa untuk tetamu yang terpaksa kami sediakan seminggu sebelum dihidangkan, tetapi untuk saudara-saudara yang datang dalam keadaan begini, tentu tidak mungkin," tambahnya.

Anwar menjawab bagi pihak kami: "*No drink please!*" Duta itu kelihatan cuba mengawal perasaannya dengan senyuman yang dibuat-buat. "Okey," jawabnya perlahan. Pelayan terus berlalu dari situ.

"Sebelum kita berbincang lebih jauh lagi, saya ingin tahu bagaimana organisasi saudara sekarang. Boleh terangkan kepada saya?" tanya beliau, suatu persoalan yang sering menjadi sifat diplomat.

Anwar dengan suara yang agak tegas menjawab: "Perjumpaan ini bukan perjumpaan sosial biasa untuk kita berbual-bual. Tujuan kami datang hari ini sebagai wakil dari masyarakat Islam seluruhnya yang telah mengadakan perhimpunan di Masjid Jame' Kampung Bharu malam tadi, untuk menyampaikan bantahan kepada saudara dan kerajaan saudara."

Duta itu kelihatan mulai resah sambil mencengkam jarinya. Tanpa berlengah panjang lagi Anwar terus memba-

cakan nota bantahan itu, satu persatu, dengan suara yang keras dan tegas. Antara kandungan nota tersebut ialah:

- **MENGUTUK** secara keras kekejaman dan jenayah yang telah dan sedang dilakukan oleh pemerintah Rusia secara langsung dan melalui boneka-boneka mereka di Kabul terhadap umat Islam di Afghanistan.
- **MENGUTUK** dasar indoktrinasi ideologi komunis terhadap rakyat Afghanistan yang dilakukan oleh pemerintah Rusia melalui regim bonekanya di Kabul.
- **MENGUTUK** penglibatan Russia di dalam hal ehwal dalam negeri Afghanistan.
- **MENUNTUT** supaya Russia dengan serta-merta menghentikan serangan ketenteraan terhadap rakyat dan negara Afghanistan dan menarik keluar semua tentera dan "penasihat-penasihatnya" dari bumi Afghanistan.
- **MEMBERI AMARAN** bahawa jika tuntutan-tuntutan ini tidak dilaksanakan oleh pemerintah Russia, maka umat Islam di Malaysia dan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keadilan serta seluruh umat Islam di dunia dan umat manusia yang menghormati prinsip kemanusiaan akan mengambil tindakan yang lebih agresif dan berterusan terhadap segala kepentingan Soviet di mana-mana sahaja sehingga tercapainya kemenangan di pihak yang benar dan keadilan ditumpaskan.

Semasa membaca tuntutan itu, Anwar juga mempertahankan hujah-hujahnya: "Kemanusiaan yang bagaimana selama ini saudara perkatakan? Saudara menggunakan atas nama pekerja, atas nama hak asasi manusia, atas nama Marxist, dalam masa yang sama saudara membunuh ribuan jiwa, dan menjahanamkan hak asasi manusia tanpa belas kasihan sedikit pun."

"Kami rakyat Malaysia sungguh-sungguh tidak dapat menerima dan memaafkan tindakan saudara itu," serang

Anwar dengan renungan mata yang tajam dan serius. Duta itu mula beralih silang kaki beberapa kali. Ternyata tangannya mulai terketar-ketar.

"Saudara mesti ingat, Afghanistan adalah negara Islam. Mereka adalah saudara-saudara kami. Kami tidak akan berdiam diri, seperti umat Islam lainnya dan mereka yang cintakan hak asasi manusia tidak akan berdiam diri di atas tindakan "*might is right*" pihak saudara selama ini," terang Anwar. Sekali lagi ternyata urat lehernya timbul apabila beliau menekankan beberapa *point* yang penting.

"Malam tadi merupakan satu perhimpunan yang aman, kerana rakyat Malaysia memang terkenal dengan sifat disiplin dan lemah lembutnya," kata Anwar. "Tetapi saya tidak dapat menjamin keadaan ini akan berterusan sedemikian rupa. Rakyat Malaysia tidak selamanya dapat bersabar di atas tindakan-tindakan ganas saudara, kerana itu saya bagi pihak umat Islam di Malaysia ingin menghantar nota bantahan ini," tambah Anwar sambil menyerahkan kertas nota bantahan yang penuh dengan seribu erti. Duta menerimanya dengan tangan yang makin terketar-ketar.

Duta memulakan ucapannya dengan suara yang dikawal-kawal. Beliau bertanya kepada perwakilan, dari manakah diperolehi maklumat. Anwar menjawab: "Dari media yang ada dan bahan-bahan terus dari gerila-gerila Islam Afghanistan."

"Sebenarnya pihak saudara juga harus mendengar dari pihak kami. Kami juga ada menerbitkan risalah-risalah keterangan yang berhubung dengan perkara itu untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya," kata duta.

Duta cuba menyeret perbualannya kepada perkara-perkara yang lebih jauh, terutama dalam soal hubungan kerajaan Soviet dan Malaysia: "Saudara tentu masih ingat, beberapa ketika dalam bulan September tahun lalu, Perdana Menteri Dato' Hussein Onn telah mengadakan lawatan ke Soviet. Lawatan itu sungguh bermakna. Mereka telah melihat

bagaimana bangunan-bangunan yang berharga. Masjid-masjid dan sebagainya masih dipelihara sehingga sekarang ini. Ini membuktikan bagaimana kami memelihara dan menghormati agama di sana. Pandangan rakyat Malaysia terhadap Soviet mestilah dijelaskan sejelasa-jelasnya. Kami menghormati rantau ini, sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali."

"Kami ingin membahaskan soal Afghanistan, bukan persahabatan baik Malaysia-Soviet," kata Anwar. "Kami ingin berbahas tentang veto saudara lakukan di Bangsa-Bangsa Bersatu, soal kezaliman, keganasan dan penindasan yang keterlaluan yang saudara lakukan, dan bukan persahabatan Malaysia-Soviet," tegas Anwar lagi.

Suatu ketika duta cuba mengawal serangan-serangan terhadapnya dengan berdasarkan faham Marxist: "Saudara, kita mempunyai kedudukan yang berlainan. Saudara harus faham keadaan ini. Apa yang dapat saya katakan bahawa dalam soal-soal antarabangsa, kita mempunyai pendapat yang berbeza."

"Ini bukan soal pendapat saudara. Ini bukan soal pendapat, ini soal hidup mati. Hentikan tindakan ganas saudara di Afghanistan sekarang. Kemudian baru kita boleh bincang soal pendapat kami atau pendapat saudara," sampuk Anwar.

Anwar terus menyerang: "Faham Marxist apa yang saudara amalkan ini? Atas nama pekerja dan sosialis, saudara lancarkan *agression* yang biadap itu."

"Saudara... saudara, itu pandangan saya. Saya mempunyai pandangan dan kedudukan saya sendiri, dan benar-benar saya berfikir tentang kebenaran dan kedudukan saya ini," rayu duta.


"Kebenaran? Jenis kebenaran apa yang saudara maksudkan? Saudara mahu menafikan pencerobohan tentera yang saudara lakukan? Jet, ribuan pembunuhan, MiG 21? Saudara ingin menafikan kenyataan ini semua? Ini bukan soal pendapat," sindir Anwar.

Duta mula menampakkan emosinya yang sudah tidak terkawal lagi: "Saudara perlu terima maklumat dari kami. Baiklah ... saya faham tujuan kedatangan saudara. Dan saya akan menyampaikan laporan ini kepada kerajaan Malaysia dan kerajaan Soveit kami. Itu yang dapat saya lakukan."

Duta agak terkejut apabila perwakilan bangun serentak dan berjalan menuju pintu. Satu pertanyaan duta yang menarik ialah ketakutannya terhadap siri-siri perhimpunan yang bakal diadakan. Anwar tidak lagi dapat menjamin perkara itu tidak berlaku.



"JANGAN percayalah dengan temberang bekas anak muridku ini," mungkin itu usikan bekas guru bahasa Inggeris Mahathir, Mohd Zain Abdul Rashid, 80, sambil ketawa mesra, di majlis Aidilfitri di Sri Perdana. Benar, jasa guru jangan dilupakan, jasa tok guru membawa bahagia dunia akhirat. Siapa agaknya tok guru Mahathir?



SIAPA agaknya yang diundi oleh Ustaz Fadzil tu? Tentunya bukan Anwar, kerana ini pemilihan kepemimpinan PAS. Walaupun pernah rapat dan akrab dengan Anwar, Ustaz Fadzil tetap tegas dengan prinsip perjuangan Islamnya, bersama rakan-rakan yang lain, seperti Ustaz Abdul Hadi Awang, Ustaz Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ustaz Hassan Shukri dan Dr Sanusi Daeng Mariok.

14

ANWAR BELA USTAZ FADZIL NOOR?

Meninjau masa silam, khususnya sebelum memberi penilaian yang sewajarnya terhadap percaturan politik masakini, mempunyai banyak manfaat dan begitu menarik sekali. Dengannya kita mendapat perspektif yang lebih sahih dan boleh memahami beberapa permasalahan yang sebelumnya dilihat kabur dan mengelirukan. Walaupun manusia boleh berubah tetapi jaluran masa lampau boleh mengikatnya dalam keadaan tertentu. Begitulah juga hubungan Anwar dengan PAS, khususnya dengan Yang Dipertua PAS Pusat sendiri, Ustaz Fadzil Mohd Noor. Tidak dipastikan apakah hubungan mereka masih berjalan, tetapi itu bukannya persoalan utama. Sesuatu yang tidak kena dalam percaturan politik Melayu ialah hubungan seseorang pemimpin parti politik dengan seterunya seringkali dijadikan isu untuk mempersoalkan kewibawaannya. Walhal antara kelebihan

seseorang pemimpin itu ialah keupayaannya menjalin hubungan dengan setiap sektor dalam masyarakat. Maknanya, kalau pun ada hubungan antara Anwar dengan Ustaz Fadzil, ia adalah perkara biasa dan tidak perlu disembunyikan. Ahli-ahli PAS dan juga Umno tidak wajar menjadikan hubungan seumpama itu sebagai asas untuk menolak mereka.

Ustaz Fadzil pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden ABIM (1974-78), di waktu Anwar menjadi Presidennya. Jangkawaktu 1974-78 itu telah memunculkan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam yang berwibawa, berani menangani cabaran semasa, dan mampu menggugat kerajaan dengan mendedahkan seribu satu penyelewengan yang dilakukan. Sesungguhnya ketika itu PAS menjadi anggota komponen Barisan Nasional dan keperluan sebuah gerakan "politik" Islam yang bebas dari kerajaan amat dirasakan. Dan apabila PAS kalah teruk di Kelantan, beberapa orang pemimpin utama ABIM, termasuk Ustaz Fadzil, menyertai PAS secara aktif dan bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1978. Ustaz Fadzil yang ketika itu pensyarah Universiti Teknologi Malaysia telah disingkir secara tidak menurut peraturan.

Apa yang ingin saya paparkan di sini ialah sikap ABIM di bawah pimpinan Anwar terhadap isu penyingkiran Ustaz Fadzil, seperti yang dirakamkan dalam ruangan editorial lidah rasmi ABIM, *Risalah*, dengan tajuk "Cerita di Sebalik Tabir Tatatertib":

"Belum pun reda ribut pertukaran besar-besaran di kalangan guru-guru dan pegawai-pegawai kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Julai lalu tiba-tiba kita dikejutkan pula dengan tindakan menyingkirkan Sdr. Fadzil Noor dari jawatannya sebagai pensyarah di UTM. Reaksi spontan dari masyarakat umumnya tidak dapat menerima hukuman itu. "Melampau! Zalim! Dahsyat!" Itulah antara kata-kata yang terloncat dari ribuan bibir para ulamak, ahli akademik, ahli politik, mahasiswa dan masyarakat umum di segala peringkat. Walaupun tindakan itu telah diproses begitu rupa -

sehingga memakan masa yang demikian lama - supaya tidak ketara serong dan rencongnya tetapi rupa-rupanya masyarakat mengerti juga bahawa tindakan yang berselindung di balik nama disiplin dan tatatertib itu sebenarnya lebih merupakan suatu tindakan melepas geram dan membalas dendam.

"Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Sdr Fadzil ternyata tidak dapat diterima sebagai kesalahan yang memerlukan hukuman seberat itu. Kalau pun benar beliau tidak hadir bertugas beberapa waktu, apa yang harus menjadi perhitungan pokok ialah "Sebab" mengapa beliau tidak hadir dan bukan soal ketidakhadiran itu sendiri. Beliau tidak hadir kerana menyertai seminar di Riyadh - suatu seminar Islam antarabangsa yang membahas soal hidup mati umat Islam. Beliau juga tidak hadir kerana bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1978 dan ini juga soal hidup mati umat Islam. Semuanya ini beliau lakukan dalam rangka berkhidmat kepada Islam. Rasanya semua orang Islam yang berfikir secara Islam dan seterusnya bertindak secara Islam akan sepakat bulat bahawa sebab-sebab tersebut adalah wajar dan harus dihormati. Lainlah halnya bagi orang yang mengaku Islam tetapi berfikir sebagai pengampu dan bertindak sebagai *opportunist*.

"Kalau soalnya ketidakhadiran itu telah menjejaskan tugas beliau sebagai pendidik atau dengan lain perkataan bahawa beliau telah mengabaikan hak mahasiswa untuk menerima didikan dan bimbingan beliau maka pihak yang berkuasa harus membuktikannya dengan menjelaskan apakah Sdr Fadzil gagal menghabiskan sukatan pelajaran yang ditetapkan? Atau apakah ada pengaduan yang sah dari pihak mahasiswa bahawa mereka telah tidak mendapat layanan yang sewajarnya dari Sdr Fadzil? Tetapi semuanya ini tidak dijelaskan oleh pihak berkuasa. Malah kita difahamkan bahawa pihak mahasiswa telah membantah pemecatan terhadap Sdr Fadzil. Dan ini dapat dianggap sebagai kega-

galan pihak berkuasa untuk menafikan bahawa Sdr Fadzil telah melaksanakan tugasnya dengan sempurna.

"Ternyata bahawa ketika menjatuhkan hukuman ke atas Sdr Fadzil itu pihak berkuasa telah tidak menghormati prinsip dan semangat pengadilan Islam yang menganjurkan agar sedapat mungkin melepaskan seseorang itu dari hukuman selagi ada alasan untuk berbuat demikian. Sabda Rasulullah s.a.w. maksudnya: "...sekiranya terdapat jalan untuk melepaskan seorang Muslim, maka lepaskanlah ia, sesungguhnya seorang imam (hakim) itu lebih baik jika tersalah kerana memaafkan dari tersalah kerana menghukum."

"Prinsip dan semangat yang terkandung dalam hadis tersebut jelas telah dicabul. Mereka tidak cuba melihat, malah langsung tidak mahu melihat fakta-fakta yang memungkinkan pelepasan Sdr Fadzil. Sebaliknya mereka telah bertindak dengan sikap dan semangat yang secara diametrikal bertentangan dengan prinsip tersebut. Mereka sengaja mencari-cari apa jua alasan untuk membolehkan penyingkiran beliau.

"Melihat kepada tuduhan-tuduhan dan seterusnya hukuman yang dijatuhkan kita berkesimpulan bahawa hukuman itu telah diputuskan lebih dahulu dan setelah itu barulah dicari alasan untuk menjustifikasinya. Apa yang sebenarnya mendorong mereka membuat keputusan songsang itu ialah semata-mata kerana tidak senang dengan fahaman yang dianut dan diperjuangkan oleh Sdr Fadzil, iaitu faham Islam sebagai suatu tatahidup yang sempurna menggenapi segala bidang kehidupan - aqidah dan syariah, ibadah dan akhlak, pendidikan dan undang-undang, ekonomi dan politik. Mereka tidak mahu menerima fahaman tersebut dan lantaran itu orang yang menganut dan memperjuangkannya harus disingkirkan dengan apa cara jua. Itulah sebenarnya rasional mereka. Dan dalam hal ini sekali lagi mereka telah mencabul prinsip pengadilan seperti terkandung dalam firman Allah, surah al-Maidah, ayat 8, maksudnya: "Hai

orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang sentiasa menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui isi hati(mu).”

“Sebenarnya kita masih boleh membawakan seribu satu macam alasan lagi untuk membuktikan ketidakadilan hukuman itu. Tetapi mereka bukanlah orang-orang yang bersedia mendengar hujah-hujah dari pihak yang tidak sebulu dengan mereka. Walhasil mereka juga punya “ulamak” sendiri yang sentiasa siap sedia dengan perkhidmatan “putar belit” untuk mengisahkan apa saja tindakan dengan bayaran yang sangat sederhana - dengan hanya sebatang cerut atau secawan kopi “O” - semuanya ditanggung beres.

“Oleh itu kita tidak bercadang untuk berhujah lagi dengan orang yang sudah nekad untuk bertindak “buang Fadzil Noor! *By hook or by crook!*” Bawalah hujah berpikul-pikul pun, tidak ada gunanya lagi. Pokoknya *might is right* dan *the end justifies the means*.

“Tetapi persoalan sebenarnya lebih dari sekadar pemecatan seorang Fadzil Noor. Pemecatan itu hanya suatu bentuk tindakan yang lahir dari suatu sikap, suatu dasar dan suatu program yang menyeluruh dengan matlamat untuk melumpuhkan gerakan Islam. Dan ini memang merupakan suatu hal yang rata-rata terjadi di kebanyakan negara-negara Islam bekas jajahan takluk Barat. Di negara-negara ini golongan sekularis yang diamanahkan sebagai pewaris sistem peninggalan penjajah telah cuba mempertahankan sistem tersebut demi mempertahankan kepentingan peribadi mereka.

“Sikap tidak senang dengan gerakan Islam memang selamanya menjadi dasar penjajah dan kemudiannya sikap ini diteruskan pula oleh pawaris-pewarisnya - golongan sekularis. Dalam konteks rantau ini T.S. Raffles pernah me-

luahkan kebenciannya terhadap Islam dengan mensifatkannya seorang "*Robber Religion*" (agama penyamun). Ketika para ulamak menubuhkan wadah perjuangan politik Islam Hizbul Muslimin di Gunong Semanggol, penjajah terus menghancurkannya dan menangkap pemimpin-pemimpinnya, sementara itu tokoh nasionalis - sekularis Melayu ketika itu mensifatkannya sebagai "bahaya dari gunung" dan disamakan dengan komunis yang disifatkannya sebagai "bahaya dari hutan".

"Berbagai percubaan telah dibuat untuk menekan kebangunan Islam. Antara langkah yang terbaru dalam rangka ini termasuklah memfitnah ulamak, memperalatkan orang-orang agama yang naif dan oppurtunis, sebaliknya menyingkir dan menekan mereka yang jujur dan berwibawa. Mereka boleh bertindak semahu-mahunya. Mereka boleh singkir seberapa ramai pejuang Islam dari jawatan-jawatan yang mereka pegang. Namun kebangunan Islam yang kini sedang bersemarak di seluruh persada alam Islam tidak mungkin dapat ditahan-tahan lagi."

Jelas sekali, hujah yang dikemukakan begitu tegas membela kebenaran Islam. Dan sebagai orang yang istiqamah dengan perjuangan Islam, walaupun tidak lagi memihak kepada PAS ataupun Ustaz Fadzil, hujah tersebut wajar diteliti dan membandingkannya dengan sikap Anwar sekarang.

KUALA LUMPUR: Anwar Ibrahim telah menunaikan hasrat Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang sebelum ini telah menyatakan hasratnya untuk bertemu dengan beliau. Pertemuan antara kedua pemimpin ABIM—PERKIM itu, disifatkan oleh setengah pihak sebagai suatu era baru dalam perkembangan dakwah di Malaysia.

PERTEMUAN yang berlangsung pada 26 September 1979 di rumah Tengku itu nampaknya tidak membincangkan apa-apa perkara penting yang melibatkan kedua-dua organisasi tersebut. Tidak ada apa-apa komitmen dari saudara Anwar setakat ini mengenai pandangan Tengku untuk mengadakan badan bersekutu dengan PERKIM.

PERTEMUAN 45 minit itu berkisar sekitar peribadi. Tengku banyak mengambil masa menerangkan keadaan kesihatannya yang sejak akhir-akhir ini semakin serius. Tengku juga bertanyakan khabar keluarga sdr. Anwar, dan menyatakan bahawa ayah sdr. Anwar adalah orang asal dalam perjuangan UMNO, serta menjadi orang 'kuat'nya dahulu. Tetapi katanya lagi, berbeda dengan anaknya. "Orang muda punya pandangan yang berbeda serta mengalami perubahan fikiran", ujar Tengku.

SAUDARA Anwar menjelaskan bahawa perubahan masyarakat muda sangatlah perlu, dan arahnya ialah menuju kepada pemahaman Islam sebagai cara hidup yang lengkap. Terdahulu dari itu sdr. Anwar telah menghadiahkan Tengku dua buah buku — Islam and Secularism karangan Prof. Dr. SYed Muhammad Naguib Al-Attas dan Cabaran Islam terbitan Majlis Islam Eropah. Turut sama di majlis itu ialah sdr. Osman Bakar, Setiausaha Agung ABIM yang baru.

ANWAR TUNAI HASRAT TENGGU



LAPORAN berita kunjungan Anwar terhadap Almarhum Tunku Abdul Rahman, pada 26 September 1979. Turut serta, Setiausaha Agung ABIM, Osman Bakar. Orang tua banyak pengalaman timbalah dari mereka.



SETIAUSAHA Agung DAP, Lim Kit Siang dalam majlis perasmian Muktamar Sanawi ABIM, 1980. Kit Siang juga pernah jemput Anwar beri kursus kepada wakil-wakil rakyat DAP. Sekarang, apa agaknya Kit Siang terhadap Anwar. Cuma... dalam isu kerugian Bank Negara, Kit Siang sifatkan Anwar tidak faham ekonomi, lebih rendah dari pelajar menengah perakaunan!

15

BILA USTAZ FADZIL NOOR BACA UCAPAN ANWAR

Ada pihak beranggapan hubungan Anwar dengan PAS tetap tidak terputus, khususnya bila Yang Dipertua PAS Pusat sekarang, Ustaz Fadzil Mohd Noor, adalah bekas rakan karib Anwar, dan pernah menjadi Timbalan Presiden ABIM sewaktu Anwar menerajui gerakan dakwah itu. Ustaz Fadzil dikatakan pernah membaca perutusan khas Anwar dari Kem Tahanan Kemunting, ketika Anwar ditahan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam muktamar ABIM. Seorang teman memberikan perutusan yang disifatkannya dokumen sejarah itu, yang antara lain mencatatkan:

Kehadiran tokoh-tokoh ulama Islam dewasa ini di sidang kita kami anggap sebagai satu penghormatan yang besar kepada pergerakan kita. Kami seru agar saudara-saudara menumpukan minat yang lebih untuk memanfaatkan sepe-

nuhnya dari ilmu dan pengalaman perjuangan bapa-bapa dan saudara-saudara kita yang dikasihi.

Kami memohon agar saudara-saudara mengarahkan perhatian mengkaji karya-karya mujahid Islam semasa serta mempelajari dari pengalaman mereka. Sewajarnya gerakan dihidupkan dengan cita-cita yang suci dan tabah dan harus bertindak dalam satu rangkaian yang meskipun pada zahirnya terpisah namun tetap padu dan kukuh pada semangat dan batinnya. Kini beberapa gerak langkah ke arah ini telah diusahakan sejak lahirnya gerakan kita.

Kami ingin menambah bahawa di samping memusatkan perhatian seterusnya kepada perkembangan tersebut wajarlah bagi kita mengarah pandangan meneliti dengan lebih mendalam pengajaran-pengajaran ulama salaf agar kita menghayati al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan menyinarkan ilmu yang telah dipancarkan oleh ulama-ulama agung yang silam. Semoga di peringkat ini kita harus berupaya mengisi lagi program kita, usrah dan tamrin al-kader, dengan mengkaji karya-karya mereka.

Sebenarnya di tengah-tengah kekacauan dan pergelutan ideologi sekarang ini, kita perlu tampil dengan gagah bagi mempertahankan kesucian dan kemurnian agama kita.

Keupayaan kita akan bertambah setelah disertai dengan petunjuk-petunjuk yang berharga, yang selama ini terbelengkalai begitu sahaja kerana di kalangan pembesar-pembesar dan pemuka-pemuka Islam sendiri terasa seolah-olah satu keaiban untuk bermegah dengan pandangan ulama-ulama yang mereka anggap kolot.

Pengalaman kita sudah cukup dewasa sekiranya kita mampu menghubungkan semula sejarah tersebut dan mempelajari darinya. Sebaliknya jika kita pencilkan diri dari ikatan sejarah serta menyisipkan perwira-perwira ulung Islam dari penghidupan kita, kita akan beransur-ansur merasa kosong dan lesu. Akibat dari kekosongan inilah yang mudah

sekali mendorong sejumlah besar umat untuk mengikut saja arus kejahilan dan keengkaran.

Muktamar setengah penggal ini merupakan masa penilaian dan dari itu perlulah dituntut kemampuan dan pengorbanan yang bertambah dari pendukung-pendukung yang setia.

Kematangan kita ditanda dengan ketenangan dalam menghadapi ujian dan cabaran. Lantaran itu kami berharap agar di bidang ini kita ketepikan sekali pelbagai tohmahan yang sering dilemparkan oleh golongan-golongan yang sentiasa mencurigai Islam dan mulai merasa gempar dengan usaha-usaha membangun semula masyarakat Islam secara yang lebih berkesan.

Terlalu banyak tugas yang harus dikerjakan, oleh itu kita mestilah mengelakkan diri dari dipesongkan perhatian kepada perbalahan dan perbincangan yang sia-sia.

Perutusan ini kami sampaikan sebagai pernyataan penghormatan kami yang tinggi kepada tetamu kita yang dikasihi dan untuk menandakan penyertaan kami bersama saudara-saudara yang kita rindui.



MENTERI Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz kini menjadi perhatian Barat. Sikapnya yang lemah-lembut tetapi penuh ketegasan membuatkan musuh-musuh Islam gentar dan bimbang. Di sebelahnyanya, Haji Yusuf Rawa, Mursyidul Am PAS. Turut kelihatan, Dr Sanusi Daeng Mariok, Subky Latif dan Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman (TMB Kelantan).

16

ANWAR DARI KACAMATA PROFESOR TEXAS

Wajar juga ditelaah pandangan sarjana luar terhadap Anwar ketika beliau memimpin ABIM, sebelum mengupas lebih lanjut hal-hal yang berkaitan dengan Anwar mengenai perkembangan Islam. Saya memetik sebahagian tulisan Fred R. von der Mehden, seorang profesor sains politik di Rise University, Texas, bertajuk "Kebangkitan Islam di Malaysia", yang tersiar dalam buku *Identitas Islam - Pada Perubahan Sosial-Politik*, susunan John L. Esposito, terbitan Bulan Bintang, Jakarta, 1986. Ia adalah terjemahan dari judul asli *Islam and Development - Religion and Sociopolitical Change*, 1980.

"... Namun organisasi dakwah yang telah menjadi amat dominan di dalam media massa dan dalam perbincangan para pemimpin agama dan politik adalah ABIM. Ia menyatakan dirinya sebagai gerakan pemuda yang dipimpin oleh

seorang aktivis muda yang berkarisma bernama Anwar Ibrahim. Sukar untuk mengetahui jumlah anggota organisasi ini, walaupun ada laporan yang mengatakan bahawa anggotanya 30,000 orang sedangkan rapat-rapat umum yang diadakannya selalu mendapat pengunjung yang ramai. Anwar Ibrahim sendiri adalah lepasan Universiti Malaya dan pada pertengahan tahun 1970-an pernah ditahan kerana kegiatan pelajarannya. Sekarang ia Presiden ABIM dan juga wakil Asia Pasifik dalam WAMY (World Association of Muslim Youth). Ia amat terlibat dalam perkembangan Islam antarabangsa dan sering sekali ke luar negara meninjau dan ikut serta dalam aktiviti-aktiviti Islam. Kerana pentingnya peranan Anwar Ibrahim dalam gerakan itu, ada baiknya kalau kita memberikan komentar atas pemikirannya di saat ini.

“Anwar Ibrahim mengatakan bahawa keinginan utamanya adalah menanamkan di dalam jiwa orang Melayu pemikiran Islam secara lebih mendalam, dengan mengatakan bahawa tantangan utama dewasa ini adalah menanamkan benih pemahaman Islam di dalam masyarakat, terutama sekali di kalangan pemuda. Ia juga mengeluarkan pendapat bahawa ia tidak tertarik secara khusus kepada usaha membentuk undang-undang baru mengenai khalwat dan bahagian-bahagian kecil lain dari ajaran Islam. Menurut pendapatnya, usaha-usaha tersebut hanya akan mengalihkan perhatian dari pemikiran mengenai masalah-masalah lain yang lebih penting yang dihadapi Islam di Malaysia. Ketika ditanya mengenai apa yang dimaksudkannya dengan pentingnya memberi tekanan yang lebih besar kepada Islam di negara itu, maka ia menjawab bahawa hal ini berkenaan dengan hubungan-hubungan antara kaum, politik dan ekonomi. Mengenai hubungan antara kaum, Anwar Ibrahim menyatakan bahawa ia lebih menyukai sesuatu masyarakat multi-rasial dan bahawa usaha untuk melaksanakan unsur-unsur kecil dari hukum Islam hanya akan mengganggu hubungan antara ras.


“Dalam suatu wawancara dengan sebuah akhbar tempatan, ia menyatakan: ‘Kepemimpinan Islam itu multi-rasial kerana Islam adalah sebuah agama universal yang mengatasi batas-batas daerah dan kaum. Kepemimpinan pihak kiri, baik komunis mahupun sosialis, akan menimbulkan pertarungan kelas. Kepemimpinan kaum yang sempit sudah pasti akan memperhebatkan perpecahan kaum. Namun kepemimpinan Islam adalah berdasarkan kepimpinan moral dan kemanusiaan, dan kepemimpinan ini melaksanakan hukum Islam dan ekonomi yang adil dan merata yang direncanakan dengan teliti. Kepemimpinan Islam bukan dan tidak boleh bersifat perkauman, dan tidak akan berusaha menghilangkan kepentingan bantuan dan dukungan untuk kelompok dan golongan minoriti lain.’

“Mengenai politik, ia menyatakan bahawa perhatian utamanya adalah mempertahankan sistem demokrasi dan apabila dapat didirikan suatu negara yang benar-benar Islam, maka usaha pemerintah sekarang ini untuk membatasi kebebasan akan dihilangkan sama sekali.

“Dalam wawancara yang sama Anwar mengemukakan pendapat bahawa: ‘Masyarakat di masa akan datang lebih terlibat dan lebih memahami perjuangan Islam, dengan tujuan untuk menciptakan sebuah masyarakat yang adil, yang menghormati hak asasi manusia. Mengenai masa depan politik negara itu, apakah akan berdasarkan Islam atau tidak, haruslah merupakan politik yang memilih suatu filsafat hidup, dan suatu kebijaksanaan nasional yang menjamin keadilan yang sesungguhnya bagi semua orang. Kerana ia merupakan dasar Islam, maka saya percaya orang akan memilih Islam. Ini terutama sekali benar apabila Islam menjunjung tinggi hak-hak golongan minoriti, kebebasan beragama, menentang korupsi dan menindas kekejaman dengan suatu program ekonomi yang adil, yang akan menghapuskan perbezaan kelas dan mengikis habis perasaan perkauman yang sempit.’

"Dipandang dari segi ekonomi Anwar dianggap seorang Muslim sosialis, akan tetapi ia menyatakan bahawa ia bukan begitu. Ia memang menginginkan pemerataan yang lebih besar dalam masyarakat, dan lebih menyukai pengambilalihan industri utama seperti timah oleh negara, namun ia berpendapat bahawa pemerintah memang secara rasmi telah menguasai minyak sehingga hal itu tidak perlu diubah lebih jauh lagi. Meskipun ia menyatakan tidak mempunyai kecenderungan sosialis, ia jelas sekali sesuai dengan pola sosialisme Islam yang terdapat dalam masyarakat-masyarakat lain. Ia menggunakan peristiwa-peristiwa di Iran dan Pakistan sebagai senjata untuk menentang pemerintah, akan tetapi secara peribadi menyatakan bahawa tidak ada dari pengalaman-pengalaman ini yang benar-benar sesuai dengan apa yang dikehendaki di Malaysia.

"Kesempatan dan bahaya ABIM timbul dari semakin banyaknya jumlah fundamentalis muda di kalangan para pemuda Malaysia, terutama dari kalangan mereka yang baru kembali dari England. Para pemuda penganut Islam yang lebih ekstrim ini kadang-kadang menuduh Anwar Ibrahim kurang mendukung persoalan-persoalan Islam dan lebih menyerupai seorang pembaharu. Namun ia telah mengadakan hubungan yang cukup mendalam dengan masyarakat Islam antarabangsa dan juga mempertahankan hubungan yang rapat dengan gerakan Islam di England. Apakah Anwar akan mampu untuk tidak melibatkan diri dalam peranan langsung dalam dunia politik tetap merupakan masalah penting bagi dirinya dan bagi dunia politik Malaysia, akan tetapi cukup kuat alasan untuk mempercayai bahawa ia akan terus mengembangkan pengaruhnya baik di dalam negeri mahupun di luar negeri."



TIGA kakitangan Kolej Tunku Abdul Rahman membantu Ghafar Baba memakai jubah akademik sebelum beliau merasmikan upacara konvokesyen kolej itu di Kuala Lumpur, 19 Oktober 1992. Bandingkan dengan gambar Anwar, di halaman sebelah.



ANWAR melangkah penuh bergaya di majlis konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa.

17

ANWAR HANTUI STRATEGI GERAKAN ISLAM

Antara pertimbangan besar yang ditimbulkan sekiranya Anwar menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno ialah nasib yang bakal diterima oleh gerakan Islam negara ini.

“Untung batu tenggelam, untung sabut timbul,” pandangan seorang teman, di salah sebuah pusat pengajian tinggi.

“Yang pasti ABIM untung, gerakan lain belum tentu,” tambahnya.

“Gerakan lain yang bagaimana?” Tertarik juga saya dengan pandangannya.

“Gerakan yang tetap dengan pendiriannya, menegur dan mengkritik sekiranya Anwar melakukan penyelewengan. Gerakan yang tidak akan mengampuni dan mengipas Anwar. Gerakan yang tidak akan mengambil kesempatan mendapatkan projek kebendaan dari Anwar. Gerakan yang akan

memberi amaran tegas kepada Anwar jika Anwar terus bersekongkol dengan kemungkaran.”

“Bukankah penyertaan Anwar dalam Umno itu sendiri sudah merupakan satu penyelewengan dan pengkhianatan terhadap perjuangan gerakan Islam. Lalu, apa lagi yang mahu diharapkan. Aahh... Anwar sama saja dengan pemimpin Umno yang lain. Macam yang Lutfi tulis, Anwar bukan malaikat, seterusnya dalam Umno bulan pelesit,” ujar rakan yang lain.

“Itu cerita lama. Kekuatan kita mesti dibina, dibaja, dipupuk, disemai, dipelihara, dijaga, dimantapkan, dikembangkan...,” seorang teman yang aktif dalam PAS mencelah.

“Ya, kita mesti bina kekuatan sendiri, bukan bertenggek di atas kelemahan dan kepincangan pihak lain. Kekuatan PAS adalah terletak di atas bahu penggerak PAS, ahli-ahli dan penyokong PAS, bukan pada perpecahan Umno. Begitu juga kekuatan gerakan Islam lain. Persediaan dalaman mesti dimantapkan dengan kadar yang segera,” dia menyambung hujah.

Sememangnya teman saya ini tidak begitu gemar membicarakan masalah politik Umno, katanya, buang masa saja. Lebih baik masa itu dimanfaatkan untuk merancang dan melaksanakan strategi parti. Banyak lagi kelemahan PAS yang perlu dan boleh dibetulkan, diberikan pengarahannya baru, sementara pendukungnya seharusnya menambahkan ilmu dalam semua bidang kehidupan, suburkan daya kreativiti, jangan mudah patah semangat, luaskan pengaruh di mana saja, mesti hidup di tengah-tengah masyarakat dan bukannya melukut di pinggiran, biar masyarakat terasa kehadiran kita yang boleh membawa sinar, bukannya seperti perumpamaan “ada tidak bertambah, pergi tidak berkurang”.

“Tapi ... bukannya kemenangan PAS di Kelantan kerana perpecahan Umno, terutamanya pengaruh Tengku Razaleigh yang begitu besar dalam masyarakat Kelantan. Istana pula seperti tidak senang dengan Menteri Besar, Muhammad

Yaakob ketika itu," saya mencelah, sekadar menunggu reaksi.

"Pengaruh Tuan Guru Nik Abdul Aziz pun hebat. Saya yakin kalau PAS bertanding sendirian, berdepan dengan Semangat 46 dan Umno, kita boleh menang"

"Belum tentu kawan. Jangan cakap besar. Inilah kelemahan kita... tidak mahu akui sumbangan orang lain. Jangan begitu mudah mengandaikan PAS akan menang kalau berlaku pertandingan tiga penjuvu. Menimbulkan isu-isu sensitif seperti itu tidak menguntungkan, sebaliknya boleh mengusik hati orang lain. Yang penting, PAS bersama Semangat 46 telah menang di Kelantan. Semua pihak telah bekerja keras untuk menang. Jangan cuba perkecilkan usaha tersebut," temannya memberi idea. Saya bersetuju.

"Kalau Anwar jadi Perdana Menteri, tentu banyak lagi projek-projek Islam yang diisytiharkannya. Susah PAS dibuatnya," saya cuba menjolok pemikiran teman-teman tadi.

"Kalau PAS ikhlas, PAS harus sambut baik rancangan Anwar jika ia mendatangkan manfaat kepada umat Islam dan rakyat negara ini. Saya rasa PAS berjuang selama ini pun bukan untuk kepentingan PAS tetapi kerana menjalankan amanah Ilahi," seorang dari mereka mencelah.

"Kita sekarang bercakap dari segi strategi politik. PAS selama ini disokong kerana perjuangan Islamnya. Kalau rakyat tengok Umno di bawah pimpinan Anwar dapat mengambil alih perjuangan PAS, perlu apa lagi PAS dipertahankan? Ataupun kalau rakyat merasakan perjuangan PAS sama saja dengan perjuangan Umno, tentunya lebih praktikal mereka menyertai Umno. Umno ada kuasa, ada kekuatan untuk melaksanakan idea Islamnya. PAS hanya ada suara, kecualilah di Kelantan," tegur temannya.

"Kerajaan yang baik akan mendengar pandangan rakyat. Peranan PAS sebagai parti pembangkang Islam tidak kurang pentingnya. Anwar jangan jadi seperti Mahathir, yang langsung tidak menghargai pandangan yang berbeza dengannya. Lagipun Umno sudah terlalu rosak, Anwar hanya akan

menyempurnakan proses kejatuhan Umno. Anwar hanya menggunakan Umno untuk mencapai kuasa, bukan membebankannya. Tapi... apa yang dibangkitkan tadi tidak semestinya tepat. Apakah selama ini Anwar diterima oleh ahli-ahli Umno kerana komitmen Islamnya, atau hubungannya yang rapat dengan Mahathir, atau kerana ciri-ciri kepimpinan yang memang sudah ada pada Anwar?"

"Betul tu, sekarang Anwar disokong kerana kuasa yang begitu banyak padanya. Banyak pihak dalam Umno dan di luar Umno takut dengan kuasa yang ada pada Anwar. Anwar pegang perbendaharaan negara. Anwar boleh agihkan saham-saham penswastaan. Anwar kuasai suratkhbar utama dan juga TV3. Anwar politikkan segala kementerian yang pernah diterajuihnya untuk melonjak ke atas, walaupun terpaksa menekan orang lain. Kementerian yang pernah dikuasainya juga adalah asset besar untuknya membina dan mengembangkan empayar pengaruhnya; Jabatan Perdana Menteri mengenai hal ehwal agama, belia, kemudiannya kebudayaan, pertanian, pendidikan dan sekarang kewangan. Itu saja, bukan kerana Anwar berjanji akan melaksanakan Islam atau cuba memastikan amalan rasuah, penyelewengan, pilih kasih dan budaya maksiat dihapuskan," saya sekadar menambah hujah teman tadi.

Sesuatu yang menarik tentang Anwar, orang yang paling digeruni kerajaan satu waktu dulu, sehingga pernah diusulkan supaya ABIM diharamkan. Sekarang sudah terbalik. Misalnya, usaha saya untuk mencetak buku-buku politik amat sukar kerana tidak ada pencetak yang berani memperjudikan lesen mereka hanya kerana mencetak buku yang dikatakan menentang Anwar.

"Buku awak lawan Anwar atau lawan Ghafar?" tanya seorang pencetak, seorang Cina, bila melihat *cover* buku *Antwar Lawan Ghafar?*

"Bukan saya yang lawan Anwar. Anwar sendiri yang akan lawan Ghafar," saya menyerahkan kepadanya untuk menilai sendiri.

"Kalau lawan Ghafar boleh tahan juga. Ghafar bukan lama lagi boleh tadbir negara. Ghafar pun bukan kuat sangat. Tapi kalau lawan Anwar susah sikitlah," jawabnya sambil menolak permintaan saya untuk mencetak buku itu.

Memang perbincangan mengenai peluang PAS di waktu Anwar menjadi Perdana Menteri begitu menarik untuk diperkatakan; seolah-olah kemaraan Anwar bagi mengatasi Ghafar Baba tidak dapat disekat lagi. Media utama di bawah kawalan Anwar sepenuhnya berjaya membina imej Anwar sebagai tokoh terbaik untuk menerajui negara selepas Mahathir. Antara persoalan yang ditimbulkan – merujuk potensi PAS – ialah tersilaukah mata rakyat melihat projek Islamisasi Anwar (sebenarnya sekarang rancangan penerapan nilai-nilai Islam) sehingga merasakan PAS tidak diperlukan lagi. Ataupun Anwar, demi menguatkan kedudukannya dalam parti dan gabungan Barisan Nasional, serta kedudukan Malaysia dalam pentas politik serantau dan antarabangsa, terpaksa menekan PAS, bagi membuktikan dirinya bukanlah seorang pejuang Islam, seperti yang dianggap oleh sesetengah pihak? Ataupun Anwar sememangnya berhasrat untuk meningkatkan perkembangan Islam, memperkukuhkan kedudukan umat Islam di negara ini, menjalin hubungan yang lebih erat dengan gerakan-gerakan Islam dan badan-badan dakwah bagi maksud meningkatkan keupayaan mereka, atau paling kurang tidak akan meletakkan halangan terhadap pertumbuhan kesedaran penghayatan Islam, tetapi disebabkan kepentingannya mendapat dan mengukuhkan kuasa yang ada, maka PAS terpaksa mendapat bahana!

Bagi saya, lagi cepat Anwar jadi PM lebih mudah perkiaraan yang boleh dibuat oleh gerakan Islam. Biar mereka menilai sendiri apa yang boleh dan mampu dilakukan oleh Anwar. Sekarang ramai juga pendukung gerakan Islam yang memisahkan Anwar dan Umno. Walaupun Umno itu tidak pernah dianggap sebagai sebuah gerakan Islam, tetapi imej Anwar sebagai bekas Presiden ABIM sukar untuk ditanggal.

Dan jika diujahkan bahawa tidak ada apa-apa yang yang boleh dibanggakan dengan prestasi Anwar selama ini, tentu saja ada pihak membela Anwar habis-habisan: "Berilah peluang Anwar membuktikannya semasa dia jadi PM. Jangan nilai Anwar sekarang. Anwar hanya mahu jaga hati Mahathir, orang yang cukup banyak menolongnya dalam politik. Jadi, Anwar terpaksa akur apa saja kata Mahathir. Bukan kerana Anwar setuju dengan Mahathir."

Terdapat juga pemimpin gerakan Islam yang merasakan, buat masa ini, elemen Islam dalam Umno mesti dibantu dan dimenangkan. Elemen Islam yang dimaksudkan tentulah Anwar. Justeru itulah saya merasakan supaya kita tidak ternanti-nanti sebelum kenal Anwar yang sebenarnya, lebih baik dipercepatkan pertabalan Anwar sebagai Perdana Menteri. Lagi cepat lagi bagus.

Perihal terdapat gerakan Islam, yang mulai berjinak-jinak dengan Umno pimpinan Mahathir – Anwar ini bukan suatu rahsia lagi. Dalam buku *Selepas Mahathir Peluang PAS*, saya mengutip pandangan pemimpin gerakan Islam tersebut, yang dikemukakan sebelum Pilihan Raya Umum 1990: "Bahawa Umno merupakan teras Barisan Nasional dan kerajaan. Apa yang berlaku kepada Umno mempunyai kesan langsung kepada kerajaan dan masyarakat. Umno juga merupakan tonggak ketuanan orang Melayu, secara tidak langsung ia adalah sumber kekuasaan orang Melayu. Atau lebih tepat, jika Umno lemah tanpa ada alternatif Islam, maka masa depan Islam dan ummah akan turut terjejas. Umno yang kuat pula tidak semestinya bermakna kekuatan kepada Islam. Itu bergantung kepada pendirian Umno sendiri, seperti yang dicorakkan oleh pemimpinnya. Umumnya boleh dikatakan bahawa harakah Islam tidak boleh membiarkan Umno lemah selagi tiada alternatif Islam. Tetapi Umno yang kuat pula belum tentu membawa kebaikan kepada Islam kecuali kelompok Islam memimpin atau menerajui Umno.

"Pendirian Umno dan oleh itu kerajaan, amat bergantung kepada siapa memimpinnya. Kepimpinan kelompok Islam, umumnya akan membawa kebaikan kepada ummah. Kepimpinan kelompok sekular membawa kesan yang negatif kepada ummah. Sekarang perebutan sedang berlaku. Ia tidak akan berakhir dengan terpilihnya pengganti Dr Mahathir. Malah ia akan berterusan sehingga satu kelompok berjaya menghapuskan sama sekali kelompok yang lain, melalui penyingkiran. Ini tidak akan berlaku dalam jangka pendek. Sebaliknya pasang-surut nasib kelompok-kelompok ini akan menjadi ciri pergolakan dalam Umno. Dan di atasnya pula bergantung turun naik nasib ummah. Oleh itu kelompok Islam perlu dimenangkan dan dibantu dari luar dan dalam."

Maknanya kumpulan Islam ini akan cuba memastikan Anwar yang menang. Dan sebenarnya Anwar telah menang, pusingan pertama, kerana ketika Anwar menyertai Umno dahulu merekalah antara yang awal menentang sekeras-kerasnya tindakan Anwar itu.



MAHATHIR bersama Osman Aroff dan juga pengerusi Woodhouse Sdn Bhd, Datuk Ting Pek Khiing, ketika melawat Langkawi. Ya, sekali lagi pertanyaan: "Siapa yang untung besar di Langkawi." Datuk Ting tentu dapat menjawabnya.

18

BAGAIMANA ANWAR AGIHKAN KEKAYAAN NEGARA?

Apabila Anwar dilantik menjadi Menteri Kewangan, golongan yang pernah bersamanya dalam ABIM dahulu, tidak terlalu mengharap Anwar dapat mengemukakan projek pembangunan dan kewangan yang Islamik secara menyeluruh. Apa yang mereka rasakan, paling kurang Anwar dapat mengawal, mengurang dan seterusnya menghapuskan aktiviti perjudian, yang sepenuhnya di bawah Kementerian Kewangan.

Subky Latif pernah mengulas hal ini, *Harakah*, 18 Mac 1991: "Mungkin dulu sebagai budak sekolah dan sebagai tokoh Pemuda Umno, maka mudah bercakap untuk mengharamkan judi dan memansuhkan riba. Tetapi sebagai Menteri Kewangan tidaklah boleh bercakap sebagai budak sekolah dan sebagai Ketua Pemuda. Setakat ini tidak ramai yang percaya Anwar akan mengharamkan judi. Bukan dia tidak

mahu tetapi tidak terdaya untuk melaksanakannya kerana Umno tidak berpendirian begitu. Jika lesen judi diteruskan juga maka samalah dia dengan saudagar judi dan kaki judi.”

Timbalan Yang Dipertua PAS, Ustaz Abdul Hadi Awang membangkitkan isu judi ini pada Disember 1992 dan meminta Anwar menyatakan jenis-jenis perjudian yang diberi lesen oleh Kerajaan Pusat untuk menjalankan operasinya mengikut pecahan negeri. Hal ehwal perjudian sepenuhnya terletak di bawah Kementerian Kewangan. Wakil Anwar, iaitu timbalan menteri menjawab, sebanyak lapan jenis judi telah dikeluarkan kepada semua negeri, kecuali Kelantan. Antara lesen-lesen judi yang telah diberikan lesen oleh Kerajaan Pusat ialah Lesen Pertaruhan Empat Nombor Ekor, Lesen Pertaruhan Sports Toto, Lesen Pertaruhan Ramalan 3D, 1-3D dan Loteri Sweepstakes, Lesen Pengendalian Mesin Slot kepada Kelab-kelab Syarikat dan Kelab-kelab Persatuan, Lesen Kasino di Genting Highland, Lesen Pertaruhan Nombor Ramalan 4D, 3D dan Lotto, dan Lesen Pertaruhan Nombor Kuda.

Menurut Ustaz Abdul Hadi, apa yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan itu memperjelaskan lagi sikap kerajaan yang menolak syariat Islam walaupun mereka bercajak mahu kepada Islam, sebaliknya mengambil kira kepentingan dari sudut ekonomi yang sempit. “Jelaslah di sini Kelantan yang dikuasai oleh Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah sudah tidak ada judi lagi tetapi di negeri-negeri yang dikuasai Barisan Nasional, judi terus berleluasa,” tegas Ustaz Abdul Hadi.

Semasa membentangkan ucapan dasar selaku Presiden ABIM, pada Ogos 1980, Anwar menegaskan: “Sebarang percubaan untuk meletakkan Islam kepada suatu sistem yang masih membenarkan riba dan arak, pemerasan dan perjudian adalah suatu penghinaan terhadap Islam.”

Bagi ahli-ahli Parlimen PAS tentunya prihatin dengan sikap yang langsung tidak menunjukkan keazamannya untuk menghapuskan judi, tetapi lebih menarik ahli-ahli Parlimen

DAP turut terkejut dengan sikap Anwar itu. Ketika membahaskan Belanjawan 1993, Ahli Parlimen Bukit Bintang, Wee Choo Keong menegaskan: "Apa yang patut dibuat oleh kerajaan ialah mengenakan cukai yang lebih tinggi ke atas **PERJUDIAN** untuk syarikat-syarikat seperti **Magnum, Sport Toto, Big Sweep dan lain-lain**, yang sentiasa memperolehi keuntungan besar dengan senangnya. Akan tetapi selama dua tahun berturut-turut di bawah YB Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan, perjudian telah dikesualikan daripada sebarang penambahan cukai. Perkara ini seandai menggambarkan dengan jelas bahawa YB Dato Seri Anwar Ibrahim amat menyokong perjudian. Dakwaan yang beliau adalah seorang pemimpin Islam hanyalah topeng untuk memperbodohkan rakyat jelata sahaja."

Dalam kenyataan seterusnya Wee percaya, "bahawa semua rakyat mengetahui bahawa **PERJUDIAN** mendatangkan bencana untuk masyarakat dan sebenarnya telah memecahbelahkan banyak keluarga. Dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional sepatutnya mengenakan kadar cukai yang lebih tinggi untuk perjudian bagi mencegah aktiviti-aktiviti ini dalam negara kita. Sebaliknya, jelas hari ini sehingga ini, Kerajaan BN sedang menggalakkan industri perjudian untuk berkembang. Kita semua tahu kenapa Kerajaan BN tidak menaikkan kadar cukai ke atas **PERJUDIAN**. Saya pasti semua rakyat mengetahui tentang hubungan di antara YB Dato Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan dan YAB Dato Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri dengan Tan Sri Vincent Tan dan Encik Ananda Krishnan. Kita juga tahu bahawa baru-baru ini YB Dato Seri Anwar Ibrahim pergi ke Johor Baharu dengan helikopter untuk perasmian persidangan Umno Baru Johor. Saya percaya bahawa Tan Sri Vincent Tan telah menyewakan helikopter tersebut untuk beliau. Saya telah diberitahu oleh sumber yang boleh layak dipercayai bahawa Tan Sri Vincent Tan telah dikurniakan tanah konsesi yang sangat besar di Pulau Redang, dan Pulau Tioman

dengan harga yang murah. Saya juga telah dimaklumkan bahawa selepas itu Tan Sri Vincent Tan telah menjualkan tanah-tanah konsesi di dua pulau ini kepada Berjaya Group of Companies dengan harga beberapa ratus juta ringgit. Dari-pada kenyataan di atas, kami dapat melihat dengan jelasnya kenapa kerajaan tetap enggan untuk mengenakan kadar cukai yang tinggi untuk industri **PERJUDIAN** walaupun kebanyakan rakyat membenci perjudian."

Wee seterusnya menyifatkan Wawasan 2020 hanyalah slogan bankrap seperti slogan-slogan kosong **BERSIH, CEKAP DAN AMANAH** dan **TRADISI MEMBELA RAKYAT**: "Apabila slogan-slogan tersebut telah diumumkan oleh YAB Dato Seri Dr Mahathir pada masa itu, **Rasuah, Penyalahgunaan Kuasa dan Nepotisme** terus berkembang dan digalakkan. Contohnya ialah skandal BMF RM2.5 bilion, EPF Makuwasa, Projek UEM Lebuhraya Utara Selatan, skandal sepuluh juta saham Telekom *dihijack* oleh Presiden MIC, jualan beratus-ratus ekar tanah yang berharga di Bukit Kiara kepada Tan Sri Vincent Tan dan sebuah syarikat di Singapura yang bernama Lum Chang Holdings Ltd untuk lebih kurang RM50 ribu seekar apabila harga pasaran adalah lebih kurang satu juta ringgit seekar."

Beliau kemudiannya merujuk kepada kenyataan Anwar semasa membentangkan belanjawan itu. Anwar berkata: "Kita juga perlu lebih peka dan waspada terhadap perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Kerajaan mempunyai tanggungjawab menjaga kewibawaan dan melindungi imej bersihnya dan tidak akan membiarkan seekor kerbau membawa lumpur habis semua terpalit." Wee menegaskan: "Kenyataan itu kedengarannya seperti semasa beliau menjadi pemimpin ABIM. Ramai orang mengetahui bahawa YB Dato Seri Anwar Ibrahim telah tidak percaya kepada prinsip yang diucapkan itu. Ia sekadar "melepaskan batuk di tangga" sahaja dan untuk memperbodohkan rakyat. Biarkan saya menasihatkan beliau bahawa, dengan izin, *"you can fool some*

of the people some of the time but not all the people all the time".

Wee Choo Keong seterusnya mempersoalkan Anwar: "Jika YB Menteri Kewangan menganggap beliau bersih, saya harap beliau dapat jawab perkara-perkara berikut:

1. JUALAN TANAH YANG UTAMA DI BUKIT KIARA DENGAN HARGA "GIVE AWAY"

Lebih daripada 500 ekar tanah yang utama telah dijual kepada pelabur-pelabur swasta dengan harga "Jualan Murah". Saya telah dimaklumkan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjual lebih kurang 270 ekar tanah di Bukit Kiara kepada Bukit Kiara Equestrian Club, dengan harga kurang daripada RM30 ribu seekar sedangkan harga pasaran tanah tersebut adalah lebih kurang RM1 juta seekar. Tanah yang utama ini telah dijual oleh DBKL kepada Tan Sri Vincent Tan tanpa terlebih dahulu mendapat laporan penilaian dan tawaran terbuka. Kenapa YB Dato Seri Anwar Ibrahim membenarkan jualan tanah tersebut di Bukit Kiara dengan harga yang begitu rendah? Dalam lain perkataan, ia seolah-olahnya diberikan percuma. YB Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah Pengerusi bagi Jawatankuasa Anti Penyelewengan. Kenapa beliau membutakan matanya dalam kes jualan tanah ini sedangkan ia menjejaskan kepentingan orang ramai? Kenapa beliau tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyiasat skandal jualan tanah tersebut? Adakah kerana beliau telah diberikan keahlian dengan percuma untuk Bukit Kiara Equestrian Club? Atau beliau telah diberi konsesi yang istimewa untuk menunggang kuda di kelab tersebut. Adalah menjadi rahsia terbuka bahawa YB Dato Seri Anwar Ibrahim dan YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad adalah ahli-ahli yang kerap mengunjungi kelab tersebut dan menunggang kuda di kelab tersebut. Bahkan, semua orang tahu bahawa YB Dato Seri Anwar Ibrahim pernah mendapat kecederaan leher apabila beliau jatuh dilempar daripada kuda di kelab tersebut? Agaknya kuda

pun tahu skandal ini, dan ingin mengajar Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Anti Penyelewengan yang tidak menjalankan tanggungjawab? Dalam belanjawan ini, duti untuk alat-alat bagi menunggang kuda telah dihapuskan. Adakah orang-orang kampung, atau penjaja di bandar yang miskin, dapat manfaat daripada dasar ini? Maka jelas, YB Menteri Kewangan hanya berminat menggunakan kedudukannya untuk kepentingan dirinya sahaja.

2. JUALAN LEBIH KURANG 365 EKAR TANAH YANG UTAMA DI BUKIT KIARA KEPADA SEBUAH SYARIKAT SUBSIDIARI YANG DIASASKAN DI SINGAPURA

365 ekar tanah di Bukit Kiara telah diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dengan harga yang sangat murah untuk tujuan tunggal bagi "National Cemetery". Kemudian kerajaan telah menjual tanah tersebut kepada DBKL dengan harga RM59,725.00. Pada 6 Jun 1991 DBKL telah menandatangani satu perjanjian pajakan selama 96 tahun untuk 365 ekar tanah yang berharga di Bukit Kiara kepada Kuala Lumpur Golf and Country Club Sdn Bhd (KLGCC) dengan harga RM59,725.00 seekar untuk tanah tersebut, tepat dengan harga yang sama seperti kerajaan menjual kepada DBKL bertahun-tahun yang lalu. Mestilah diambil perhatian bahawa DBKL telah menjual tanah tersebut dengan harga RM59,725 seekar tanpa terlebih dahulu mengadakan tawaran terbuka atau laporan penilaian. Perjanjian tersebut telah dibuat secara rahsia tanpa mendapatkan nasihat undang-undang daripada Peguam Negara.

99 peratus KLGCC adalah dimiliki oleh sebuah syarikat yang dipanggil Solarvest Sdn Bhd (Solarvest). Solarvest adalah sebahagian daripada Lum Chang Holdings Ltd (Lum Chang), sebuah syarikat Singapura. Pengarah Urusan KLGCC dan Solarvest ialah Encik David Lim Kok Seng yang beralamat di 20, Cherry Avenue, Singapura 1027. Beliau juga adalah

Pengarah Pengurus Lum Chang di Singapura. Dengan izin, "issued and paid up capital" KLGCC adalah hanya RM10 juta dan Solarvest adalah hanya RM2 juta. Oleh yang demikian jumlah wang yang dilaburkan oleh Lum Chang, Singapura ialah RM12 juta sahaja. Pada 26 Februari 1992, KLGCC/Lum Chang Singapura telah mengutip wang berjumlah RM48.86 juta. Yuran keahlian untuk kumpulan kedua adalah RM100 ribu setiap orang dan ia hanya ditawarkan dibuka untuk 300 orang pemohon-pemohon. Ini bermakna bahawa Lum Chang Singapura akan mengutip wang berjumlah RM30 juta lagi. Dengan mengambil lebih banyak ahli-ahli, Lum Chang Singapura tidak perlu sebarang modal untuk membina kelab golf tersebut. Lum Chang Singapura tentu mendapat keuntungan beratus-ratus juta ringgit.

Lum Chang Singapura juga telah memohon kepada DBKL untuk membina 901 unit Resort Suites Condominium di atas 365 ekar tanah tersebut di Bukit Kiara. Pada 7 Mac 1992, DBKL masih belum meluluskan pembinaan 901 unit Resort Suites Condominium. Berdasarkan Perjanjian Pajakan dan Perjanjian Tambahan Pajakan kedua-duanya bertarikh 6 Jun 1991, tiada peruntukan untuk membina sebarang Resort Suites Condominium di atas 365 ekar tanah tersebut. Saya tidak faham bagaimanakah Lum Chang dapat memohon untuk membina 901 Resort Suite, sedangkan perjanjian pajakan hanya memperuntukkan pembinaan padang golf? Jualan tanah tersebut adalah penuh dengan desas-desus (scandalous) dan adalah sangat jelas bahawa ada seseorang yang mendapat jumlah wang rasuah (kick-back) berjuta-juta ringgit yang ditanggung dalam perbelanjaan negara ini.

Sebagai seorang warganegara Malaysia, saya berasa amat sedih dan malu kerana Kerajaan Persekutuan sanggup untuk membenarkan tanah utama kita dijual kepada orang asing dengan harga kos tanpa mengambil kira kos pegangan; lain-lain kos dan harga pasaran. Lebih teruk lagi, apabila kita mendapat tahu yang rakyat asinglah paling

banyak mengaut keuntungan daripada penyelewengan ini. Mestilah diambil perhatian bahawa harga pasaran tanah tersebut pada masa itu adalah dalam lingkungan RM1 juta seekar. Oleh yang demikian, kerajaan dan negara kita mengalami kerugian sekurang-kurangnya RM300 juta dengan satu "gerakan pen" pada 6 Jun 1991, iaitu hari di mana perjanjian pajakan ditandatangani.

Ingin saya bertanya kepada YB Dato Seri Anwar Ibrahim, bagaimanakah beliau tidur dengan nyenyak pada malam hari, sedangkan pada siang hari beliau menyebutkan kata-kata seperti "kerajaan mempunyai tanggungjawab menjaga kewibawaan dan melindungi imej bersihnya dan tidak akan membiarkan seekor kerbau membawa lumpur hampir semua terpalit"? Bukankah kerbau yang membawa lumpur itu beliau sendiri yang membenarkan orang asing merompak tanah berharga negara kita dengan terang-terang di depan mata beliau? Biarkan saya memberitahu YB Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Anti Penyelewengan bahawa "jika beliau tidak dapat memberhentikan, dengan izin, *scandalous land transactions* ini, beliau lebih baik lupakan impiannya untuk menjadi Perdana Menteri kerana beliau lah yang sepatutnya disiasat atas hubungannya dengan pelbagai penyelewengan yang berlaku."

Saya juga ingin bertanya YB Menteri Kewangan kenapakah sistem mass transit di Kuala Lumpur diberikan kepada Lum Chang tanpa tawaran terbuka? Sama ada Kerajaan BN atau Menteri Kewangan sendiri ada kepentingan dalam syarikat asing, Lum Chang, oleh kerana kerajaan menjualkan tanah utama di Bukit Kiara dengan harga yang paling rendah dan juga menawarkan kontrak sistem mass transit berharga RM6 bilion?

3. SKANDAL TAN SRI MUHAMMAD MUHD TAIB - JUALAN TANAH SELUAS 400 EKAR

Pejabat Tanah Daerah Petaling, Selangor, telah diarahkan

untuk menjual sekeping tanah pada 13 Mac 1992 seluas 161.874 hektar (400 ekar) di Bukit Cerakah, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling. Tanah ini dijual kepada sebuah syarikat dengan harga RM1 ribu sehektar. Ini bermakna tanah tersebut hanyalah lebih kurang 10 sen sekaki persegi. Hari ini sebatang rokok pun tidak boleh dibeli dengan harga 10 sen, apatah lagi sekaki persegi tanah. Alangkah lucunya bila kita mendengar sebuah kerajaan negeri menjual tanah bernilai 10 sen sekaki persegi. Bukankah ini suatu jualan murah yang termurah di dekad ini? Bukankah ini satu contoh rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan?

Tanah ini sedang ditawarkan untuk dijual kepada banyak syarikat. Harganya telah meningkat, iaitu RM4 sekaki persegi. Ini bermakna keuntungan sebanyak RM60 juta akan dibuat dengan satu "leretan pen" sahaja. Jelas, yang untung bukannya kerajaan negeri atau rakyat jelata tetapi orang tertentu yang menyalahgunakan kuasanya. Saya dimaklumkan yang Tan Sri Muhammad Muhd Taib telah meluluskan tanah ini untuk dijualbeli. Keuntungan penjualan ini dikatakan akan dikaut oleh dirinya sendiri bagi tujuan kempen pilihan raya Umno baru tahun depan. Ini adalah satu lagi kes yang amat terang tentang salah laku dan penyelewengan yang menjadi amalan biasa Kerajaan Barisan Nasional. Jangan mimpi Wawasan 2020 akan berjaya, kerana slogan Bersih, Cekap dan Amanah telah lama dipijak-pijak oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri."

Segala persoalan yang dibangkitkan oleh Wee ini tidak pernah dijawab secara menyeluruh oleh Anwar. Ia tentu membangkitkan banyak lagi persoalan mengenai kewibawaan Anwar mengendalikan khazanah kekayaan negara. Apakah Anwar yang sudah mula berkawan rapat dengan tokoh-tokoh korporat lupa nasib rakyat terbanyak yang memerlukan pembelaan? Apakah amaran yang pernah diberikan oleh ABIM di bawah pimpinan Anwar dulu kini boleh digemakan kembali kepada Anwar? Cubalah saudara

pembaca sendiri mengkaji dan merenung amaran dan penegasan ABIM itu:

"Di bidang ekonomi kita juga menyaksikan keadaan yang tidak kurang ngerinya. Segolongan manusia gagah memeras golongan manusia-manusia kerdil. Kelompok kecil orang-orang gagah inilah sahaja yang sebenarnya telah dapat menikmati kehidupan mewah, sedang jutaan rakyat buruh, petani dan nelayan hanya menerima debu-debu kemakmuran, upah murah dan pendapatan rendah. Mereka terbelenggu dalam sistem ekonomi riba yang berganda-ganda, dicekik oleh orang tengah, inflasi, banjir dan kemarau.

"Pembangunan ala kapitalis yang bersifat *urban bias* telah mengabaikan majoriti rakyat di perdesaan kerana pembangunannya terlalu menumpu ke bandar. Namun begitu kehebatan pembangunan kota rupa-rupanya tidak juga untuk semua. Sebaliknya hanya untuk segelintir manusia sedang jutaan yang lain tersudut di kawasan-kawasan sesak dengan "rumah-rumah haramnya" yang sentiasa cemas diancam raksasa bernama buldozer bandaraya. "Kehidupan kota" dengan segala rempah ratusnya menampilkan gambaran yang penuh dengan jurang pertentangan, yang mewah dan yang melarat, yang gagah dan yang lemah, dan seterusnya yang semuanya menandakan matinya nilai keadilan. Kehidupan desa pula menampilkan gambaran yang serba lesu dan sayu, terlantar dan terbiar."

Tidak cukup dengan itu, atau mungkin Anwar ketawa sahaja membaca pendirian ABIM yang sudah lapuk itu, bagaimana kalau Anwar menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Tengku Razaleigh Hamzah, antara tokoh yang bertanggungjawab membawanya masuk menyertai Umno. Anwar atau orang-orangnya mungkin dengan mudah menolak hujah Tengku Razaleigh dengan kembali menyindir program dan tindakan Tengku Razaleigh sendiri semasa mengetuai Kementerian Kewangan dahulu. Tapi saya rasa sebagai pemimpin besar, yang bercita-cita besar menjadi

PM, Anwar wajar mendengar semua kritikan terhadapnya.

"Kita patut bertanya syarikat manakah yang memiliki sebahagian besar daripada hartanah yang paling mahal di ibu kota? Siapakah yang akan mendapat kontrak membina sistem pembentungan najis yang bernilai enam ribu juta ringgit? Siapakah yang mendapat keuntungan daripada pembangunan Pulau Langkawi, Pulau Redang dan Pulau Layang-layang? Siapakah taukeh besar pusat rekreasi Bukit Kiara di ibu kota? Siapa yang mendapat kontrak projek keretapi laju di Kuala Lumpur? Siapakah yang menjadi broker kepada memorendum persefahaman membeli senjata moden yang bernilai beribu-ribu juta ringgit? Syarikat milik siapakah yang paling banyak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur? Siapa yang akan memiliki kekayaan hartanah di kawasan Stadium Merdeka dan Stadium Negara apabila ia dirobohkan kelak? Syarikat swasta manakah yang paling beruntung daripada krisis tenaga hari ini? Apakah penoreh getah yang mendapatnya? Adakah kaum nelayan dan peneroka Felda yang memiliki saham dalam syarikat-syarikat tadi? Kenapa di saat negara ketiadaan wang untuk membayar bonus dan menyediakan skim perumahan kepada kakitangannya, serta menambahkan peruntukan untuk pembangunan luar bandar, mereka bercakap tentang melipatgandakan projek mewah di dalam bandar? Untuk apa projek-projek itu? Untuk rakyat terbanyakkah atau untuk komisyen orang tertentu," tegas Tengku Razaleigh.

Sekali lagi kita hujahkan suasana pembahagian kekayaan negara dengan komen ABIM di zaman Anwar dahulu: "Suatu keadaan yang amat menjolok dalam masyarakat kita sekarang ialah wujudnya segolongan orang yang hidup mewah berpoya-poya di tengah-tengah ratap-tangis derita rakyat miskin yang tertindas. Ini amat mencemaskan sekali kerana mengikut hukum Sunnatullah keadaan demikian adalah merupakan gejala kehancuran masyarakat. Apa sesebuah masyarakat itu sudah dikuasai oleh golongan *"luxury loving people"* -

golongan yang mencintai kemewahan dan kemoncahan hidup duniawi - maka itulah tandanya masyarakat tersebut sedang mendekati ajal kehancurannya.

Firman Allah (Al-Isra': 16) bermaksud: *"Dan jika kami hendak membinasakan suatu negeri, maka kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya."*

Kenyataan rasmi ABIM zaman Anwar itu mendedahkan lagi: *"Kecenderungan ke arah "luxurious life" adalah punca berbagai penyakit sosial. Kegilaan dalam gaya hidup moncah dengan mudah boleh menyebabkan seseorang itu pecah amanah, menipu, mementingkan diri, tidak bertanggung-jawab, kehilangan dedikasi, tidak tahan lasak dan serba lemah. Dalam hubungan ini Ibnu Khaldun pernah menyatakan bahawa kehidupan moncahlah yang merupakan faktor terpenting berleluasanya amalan rasuah. Kalau kita menelaah catatan-catatan sejarah jatuh bangunnya umat Islam, nanti kita akan ketemu dengan satu kesimpulan bahawa antara faktor terpenting kegagalan dan keunggulan umat Islam dahulu ialah "kesederhanaan" dalam kehidupan. Apabila umat Islam mulai terjerumus dalam kancah kehidupan moncah, maka bermulalah zaman kelemahan dan kejatuhan mereka, kerana perhatian mereka sudah beralih dari amal dan jihad kepada kemewahan dan kemoncahan."*



MENGAPA Mahathir menyerahkan obor kemenangan kepada Muhammad Muhd Taib, bukannya Anwar Ibrahim?



ANWAR bersama keluarganya berhibur dalam satu majlis kebudayaan. Anwar pernah menjadi Menteri Kebudayaan, tapi apa yang Anwar tinggalkan? Bagaimana rupa budaya Malaysia yang unggul dan beradab? Ataupun Anwar tidak mampu berbuat apa-apa lagi menghadapi asakan budaya asing yang hebat itu? Anwar masih punya masa untuk membuat perubahan Islamik, asalkan tekad masih membara. Kita percaya Anwar tentu tidak sanggup melihat akhlak muda-mudi terus rosak dan pincang. Anwar tentu mahukan generasi muda yang luhur akhlaknya, tahan daya saingnya, hebat daya tahannya, mampu membuat perubahan yang positif. Bukan tidak boleh berhibur, tetapi hiburan yang bagaimana yang meluas sekarang? TV3 di bawah pengaruh Anwar pun mempunyai saham merosakkan akhlak.

19

‘SAYA ADA CARA UNTUK JATUHKAN SAUDARA’

Perlantikan Anwar sebagai Menteri Pelajaran, yang kemudiannya nama kementerian bertukar kepada Kementerian Pendidikan, awal 1986, pada mulanya disambut baik oleh masyarakat kampus. Manakan tidak, Anwar dikenali sebagai pejuang di kampus, seorang yang tidak boleh diam berhadapan dengan kemungkarannya di kampus, dan tidak henti-henti menentang Akta Universiti. Saya sendiri, ketika itu diamanahkan sebagai Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia, menyambut berita itu dengan penuh gembira, kebetulan pula gerakan pelajar terus dihipit dan ditekan. Dan isu yang menjadi bualan penghuni kampus, khususnya di UTM ialah pemecatan sembilan pelajar, kebanyakan tahun akhir, kerana mereka memakai purdah.

Selepas pertemuan dengan Anwar, bersama barisan pimpinan Barisan Bertindak Mahasiswa Negara (BBMN) yang menggabungkan pemimpin utama Persatuan-persatuan

Mahasiswa Universiti (PMU), saya menyerahkan surat saya sendiri khusus buat Anwar sebagai tanda ucap tahniah kepadanya. Yang menerima surat berkenaan ialah Nasaruddin Jalil, setiausaha sulit kanan Anwar. Sekarang Nasaruddin dilantik oleh Ketua Eksekutif MBf Finance Bhd dan MBf Holdings Bhd sebagai Naib Presiden MBf Group of Companies! Surat saya itu kemudiannya mendapat perhatian akhbar Watan, dengan menjadikannya sebagai tajuk muka depan Watan 10 Jun 1986, bertajuk "Siswa-siswa Ugut Anwar". Watan juga menyiarkan sepenuhnya surat itu, seperti berikut:

Saudara Anwar

UCAP TAHNIAH

Persatuan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (PMUTM) merakamkan ucapan tahniah kepada saudara di atas perlantikan sebagai Menteri Pelajaran Malaysia. Ini bermakna tugas dan kewajipan saudara kian berat dan amanah kepada Allah s.w.t. ini hendaklah ditanggung dengan penuh rasa keinsafan dan kesedaran bahawa ia merupakan salah satu tugas terpenting kita di dunia ini amar makruf nahi mungkar – dan menggarapnya secara amali dan praktikal.

PMUTM merasakan potfolio yang saudara sandang kini merupakan medan atau gelanggang yang paling sesuai untuk mencernakan segala idea dan ilham yang sering saudara laungkan selama ini, demi kepentingan Islam. Tidak ada dolak-daliknya lagi untuk saudara melepaskan tanggungjawab ini dan sedarlah semua yang kita lakukan akan dihisab di hari akhirat nanti.

Sesungguhnya PMUTM masih lagi menghormati saudara, sebagai individu yang masih peka dengan gerakan Islam, amal Islami dan seterusnya sentiasa berusaha merancang dan bertindak sesuai dan selari dengan syariat Islam. PMUTM mengharapkan saudara diberi petunjuk oleh Allah s.w.t. dengan kemampuan saudara untuk meneruskan cita-cita yang saudara impikan sejak dahulu lagi. PMUTM tetap akan menyumbangkan idea pemikiran terhadap saudara dan menegur di mana perlu apabila kami dapati saudara melakukan kesilapan. Bagi kami, kesalahan saudara sebagai

Menteri Pelajaran adalah terlalu sukar untuk diampun seandainya boleh menggugat kepentingan jamaah Islam.

PMUTM mengharapakan saudara sentiasa berhubung dengan sarjana Islam – bukan sahaja sarjana yang dikatakan “intelektual” tetapi seluruh ulama-ulama Islam, baik “tradisional” mahupun “moden” kerana dengan hanya akal pemikiran sahaja, kita mudah tersesat dan sombong dengan usaha-usaha kita itu.

PMUTM sesungguhnya menyedari pendidikan merupakan satu bidang yang paling ampuh dan mampu untuk merubah generasi Malaysia sebagai generasi yang akan bangkit dan bangun menyedarkan umat di sebelah sini dan menjulang kembali peradaban Islam yang sekian lama tersorok di muzium-muzium.

PMUTM juga mengingatkan saudara jangan terlalu banyak politik yang dirasakan merugikan umat. Dalam masa saudara melaung-laungkan untuk membina tetapi di kala itu juga saudara meruntuh. Benar saudara ada masalah tetapi fikirkanlah masalah itu bertepatan dengan Sunnah Rasul atau tidak. Memang terkadangnya kita melihat strategi yang kita atur atau kita bincangkan dengan sarjana Islam antarabangsa lainnya logik menurut akal fikiran tetapi sayangnya kerap kali jika tidak dirujukkan dengan khazanah mulia al-Quran dan as-Sunnah, kita tersesat dan menjadi sia-sia amalan kita.

PMUTM menyedari bahawa perkembangan intelektual semata-mata tidak cukup dan bukan syarat ke atas kemenangan umat Islam seandainya aqidah dan keyakinan umat diselaputi dan dihijab dengan karat-karat jahiliyah. Kita mungkin hanya dapat mengislamisasikan institusi demi institusi tetapi terlalu sukar untuk mengislamisasikan seseorang seandainya aqidah mereka, tanggapan mereka, pemikiran mereka tetap menjurus ke arah jahiliyah. Inilah bebanan saudara yang saya rasa begitu terlalu berat, apatah lagi di kala kita mahu menjelmakan Islam di tengah-tengah semarak jahiliyah dan kemaksiatan yang didalangi oleh orang-orang yang berkuasa. Kita mahu menegakkan Islam di celah-celah perlembagaan jahiliyah yang bagi kami jelas bersifat sekular yang tidak akan membenarkan Islam hidup subur seadanya di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Tetapi ingatlah saudara, usaha dakwah ini bukan monopoli saudara sahaja. Kepentingan jamaah-jamaah Islam yang haraki lainnya seperti PAS, IRC, Tabligh, ABIM, Arqam dan seumpamanya jangan dipandang enteng. Saya tetap menolak Umno boleh membantu perkembangan dakwah di Malaysia tetapi tidak pula saya menolak saudara. Saya tidak pernah melihat saudara sebagai pendukung hasrat Umno. Kalau saudara sememangnya pendukung konsep nasionalisme Umno, PMUTM akan tetap dan terus menentang saudara.

Saya tidak pasti adakah saudara akan membaca surat ini tetapi masih terlalu banyak hasrat kami kepada saudara. Insya-Allah ia akan disampaikan secara berterusan selepas ini. Tetapi permintaan kami yang pertama, sesuai dengan kuasa yang diamanahkan oleh Perdana Menteri kepada saudara:

I. Batalkan arahan melarang pemakaian purdah di semua universiti. Seharusnya saudara menyedari apabila saudara menjadi Menteri Pelajaran, PMUTM tidak akan bertolak ansur dalam masalah ini. Kenyataan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi memanggil balik pelajar-pelajar purdah UTM tidak pernah meredakan penentangan PMUTM terhadap arahan yang masih tertera ini. Kepada saudara, hanya satu yang PMUTM minta: hapuskan arahan ini. Kalau tidak, PMUTM akan tetap bersama pelajar-pelajar universiti-universiti lain, meneruskan kempen menentang arahan ini dan PMUTM tidak ragu-ragu untuk menyusahkan semua pihak termasuk saudara sendiri.

II. Andainya saudara boleh melihat sejarah ugutan kaum Cina tentang kekhawatiran mereka terhadap bahasa Cina dan Sekolah Rendah Cina maka semestinya juga saudara mengenal pasti tuntutan seluruh umat Islam di negara ini. Saudara tentunya akan mengemukakan hujah bahawa kita tidak ada pakar atau tidak cukup pakar untuk melaksanakannya. Saya ingin bertanya, sudah berapa banyak seminar, kongres, nadiwah pendidikan yang saudara hadiri atau yang dianjurkan? Tidak adakah langsung resolusi ataupun hasil dari seminar-seminar itu yang dapat menolong dan membantu saudara.

Sesungguhnya akhlak dan moral pelajar-pelajar kini sudah

terlalu hanyut. Saya masih ingat cakap-cakap saudara, bahawa faktor-faktor yang menyebabkan ramainya pelajar yang tertarik dengan Islam adalah faktor dari luar sistem pendidikan kini dan bukannya faktor dalaman. Ia lebih berasaskan usaha gigih para duat di luar kampus.

Saya hanya dapat mendoakan kerja-kerja saudara berhasil. Mohonlah petunjuk dari Allah s.w.t. Sesungguhnya penolong orang-orang Mukmin itu adalah Allah, Rasul dan orang-orang Mukmin itu sendiri.

PMUTM hanya mengingatkan seandainya saudara terpesong dari melaksanakan sistem pendidikan Rabbani seperti yang selalu dicanangkan, PMUTM akan bersama-sama menegur saudara dan jika tidak berhasil, PMUTM ada caranya untuk menjatuhkan saudara. Tetapi PMUTM tetap berdoa moga-moga Allah s.w.t. menunjukkan jalan yang lurus buat saudara.

Sekian, terima kasih.

"Wahai orang-orang yang beriman, rukuklah dan sujudlah, abadikanlah diri kepada Tuhanmu; perbuatlah kebajikan, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Dan berjuanglah kamu meninggikan kalimat Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu (untuk berjihad pada jalan-Nya), tiada dijadikannya dalam agama ini kesempitan, ia seperti agama bapamu, ibumu. Dia menamakan kamu Muslimin, dahulunya dan waktu kini, supaya Rasul itu boleh menjadi saksi buatmu dan kamu menjadi saksi pula atas manusia. Maka kerjakanlah seembahyang dan keluarkanlah zakat. Berpegang teguhlah kamu dengan Allah, Dialah yang memimpin kamu dan Dialah yang sebaik-baik pemimpin dan Dialah sebaik-baik penolong."

(Maksud surah al-Hajj: 77-78)

"BEKERJA UNTUK ALLAH"

Yang benar,
AHMAD LUTFI B. OTHMAN
S/U Agung PMUTM 1985/86.



APA yang ditunjukkan lagi tu ... Musa, bekas Menteri Pelajaran masih prihatin dengan pendidikan. Tapi, pendidikan yang bagaimana?

20

ANWAR SEBAGAI TOKOH PEMBACA

Usaha Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia (MKBK) memilih seorang tokoh untuk diumumkan sebagai Tokoh Pembaca tentunya merupakan tugas yang amat sukar, walaupun tidak mustahil. Apakah kriteria yang akan digunakan untuk menentukan tokoh tersebut? Pembacaan yang meluas lagi mendalam tentunya merupakan syarat yang utama. Tetapi bagaimanakah dapat ditentukan betapa meluas dan mendalamnya pembacaan seseorang itu? Tambahan pula, bilangan buku yang dibaca oleh seseorang, selain sukar dapat diukur dan dipastikan, merupakan kriteria yang tidak memadai. Besarnya bilangan buku yang dibaca, tanpa dapat memanfaatkan pembacaan itu secara intelektual, tidaklah ada faedahnya. Malah, menurut Mortimer Adler, peringkat pembacaan yang paling tinggi ialah pembacaan sintopikal, yakni pembacaan yang bukan sahaja dapat me-

manfaatkan sebanyak mungkin buku dalam sesuatu atau pelbagai bidang, dengan si pembacanya secara kreatif dapat menerbitkan sintesis yang segar dalam pemikirannya daripada hasil pembacaan buku-buku itu. Ditinjau dari sudut keperluan bimbingan intelektual yang penting bagi sesebuah masyarakat yang sedang membangun seperti masyarakat kita, maka seorang pembaca yang telah mencapai tahap sintopikal itu sebaik-baiknya dapat pula mendorong minat terhadap kegiatan intelektual secara umumnya, dan terhadap pembacaan buku-buku secara khususnya di kalangan para anggota masyarakatnya sendiri.

Tokoh pembaca yang kita umumkan hari ini – Saudara Anwar Ibrahim sesungguhnya dapat dikata memenuhi sebahagian besar kriteria itu. Bukanlah tujuan kita untuk membuktikan bahawa tokoh ini merupakan tokoh yang paling banyak membaca, kerana seorang pembaca prof di sebuah badan penerbitan sudah pasti lebih banyak membaca daripadanya. Akan tetapi, sebagai anggota satu golongan elit politik yang selalunya lebih terkenal kerana kecekatan dalam percaturan politik dan pencapaian dalam lapangan profesional semata-mata, maka tokoh ini menonjol kerana minat dan kepekaan intelektualnya. Oleh itu keghairahannya tidaklah semata-mata ditumpukan terhadap tindak-tanduk pengurusan dan pentadbiran untuk menegakkan negara ini menjadi sebuah Negara Perindustrian Baru. Malah, visinya lebih tajam dan lebih menjangkau ke arah membina sebuah masyarakat yang secara intelektual dapat melepaskan diri daripada kegelapan dan kejumudan pemikiran. Oleh yang demikian, pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha kemajuan buku di negara ini amatlah berterima kasih kerana visinya itu seringkali diartikulasikannya dengan secara langsung melibatkan buku-buku.

Kedudukan beliau di kalangan elit politik negara ini tidaklah pernah dijadikan alasan untuk menjauhkan diri daripada buku dan kegiatan intelektual. Malah kedudukan-

nya itu sering pula menjadi rahmat terhadap perkembangan buku di negara ini. Sebagai Menteri Pendidikan Malaysia, nyatalah bahawa Saudara Anwar Ibrahim tidak pernah menanggap peranannya sebagai ketua pengurus sekolah-sekolah dan kilang-kilang sijil serta ijazah semata-mata. Sebaliknya, dia menanggap peranannya sebagai pembawa obor untuk menyuluh alur falsafah yang wajar diikuti oleh sistem pendidikan negara ini, demi melahirkan manusia bijaksana yang seimbang, sebagai para anggota masyarakat Malaysia untuk hari-hari mendatang. Dalam memainkan peranannya itu, peranan buku sentiasa mendapat tempat yang istimewa lagi nyata.

Oleh kerana kecintaannya yang tulen terhadap buku, Saudara Anwar Ibrahim tampaknya merupakan satu-satunya menteri di negara ini telah mengukir reputasi sebagai "menteri pelancar buku". Melihat beliau berucap melancarkan buku-buku yang diterbitkan oleh badan penerbitan pemerintah seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit swasta, institusi pengajian tinggi, mahupun badan-badan bebas seperti GAPENA, Persatuan Linguistik Malaysia, Yayasan Penataran Ilmu dan sebagainya tidaklah merupakan sesuatu yang luar biasa. Namun demikian, tugas itu sentiasa dilaksanakannya dengan minat dan kesungguhan yang tidak pernah luntur – memuji usaha yang telah dilaksanakan, dan mendorong usaha yang seterusnya. Setiap kali, gesaannya ialah supaya pihak-pihak yang berkenaan itu berusaha lebih gigih supaya hasil daya intelek daripada pelbagai tradisi pemikiran dunia dapat terus disalurkan kepada bangsa kita sebagai bekal kita membina tradisi intelek sendiri yang lebih terbuka dan lebih jitu.

Namun demikian, tugas pelancaran buku yang sering dilakukannya itu tidaklah pula dihadapi dengan sikap rasmi-rasmian semata-mata. Misalnya, sewaktu pelancaran Yayasan Penataran Ilmu yang dilakukannya baru-baru ini, dia dengan sungguh-sungguh memastikan bahawa 14 judul buku hasil

terjemahan Yayasan itu telah disampaikan kepadanya terlebih dahulu untuk dibaca sebelum dia menyediakan ucapan pelancarannya. Dan sesungguhnya dalam ucapan itu dia telah berusaha mengulas sebahagian daripada buku-buku tersebut. Sebagai seorang menteri dan ahli politik yang terpaksa bergiat cergas dalam zaman dan suasana politik yang penuh pancaroba sekarang, memanglah sukar dapat diduga bagaimana dia dapat meluangkan waktu untuk terus-menerus membaca. Namun demikian, saya kira tiada siapa dapat menuduh bahawa judul-judul buku yang disebut-sebut dalam ucapan-ucapannya itu sekadar merupakan usaha menyuguhkan nama semata-mata. Malah, sebaliknya kita berasa kagum akan keyakinan dirinya memperkatakan karya-karya tersebut di depan para ahli dalam bidang-bidang tertentu. Rasanya, hanya seseorang yang benar-benar membaca buku-buku berkenaan yang akan dapat dengan yakinnya memperkatakan Karl Mannheim dan Michel Foucault di depan para ahli sains sosial, memperkatakan Allan Bloom di depan para ahli dan pentadbir pendidikan, memperkatakan gagasan-gagasan *futurist* John Naisbitt di depan para ahli sains, mengemukakan tanggapannya akan karya-karya Arena Wati dan Patrick Suskind di depan para sasterawan dan pengkaji sastera, dan menghuraikan pemikiran para ahli falsafah klasik serta para pemikir semasa seperti Fazlur Rahman dan Ismail Faruqi di depan para sarjana pengajian Islam. Jika beliau dapat dituduh sebagai hanya terus-menerus "berpura-pura tahu" di depan semua para ahli itu, maka tentulah para ahli itu sendirilah yang perlu kita persoalkan keahlian dan kejituaannya.

Kebiasaan menyebut judul-judul buku dan nama-nama pengarang oleh seorang ahli politik yang mendapat pendedahan media yang agak meluas ini, pada hemat saya, telah mendatangkan kesan yang positif terhadap upaya penggalakan pembacaan dalam masyarakat kita, menimbulkan rasa ingin tahu di kalangan orang yang biasanya tidak begitu

berminat terhadap karya-karya tersebut dan pemikiran yang terkandung di dalamnya. Misalnya, beberapa bulan yang lalu, setelah membaca resensi-resensi yang banyak terdapat dalam majalah-majalah Barat, saya terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang agak membebankan untuk memesan karya Allan Bloom, *The Closing of the American Mind* dari Amerika Syarikat. Sedemikian besarnya minat yang telah ditimbulkan terhadap buku itu kerana sering disebut-sebut oleh Saudara Anwar Ibrahim, sehingga buku yang telah saya baca itu hingga kini belum pernah sempat tinggal lama dalam perpustakaan peribadi saya di rumah – terus-menerus sahaja dipinjam dan kadang-kadang disalin (secara melanggar undang-undang hakcipta) oleh teman-teman yang antaranya selama ini tidaklah pernah memperlihatkan minat terhadap pembacaan, apatah lagi karya-karya yang seperti itu.

Saya kira Anwar Ibrahim memang sentiasa sedar tentang kesan yang dapat ditimbulkannya terhadap pendorongan pembacaan. Oleh kerana itu, dia tidak pernah jemu-jemu menyarankan judul-judul tertentu kepada segala golongan yang berhubungan dengannya dalam kehidupan sehari-hari – daripada para pengikut dan para ahli politik ke para pegawainya di kementeriannya, hinggalah kepada para Naib Canselor di universiti-universiti. Malah, beliau sering pula menganjurkan suatu jenis kegiatan yang dinamakannya Wacana Intelektual yang disertai oleh para pegawai kanan dan para pentadbiran pendidikan di negara ini. Dalam pertemuan-pertemuan tersebut para peserta didorongkan menyertai perbincangan tentang beberapa persoalan intelektual yang penting dengan dipandu oleh tokoh-tokoh yang diundang khusus, serta buku-buku yang disarankan dan ditentukan.

Sebagaimana yang kita ketahui, alur yang dilalui oleh Saudara Anwar Ibrahim untuk memasuki arena politik negara ini berpunca pada *milieu* kebangkitan kembali Islam di kalangan para pemuda kita pada tahun-tahun 1970-an. Meskipun arah yang diambil oleh kebangkitan itu telah agak sering

dikritik oleh para penganalisa sosial tertentu kerana kejumudan dan kemandulan intelektualnya, namun Saudara Anwar Ibrahim sendiri sebagai salah seorang tokoh terpenting yang dilahirkan oleh gerakan sosial itu sejak mula telah menekankan betapa pentingnya gerakan itu mendalami dan menghayati khazanah intelektual Islam yang agung, dan membuka diri seluas mungkin kepada unsur-unsur pemikiran yang positif daripada pelbagai tradisi lainnya, dalam rangka usaha mencari satu sintesis baru yang segar dan akan memungkinkan masyarakat Islam menjadi pramuka dalam mengharungi gelora zaman abad kedua puluh satu yang penuh pancaroba nanti. Dalam konteks ini, dapatlah kita lihat usahanya yang gigih dalam mendorong penerbitan karya-karya klasik mahupun semasa, baik dalam rangka kegiatan ABIM mahupun dalam tindakan-tindakan rasminya setelah zaman itu.

Minat peribadinya yang agak rakus terhadap pembacaan buku mahupunendorongan rasmi yang diberikannya terhadap penghasilan dan penyebaran buku di kalangan bangsanya itu sesungguhnya lahir daripada kekhuatirannya yang mendalam akan keadaan yang ditanggapnya sebagai kejumudan dan kegelapan yang sedang mencengkam cakerawala intelek bangsanya. Hanya penilaian masa depan yang akan dapat memastikan apakah benar atau tidak tanggapannya itu. Jika tanggapannya itu benar, maka kita sepatutnya turut serta berasa gusar. Hanya kita mengharapkan - sebagaimana biasanya dalam sejarah intelektual bangsa-bangsa di dunia - bahawa dalam keadaan gelap-gelita yang demikian itu biasanya akan keluarlah daripada gua ilmu burung-burung hantu Minerva mengembangkan sayapnya, melontarkan cahaya penyuluh supaya sirnalah kejahilan dan kebekuan daya berfikir. Demi menjadi reputasi diri saya sendiri yang biasanya bersifat kritis, maka tidaklah saya bermaksud hari ini untuk menjulang tinggi Saudara Anwar Ibrahim dengan menganggapnya sebagai burung hantu Minerva yang bakal menyelamatkan masyarakat kita dari zaman kejahilannya.

Namun demikian, dengan kepekaannya yang halus serta kemantapan inteletknya, dengan kecintaannya akan buku dan ilmu, serta kedudukan sosial dan politik yang memungkinkan berbuat sesuatu, maka kita mengharapkan agar dia *sekurang-kurangnya* tidak akan jemu-jemu mencari burung-burung hantu Minerva itu lalu menggerakkannya agar segera keluar dari gua persemadiannya yang diliputi kebekuan.

Tulisan ini adalah pidato penganugerahan Tokoh Pembaca oleh Rustam A. Sani di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 7 Ogos 1988.



MENTERI Penerangan, Mohamad Rahmat mengusik Anwar, di perkarangan Medan Parlimen. Menteri Pendidikan dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hanya melihat sahaja. Usik jangan sebarang usik Mohamad Rahmat. Anwar tu bakal PM, hang mesti jaga-jaga rancangan TV1 dan TV2 baik-baik. "Alah, Anwar pun apa kurangnya, apa Anwar buat di TV3?" mungkin itu usikan Mohamad Rahmat.

21

LEBIH CEPAT ANWAR JADI PM, LEBIH BAIK BUAT PAS!

Sesuatu yang pelik bagi Anwar ialah kekaguman orang lain terhadapnya bukan didasarkan kepada prestasinya sekarang atau semasa beliau memegang kementerian tertentu, tetapi lebih banyak didorong oleh nostalgia zaman lampau-nya, semasa beliau menerajui gerakan pelajar dan juga ABIM.

Segala keazaman, komitmen dan penegasannya untuk membela keadilan dan menentang kemungkaran selalu dirujuk ke zaman silamnya itu, ketika Anwar cuba mencari erti keadilan dan kebenaran di atas pentas-pentas debat di universiti atau di jalan-jalan raya ketika mengetuai demonstrasi. Dan harapan, yang hingga kini belum berkecai di hati pendukung Islam, bahawa Anwar akan memastikan perjalanan negara ini berdasarkan keadilan ketika beliau menjadi Perdana Menteri nanti, juga bukan berdasarkan penilaian terhadap gerakerjanya selama ini, tetapi bersumberkan

kegiatannya sebelum Anwar menyertai Umno.

Untunglah Anwar, harapan yang tergalas di bebanannya masih tetap segar, walaupun beliau tidak berjaya membuktikannya sepanjang pembabitannya secara serius dalam politik kepartian. Justeru itu, ada pihak yang merasakan lebih baik Anwar cepat-cepat diangkat menjadi PM, supaya pihak yang selama ini begitu mengimpikan Anwar akan mengotakan segala keazaman dan tekad Islamnya dahulu dapat melihat dengan nyata siapa sebenarnya Anwar.

"Betul, lagi lama Anwar menunggu menjadi PM, lagi keliru untuk kita menilai dirinya yang sebenar. Walaupun Anwar begitu rapat dengan Mahathir, menjadi menteri paling kanan dalam Kabinet, diberikan banyak jawatan penting, tetapi masih ramai orang yang tidak ikut menyalahkan Anwar jika – dan sememangnya – Mahathir melakukan kesalahan dalam pentadbirannya. Orang masih menganggap Anwar terpaksa membisu terhadap dasar-dasar Mahathir kerana menjaga kepentingan jangka panjang umat seluruhnya. Tidak mustahil bila Anwar menggantikan Mahathir satu hari nanti, Anwar akan melaksanakan segala komitmen Islamnya," hujah seorang teman lama, yang hanya mahu dikenali dalam buku ini sebagai Zul.

"Yang hairannya Zul, apa buktinya Anwar masih boleh diyakini menerajui negara ini secara adil dan sentiasa merujuk kepada prinsip Islam, sekiranya selama ini Anwar membenarkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, tahanan tanpa bicara, pilih kasih berlaku di depannya. Dan Anwar sendiri, untuk lebih tertonjol dalam politik Umno, khususnya semenjak menerajui Kementerian Kewangan, juga terseret dalam kancah yang sama, terutama dalam politik wang. Benar seperti pendapat awal tadi, orang masih mengharap, sampai mimpi-mimpi bahawa Anwar akan menjalankan pemerintahan secara Islam hanya kerana igauan zaman ABIM dahulu.

"Adakah itu sudah memadai sedangkan pencapaiannya

selama ini, di Kementerian Pendidikan umpamanya, tidak menunjukkan Anwar benar-benar berazam untuk melaksanakan Islam. Apa yang Anwar buat dengan sekolah-sekolah agama rakyat? Apa yang Anwar lakukan terhadap permintaan yang begitu tinggi terhadap keperluan sekolah-sekolah agama? Apa yang Anwar buat untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran Islam di sekolah-sekolah kerana kita melihat akhlak pelajar semakin merosot? Tidak ada satu pun peruntukan dalam Akta Universiti yang dipinda, sedangkan semasa Anwar menjadi Menteri Pendidikan pelajar purdah dipecat, pelajar yang membantah konsert ditahan di bawah ISA, Naib Canselor yang ditunjuk oleh Anwar di Universiti Malaya mencetuskan kontroversi yang tidak sihat, beberapa agensi di bawahnya dipergunakan untuk membina pengaruh dalam Umno!" Rakannya, Kamil, turut memberi reaksi dan hujah. Kamil – juga bukan nama sebenar – adalah bekas pemimpin pelajar semasa Anwar menjadi Menteri Pendidikan.

Asiaweek pernah mengutip pandangan Shahrir Samad tentang Anwar: "*His performance doesn't match his charisma.*"

"Sepatutnya segala impian dan harapan tentang Anwar harus berdasarkan prestasi semasa. Prestasi di waktu Anwar menerajui kementerian-kementerian penting, bukan berdasarkan tunjuk-tunjuk perasaan dahulu, atau ucapannya ketika menjadi Presiden ABIM, hatta ucapannya sekarang, tanpa melihat pembuktian amalinya. Memang kalau berdasarkan cakap Anwar – dari zaman universiti, ABIM dan ketika menjadi Menteri Kewangan - komitmennya terhadap masalah kemiskinan umpamanya nampak seperti tidak berubah. Tapi bolehkah cakap Anwar dipegang kalau ia hanya sedap diucap dan dilafazkan sahaja? Anwar sudah lupakan orang miskin di desa, dia asyik dengan taikun-taikun Cina sekarang," Kamil terus menunjukkan ucapan dasar Anwar di Perhimpunan Agung Pemuda Umno, yang tercatat dalam buku saya *Anwar Lawan Ghafar?*

"Lutfi, apa ertinya ucapan Anwar ini: 'Kita menuntut agar Biro Pencegah Rasuah diperkukuhkan, dengan tambahan kuasa dan jentera yang cukup terlatih dan berkesan. Tidak ada sesiapaupun harus dikecualikan, tidak kira kedudukan, pangkat dan kekayaan sama ada pemimpin politik, pegawai atau pengusaha. Kita sudah jemu dan benci mendengar kisah-kisah sogokan yang dilakukan oleh ikan besar dan ikan kecil dan kita harus mengejar, menangkap dan menghukum mereka. Seandainya pucuk pimpinan menyel Leweng daripada dasar perjuangan yang telah diwariskan, Pemudalah yang pertama sekali bangun menentang dengan sekeras-kerasnya. Kita juga menuntut agar tokoh-tokoh politik yang terjebak dengan rasuah politik dan rasuah moral, kemaksiatan dan rendah akhlak disingkir daripada kedudukan mereka. Sekiranya kita sendiri tidak berkeupayaan untuk memperbetulkan gelanggang sendiri, jangan mengharapkan orang lain untuk melakukannya'. Apa maknanya ucapan ini kalau dirujuk kepada apa yang dilakukan oleh Anwar sekarang, terutama dalam pembahagian kontrak-kontrak kerajaan dan saham syarikat yang diswas-takan. Rasanya kita pun masih belum lupa skandal yang membabitkan Samy Vellu mengenai saham TEN, juga skandal maksiat Vijandran yang pernah cuba dipertahankan Anwar di Parlimen," begitu bersemangat Kamil berhujah.

Mengingatkan ucapan lantang Anwar semasa menjadi Ketua Pemuda Umno itu, antara peristiwa menarik ialah bidasan Datuk Musa Hitam, Timbalan Presiden Umno ketika itu - September 1986 - terhadap Anwar. Hujah Musa: "Dalam pada itu, saya sentiasa berdoa kepada Allah moga-moga tidak akan wujud sindrom bisu dalam Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno Malaysia hari ini. Saudara-saudari akan mengalami sindrom tersebut jika saudara-saudari hanya membisu seribu kata, ataupun sengaja diminta supaya membisu, sebaik sahaja timbul sesuatu isu yang memerlukan suara dan tindakan wajar dari saudara-saudari

sekalian. Sindrom ini akan wujud bila saudara-saudari menjadi *insensitive* ataupun bersikap dingin terhadap perkembangan politik semasa, ataupun saudara-saudari hanya menjadi tukang komen kepada kenyataan pemimpin-pemimpin tertentu sahaja, dengan harapan saudara-saudari akan mendapat perhatian pemimpin berkenaan, dan seterusnya saudara-saudari akan menjadi lebih dikenali oleh pemimpin yang tersebut. Sindrom seperti ini tidak harus wujud dan tidak harus diizinkan bertapak di mana-mana peringkat Umno sekalipun. Sikap sedemikian adalah sikap yang *defeatist* ataupun sikap mengaku kalah tidak kena pada tempatnya."

Untuk merancakkan perbincangan saya mengemukakan kepada Kamil dan Zul ucapan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang di Parlimen, pada 17 Mei lalu, tentang isu Stadium Merdeka mahu dirobohkan demi pembangunan negara. Bagaimanapun saya tidak pasti sejauh mana Anwar boleh dipertanggungjawabkan dalam isu-isu seumpama itu.

"Apa kena mengena perobohan Stadium Merdeka dengan Anwar. Lagi-lagi Anwar yang mahu dipersalahkan atas apa saja salahlaku kerajaan BN," tegur Zul. Saya sengaja memilih isu ini kerana ia adalah penerusan UEM, syarikat yang ada kepentingan Umno di dalamnya, dianugerahkan projek demi projek, dalam rangkaian usaha untuk mengekalkan Umno di tampuk pemerintahan.

Menurut Kit Siang, pemberian tender RM415 juta bagi Kompleks Sukan Bukit Jalil tanpa tender terbuka kepada UEM untuk bertukar tanah Stadium Merdeka dan Stadium Negara yang berjumlah RM500 juta adalah bukti percanggahan kepentingan yang amat serius. Dalam tahun 1987, UEM telah diberi projek perundingan untuk Kompleks Sukan Negara yang bernilai RM250 juta. Sekiranya kini UEM diberi tanpa tender terbuka Kompleks Sukan Bukit Jalil, ini akan bermakna bahaw UEM akan dibenarkan menyalahgunakan kedudukan perundingannya untuk mendapatkan Kompleks Sukan Negara untuk dirinya. Inilah kali pertama dalam

sejarah penswastaan di Malaysia, yang mana seorang konsultan sesebuah projek dapat mereka syor-syornya di mana pada akhirnya projek berkenaan diberi kepadanya dan ini adalah jelas suatu percanggahan kepentingan. Ada satu lagi percanggahan kepentingan sekiranya UREM diberi tanpa tender terbuka Kompleks Sukan Bukit Jalil untuk bertukar dengan tanah Stadium Merdeka dan Stadium Negara yang bernilai RM500 juta disebabkan ia mempunyai pertalian dengan Umno dan pemimpin-pemimpin Umno. Sekiranya penswastaan Kompleks Sukan Bukit Jalil tidak dikehendaki menjadi suatu skandal yang lebih besar daripada skandal Lebuh raya Utara-Selatan, maka kerajaan hendaklah menolak tender swasta UEM itu dan mempelawa tender secara terbuka dengan membenarkan syarikat-syarikat yang berminat untuk membuat tawaran berkompetitif untuk projek tersebut.

"Susah juga nak faham ya?" Zul tidak sabar-sabar lagi mengetahui hujah Kit Siang seterusnya.

"Memang, aku sendiri keliru. Zaman sekarang semuanya serba canggih. Nak menipu rakyat pun semakin mudah kalau kita susah nak faham skandal-skandal macam ini," tambah Kamil. Bukan setakat mereka, saya sendiri tidak begitu arif dalam hal seumpama ini. Tambahan pula skandal kewangan selalunya akan ditutup rapat oleh golongan berkepentingan. Akhbar-akhbar utama tidak boleh diharap lagi untuk menjelaskan kepada rakyat, sebaliknya merekalah yang tambah mengelirukan. Untuk lebih memudahkan, elok saja ucapan Kit Siang seterusnya dirakamkan:

Adalah dilaporkan bahawa UEM telah membuat tiga cadangan untuk Kompleks Sukan Bukit Jalil untuk Sukan Komanwel tahun 1998. Dalam cadangan pertamanya, UEM telah mengemukakan suatu Kompleks Sukan berharga RM650 juta termasuk stadium utama yang dapat memuatkan 100,000 orang, sebuah kompleks renang, satu stadium tertutup, sebuah akademi golf dan sebuah pusat skuash. Dalam cadangan keduanya pula, UEM telah mengemukakan sebuah

kompleks berharga RM615 juta yang menggugurkan akademi golf dan pusat skuash dan kapasiti stadium utama dikurangkan dari 100,000 kepada 80,000. Cadangan kini UEM yang merupakan cadangan ketiganya yang bernilai RM415 juta akan mempunyai kapasiti yang lebih kecil bagi stadium utama di mana ia akan dikurangkan kepada 60,000. Demi kepentingan akauntabiliti awam, transperensi dan kewibawaan, laporan perundingan UEM untuk Kompleks Sukan Negara hendaklah diumumkan kepada orang ramai untuk memuaskan negara bahawa UEM tidak menyalahgunakan kedudukan perundingannya untuk mendapatkan Kompleks Sukan Bukit Jalil untuk dirinya sendiri. Apakah UEM telah mencadangkan di dalam perundingannya bahawa penawaran tender untuk Kompleks Sukan tidak seharusnya dibuat secara terbuka dan bahawa ia harus diberikan monopoli untuk membinanya? Pengajaran yang dapat dipelajari daripada proses penswastaaan di negara ini ialah bahawa harus diadakan tender terbuka untuk melindungi kepentingan terbaik orang awam dan negara.

"Lutfi, kau ingat masa kita pergi dengar ceramah Tengku Razaleigh, di Hotel Federal, 11 Mei lalu?"

"Kenapa?"

"Bukankah Tengku Razaleigh juga sebut isu Stadium Merdeka ini?"

"Sekejap... aku tengok teks Ku Li."

"Semua ucapan kau simpan?"

"Ini... dengar ya, apa Ku Li kata: 'Kerana wang jugalah kita akan melihat nasib yang bakal menimpa salah satu mercu tanda Kuala Lumpur yang menjadi lambang keagungan sejarah kemerdekaan kita, iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara kita. Simbol sejarah kemerdekaan itu akan dirobohkan semata-mata kerana wang dan kerana ia adalah peninggalan al-Marhum Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan kita. Alasan yang diberikan oleh kerajaan bahawa wang lebih penting dari sejarah amat memeranjatkan kita. Ia

membayangkan betapa lemahnya semangat patriotisme mereka. Kecintaan mereka terhadap negara amat diragukan. Hanya orang yang tidak ada akar umbi dalam perjuangan kemerdekaan sahaja yang sanggup berkata demikian. Dunia bertuah kerana pemimpin seperti ini tidak menguasai kota-kota sejarah seperti Rom, Istanbul ataupun Makkah, kerana sudah tentu banyak peninggalan Roman tua atau kerajaan Uthmaniyyah dimusnahkan, kerana bagi mereka sejarah tidak penting, yang penting ialah wang. Bahkan umat Islam bernasib baik kerana orang seperti mereka tidak menjadi penguasa di Arab Saudi. Kalau tidak, sudah tentu Kaabah pun akan dijual kalau ada orang yang sanggup menawarkan harga yang lumayan...”

“Ada lagi...”

“Sabarlahsikit. Kata Ku Li lagi: ‘Anehnya, di saat mereka berkata yang sejarah itu tidak penting, kita diberitahu, kerajaan telah membelanjakan wang beratus ribu ringgit untuk Muzium Negara memelihara sebuah rumah lama tempat kelahiran pemimpin mereka di Kedah. Kita hairan, biasanya memorial dibina untuk seseorang yang telah mati. Di negara kita, orang masih hidup pun awal-awal lagi dah buat memorial untuk diri sendiri. Ini yang menghairankan kita, kenapa sejarah individu hendak dikekalkan sedangkan sejarah negara dan bangsa hendak dirobohkan. Seseorang yang percaya bahawa wang boleh melakukan apa sahaja, akan melakukan apa sahaja untuk mendapatkan wang. Hari ini mereka akan merobohkan Stadium Merdeka kerana adanya tawaran lumayan, esok, mungkin mereka akan menjual Masjid Negara dan menjadikan bangunan Parlimen sebagai kondominium mewah pula sekiranya ada orang yang menawarkannya dengan harga yang lebih mahal.’”

“Bukan itu saja Kamil, kontrak sistem pembentungan najis pun dibolot yang syarikat yang rapat dengan Anwar dan Mahathir?”

“Siapa pula tu?”

“Dalam buku Yahaya Ismail, *Anwar Ibrahim; antara Nawaitu dan Pesta Boria* dikatakan Vincent Tan...”

“Nak betulkan sikit, sebenarnya *Tan Sri Vincet Tan*, taukeh Sports Toto...”

“Ya, syarikat Tan Sri Vincent Tan, Berjaya Group dikatakan telah diberi kontrak bernilai RM6 bilion pada bulan Mac lalu, untuk membangunkan sistem memproses najis seluruh negara.”

“Betulkan fakta... kerajaan menafikan kontrak itu diberikan kepada Berjaya. Nilainya pula RM6.7 ribu juta dan tender terbuka tidak diamalkan. Kit Siang ada sebut hal ini dalam kenyataannya di Parlimen.”

DAP menyeru supaya tender terbuka dipelawa untuk penswastaaan Sistem Pembetulan Negara yang bernilai RM6.7 bilion di mana projek tersebut kini ditawarkan kepada Indah Consortium yang mengandungi North West Water (M) Sdn Bhd, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis di-Raja, Indah Wastewater Management (M) Sdn Bhd dan Aims Worldwide (M) Sdn Bhd. Penswastaaan ini akan meliputi semua 43 kawasan bandar di tiga belas buah negeri di mana tarif pembetulan akan dimasukkan sebagai surcuj ke atas tarif yang dikutip oleh lembaga air negeri. Memandangkan tarif bulanan terpaksa dibayar oleh semua isirumah di 43 kawasan bandar d negara ini, maka penyertaan yang lebih hendaklah diadakan dalam proses pembuatan keputusan ke atas penswastaaan sistem pembetulan negara serta juga tender terbuka dipelawa demi menjaga kepentingan terbaik awam.

“Apakah itu semua salah Anwar?” tegur Zul.

“Ya, sebahagiannya di bawah kuasa Kementerian Kewangan. Kalaupun tidak semuanya, sebagai menteri terkanaan, lebih dipercayai oleh Mahathir dari Ghafar sendiri, Anwar tidak boleh diamkan segala skandal dan penyelewengan di depannya. Kerajaan tentunya amalkan sikap tanggungjawab bersama.”

"Nanti bila berkuasa, bila sudah jadi PM, di waktu itulah Anwar lebih bersikap tegas dan tidak akan bertolak ansur lagi dengan segala penyalahgunaan kuasa"

"Cakap bolehlah Zul, buat orang gelak saja. Orang yang tahu apa Anwar buat di Kementerian Kewangan muak dengan cakap-cakap seperti itu. Anwar bukan malaikatlah dan orang lain dalam Umno bukan pelesit seperti yang kau sangkakan dulu. Tapi bukan aku kata orang lain lebih baik daripada Anwar. Anwar ada kelebihan, dan kelebihan itu mesti digunakan untuk kepentingan rakyat, bukannya hanya untuk menonjolkan dirinya sebagai bakal PM."

"Kalau Anwar naik dengan cara dan pendekatan yang jelek, hasil memenuhi tembolok perwakilan Umno dengan projek dan saham penswastaan, Anwar akan diikat terus dengan budaya negatif itu. Percayalah, nanti Anwar sukar membuat perubahan kerana amalannya selama ini tidak selaras dengan pidatonya. Anwar sendiri akan menyesal tak sudah dengan realiti waktu itu," jelas Kamil.

"PAS pula macam mana?" saya cuba melihat pandangan Kamil, yang pernah aktif sekejap bersama PAS.

"PAS hanya berpengaruh di Kelantan, Terengganu, sebahagian Kedah dan Perlis. PAS perlu bangkit mengimbangkan pengaruh dan kekuatan Umno di semua negeri, termasuk Sabah. Paling kurang PAS mesti ada wakil di Dewan Undangan Negeri di setiap negeri. PAS mesti ada kubu tersendiri di Johor, Melaka, Selangor, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan. Rakyat mesti merasai kehadiran PAS dalam hidup mereka. Ini bermakna PAS harus bersama denyut jantung rakyat Malaysia seluruhnya. PAS harus menjadi seperti DAP yang menjadi saingan terdekat kepada MCA bagi orang-orang Cina," bersemangat betul Kamil hari itu. Simpatinya pada PAS tidak kunjung padam, rasanya begitu juga tenaga profesional Melayu lainnya.

"Kalau Anwar jadi PM?"

"Segalanya bergantung kepada pemimpin PAS."

Pemimpin PAS mesti pro-aktif. Jangan jadi bodoh untuk memikirkan Anwar akan tolong PAS. Anwar akan lebih sibuk menjaga kedudukannya dalam Umno, yang waktu itu pasti lebih kelam-kabut dari sekarang. Pemimpin PAS harus mewakili aspirasi seluruh lapisan masyarakat Islam," tegasnya lagi.



TERMENUNG panjang nampaknya Ustaz Fadzil. Ya, bukan mudah memimpin sebuah gerakan Islam dan parti pembangkang yang sentiasa ditekan oleh pemerintah. Tapi, masa depan tetap untuk Islam, soalnya mampukah PAS merebut peluang itu?